

**DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN)**

---

**Shah Alam Isnin 16 Mac 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)  
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)  
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)  
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)  
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)  
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)  
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)  
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)  
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)  
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)  
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)  
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)  
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)  
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)  
YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)  
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)  
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)  
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)  
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)  
YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Negeri Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
Puan Faizah bt. Mohd. Shafawi  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula.

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor yang ke 12 dimulakan dengan bacaan doa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Doa

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker, soalan 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y. B. TUAN WONG KOON MUN  
(KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: SKIM TAKAFUL WARGA EMAS/TAWAS**

20. Skim Takaful Warga Emas / TAWAS kepada rakyat Selangor. Rakyat berharap ianya diperluaskan penyertaan kepada rakyat yang berumur 50 tahun ke atas, ianya dapat penyertaan menyeluruh rakyat lebih luas.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk meluaskan cadangan rakyat?
- b) Berapakah statistik penyertaan yang diterima dan statistik kos yang telah dibayar kepada peserta sehingga sekarang?

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Pertama sekali saya ingin memaklumkan bahawa skim ini bukanlah Skim Takaful Warga Emas tetapi ia kenali sebagai Skim Mesra Usia Emas yang merupakan satu skim khairat kematian untuk warga emas seluruh Negeri Selangor. Buat masa ini kriteria penerima skim ini adalah berumur 60 tahun ke atas. Walau bagaimanapun skim ini telah diperluaskan setelah mendengar cadangan rakyat di antaranya:

pertama, untuk skim usia emas ini juga kita telah perluaskan pada orang kurang upaya yang telah mendaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan mendapat manfaat yang sama dengan warga emas.

Yang keduanya, skim ini telah pun dibuka kepada warga emas yang kerakyatannya rakyat negeri Selangor tetapi telah tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang lahir sebelum 1974.

Cadangan ketiga adalah untuk diberikan kepada kebajikan kepada warga emas yang masih hidup. Kerajaan telah pun bersetuju ianya dilaksanakan di bawah fasa kedua Skim Mesra Usia Emas. Walau bagaimanapun program dan bentuk bantuan ini sedang dalam rangka disiapkan. Jangkaan program fasa dua ini akan dapat dinikmati pada tahun ini juga.

Skim Tawas pula dianggarkan seramai 60,000 bayi yang dilahirkan di Selangor setiap tahun. Memandangkan sambutan yang baik kepada skim ini, sekali gus bagi memastikan lebih ramai bayi yang dilahirkan di negeri Selangor mendapat manfaat ini maka pada tahun 2009 kriteria penerima Skim TAWAS telah pun ditambah iaitu kalau asalnya hanya warga negara Malaysia lahir di negeri Selangor atau ibu bapanya lahir di negeri Selangor tetapi kini telah ditambah kriteria tersebut iaitu permohonan adalah terbuka kepada anak yang dilahirkan di negeri Selangor yang memenuhi kriteria seperti berikut:

Pertama, warga negara Malaysia dan lahir di negeri Selangor mulai 1 Januari 2008 dan ibu atau bapanya walaupun bukan kelahiran Selangor tetapi telah bermastautin di Selangor minima 10 tahun.

Bagi jawapan kepada soalan yang kedua, Skim Mesra Usia Emas hingga 24 Februari 2009 sejumlah 31,536 orang warga emas telah didaftarkan sebagai ahli. Jumlah kematian pula berjumlah 1819 orang keseluruhannya sehingga 24 Februari 2009 juga sejumlah RM1.713 juta telah dikeluarkan bagi menjelaskan bayaran peringkat pertama iaitu RM1,000.00 setiap seorang kepada 1713 orang penama. Sementara sejumlah RM315,000.00 telah dijelaskan kepada 126 orang penama waris untuk bayaran peringkat kedua iaitu RM1,500.00 setiap seorang. Bayaran peringkat kedua ini baru sahaja dimulakan pada 17hb. Februari 2009 dan sedang dilaksanakan mengikut daerah masing-masing.

Bagi Tabung Warisan Anak-anak Selangor ataupun (TAWAS) mengikut data yang dikemaskinikan sehingga 10 Mac 2009 seramai 3041 kanak-kanak yang layak telah berdaftar dalam skim ini dan jumlah yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk membayar faedah Tabung Warisan Anak Selangor ini adalah sebanyak RM138,600.00. Sekian, Tuan Speaker.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Hulu Kelang.

**YB TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan. Adakah kerajaan merancang untuk Tabung TAWAS memandangkan ia merupakan pelaburan untuk menyerahkan buku akaun kepada ibu bapa bagi pihak anak agar setiap tahun boleh ia *check*, dengan izin berapakah penambahan pelaburan tersebut hingga ke anak berusia 18 tahun.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Terima kasih, Hulu Kelang. Sebenarnya kita telah pun memberikan sijil sebanyak 3041 orang ini, kita telah keluarkan sijil, sijil yang dikeluarkan oleh AM Bank dan mereka sebenarnya ibu bapa berhak untuk pergi ke bank tersebut dan tengok sendiri jumlah pelaburan yang meningkat setiap tahun, itu tidak jadi masalah kepada ibu bapa untuk boleh assess kepada tabungan yang ada.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI:** Soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI  
(BATU CAVES)**

**TAJUK: PENGURUSAN MASJID**

21. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah suntikan baru yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam pengurusan masjid bagi menjadikan masjid sebagai pusat transformasi masyarakat.
  - b) Apakah butiran perkara yang akan ditekankan kepada nazir dan jawatankuasa Masjid yang baru dilantik dalam kursus kendalian JAIS atau MAIS.
  - c) Apakah strategi baru kerajaan negeri bagi memastikan harta wakaf masjid terpelihara dan boleh diupayakan bagi pembangunan ummah.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker untuk menjawab soalan ini, Soalan yang pertama, apakah suntikan yang akan dilakukan kepada Jawatankuasa Masjid yang baru yang akan memegang jawatan selama 3 tahun mulai daripada 1 Jun tahun 2009 ini sampailah 2012. Antaranya tidak lain dan tidak bukan supaya kita dapat membulatkan tekad dan amalan-amalan yang dijalankan oleh ahli-ahli kariah bagi masjid itu tentang amalan Islam sebagai addin. Addin ertinya cara hidup keseluruhan cara hidup atau *complete of lives* dengan izin. Jadi bila menyebut Addin ini Tuan Speaker tidak lain dan tidak bukan ahli jawatankuasa masjid utamanya Nazir, Timbalan Nazir, Setiausaha, Bendahari dan seluruh jawatankuasanya termasuk jawatankuasa wanitanya, jawatankuasa pemudanya dan lain-lainnya mesti memahami konsep addin ini. Islam satu keseluruhan dalamnya ada teknologi, dalamnya ada pertanian, dalamnya ada industri, dalamnya ada budaya, dalamnya ada pendidikan, dalamnya ada pentadbiran, dalamnya ada mati, dalamnya ada hidup itulah Islam. Sebab itu kita hendak ahli-ahli masjid terutamanya pentadbir pengurus masjid mestilah pandangan *would view* mereka, *would view* yang menggambarkan keseluruhan Islam itu. *Wama arsalna kaillahrahmatatil alamin*, Islam itu merupakan satu rahmat yang nak diberikan kepada masyarakat tempatan, nak diberikan kepada masyarakat sekeliling, nak diberikan kepada masyarakat senegeri, senegara, dan akhirnya kepada umat seagatnya.



Yang kedua, Tuan Speaker untuk menjawab soalan ini ialah tentang suntikan-suntikan tersebut yang akan diberikan, kita telah merundingkan dengan pihak MAIS dan berunding dengan JAIS, melalui STANCO kita telah pun menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk meneliti bagaimana kita nak memasukkan unsur-unsur penghayatan Islam sebagai addin ini dalam konteks moden, dalam konteks teknologi terkini, dalam konteks semasa *very a bitten* konteksnya itu. Bagaimana kita nak jalankan, inilah yang sedang kita rundingkan, maka kurikulumnya sedang disusun agaknya berbeza sedikit dengan JKKK. Kurikulum sedang diaturnya yang juga berbeza dengan kursus penghulu dan sebagainya. Sebab itu oleh kerana masjid ini adalah asasnya adalah asas agama, pekelilingnya, pekeliling agama, suasananya suasana agama, sudah tentulah sebahagian besar daripada kurikulumnya menjurus kepada pembinaan amalan, pembinaan ilmu amalan, dan pembinaan kekuatan untuk merealisasikan apa yang mereka belajar itu terutamanya jawatankuasa masjid untuk diterapkan dalam kehidupan masyarakat seluruhnya.

Bagi soalan yang keduanya, Tuan Speaker tentang apakah perkara-perkara yang ditekankan kepada nazir jawatankuasa masjid yang baru dilantik dengan kursus-kursus kendalian JAIS dan MAIS, ini pun telah saya sebutkan tadi yang. Yang ditekankan tiga perkara Tuan Speaker.

Pertama ialah ilmu, kita nak jadikan pentadbir masjid mulai daripada nazir sampailah kepada jawatankuasa belianya kita hendak mereka yang berilmu dan ilmu dalam konteks masjid ini Tuan Speaker, ilmu merangkumi dua, ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi, dua-dua sekali yang mesti diterapkan untuk menjadikan ahli-ahli jawatankuasa masjid ini lebih global lagi sifatnya, lebih *all and compressing* sifatnya dengan izin dan,

Yang kedua yang nak dimasukkan ialah tentang kemahiran, ilmu kemahiran *knowledge skill, skill* ini termasuklah bagaimana mengurus kewangan, bagaimana mengurus *human derision*, bagaimana mengurus orang yang tua-tua, bagaimana mengurus orang alim, bagaimana mengurus diri sebagai seorang imam, bagaimana mengurus diri seorang pembaca khutbah, bagaimana nak meningkatkan keberkesanan komunikasi dalam bentuk khutbah dan sebagainya. Ini adalah merupakan kemahiran-kemahiran yang mesti diberikan dan saya dapati dan teman-teman pun mendapati inilah di antara bidang-bidang yang sangat kurang sekarang ini yang patut diberikan penekanan dan saya akan menentukan bersama dengan MAIS dan JAIS ini akan diberikan penekanan dalam kursus-kursus yang dikendalikan kepada jawatankuasa masjid.

Yang ketiga ialah soalan mengenai tanah wakaf, harta wakaf masjid, yang saya nak sebutkan masjid ini kebanyakannya dalam kawasan yang kecil, ada masjid hanya dalam kawasan 1 ekar, ada yang ½ ekar sahaja bahkan JAIS menyatakan nak mendirikan sebuah masjid itu yang cantiknya ialah 6 ekar. Bila 6 ekar tu, kita sebut soal kompleks. Dulu dalam kerajaan lama pun sudah nak tubuhkan kompleks Islam tak salah saya satu daerah satu kompleks Islam, 9 daerah 9 kompleks Islam, tapi saya tak nampak kompleks Islam mana yang wujud daripada 9, 9 tersebut. Jadi pada saya tentang wakaf ini, kalau pun ada tanah-tanah kita sedang nak menyatukan, dia kalau dia satu tanah wakaf di satu tempat *assaulted* berdiri dengan sendirinya, dia tidak akan berdiri dengan sendirinya, kita kena *applykan economy of skill*, di mana kita tengok tanah-tanah wakaf itu dikelompokkan dan barulah kita boleh berbincang dengan pemaju-pemaju dalaman ataupun pemaju-pemaju luaran yang dapat membantu kita memajukan tanah wakaf tersebut, apa pun tindakan sudah pun diambil untuk membuat inventori kepada tanah-tanah wakaf tersebut dan dalam inventori tersebut akan disebutkan nilai tanah-tanah

tersebut satu kaki persegi berapa, nilai-nilai tersebut akan dicantumkan nilai-nilai tersebut dan untuk dibangunkan paling tidaknya kita mengharapkan pertambahan yang berganda-ganda, ada *multi layer* pertambahannya untuk menentukan tanah-tanah wakaf masjid, atau masjid betul-betul dapat dioptimalisasikan dalam konteks membangunkan tanah-tanah tersebut dan harta-harta tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sijangkang

**YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, saya ingin bertanya apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan benar-benar transformasi masyarakat ini yang mana di negeri kita masyarakat majmuk yang mungkin secara langsung ataupun tidak langsung yang akhirnya kurang pandangan-pandangan negatif kepada Islam dan yang bukan beragama Islam itu sendiri.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, Sijangkang. Saya tiada mengatakan Islam sebagai addin. Islam sebagai addin kalau dilaksanakan secara *totalities of live* dalam konteks Selangor ini, *totalities of live* kita ini dalam hal *woodshed relative ship* ada orang India, ada orang Cina, ada orang Kristian, ada orang Buddha, ada orang Hindu dan sebagainya dan masjid tidak sepatutnya *scale eluded* begitu sahaja mengetepikan orang-orang yang lain. Sebab itu kita ada namanya, nama bahagian-bahagian di JAIS misalnya kepada saudara-saudara baru, saudara-saudara baru yang masuk dalam Islam ini, kita akan berikan pengajaran-pengajaran Islam, amalan-amalan Islam yang asas-asas kemudian tu kita beri pada peringkat pertengahan dan pergi ke peringkat atasan, selain daripada itu kepada mereka yang belum lagi yang belum dapat ditembusi oleh dakwah, usaha dakwah yang dijalankan oleh teman-teman di JAIS dan MAIS dan sebagainya apa yang kita nak buat, kita nak buat dalam bulan Ramadan yang akan datang ini, kita dah bincang pun dalam STANCO dalam bulan Ramadan akan datang, kita hendak masjid-masjid, contoh Masjid Kampung Baru, Masjid Kampung Baru pukul 4.00 orang beratur-atur, berduyun-duyun orang beratur-atur, nak ambil apa, nak ambil bubur lambuk. Kalau saudara lihat di situ orang India pun ada, orang cina pun ada orang Melayu pun ada, tetapi yang saya cadangkan masjid supaya buat dua kaunter untuk menjaga akhlak-akhlak masjid ni dua kaunter, kaunter yang sana mungkin kepada mereka yang tak dapat menutup aurat misalnya kita letakkan satu kaunter khusus untuk mereka mendapatkan apa yang nak disajikan untuk mereka, sama ada bubur lambuk, sama ada apa juga yang dijalankan yang dikendalikan. Selain daripada itu, untuk yang teman-teman yang bukan Islam kita dah mulakan di masjid ini, Tuan Speaker, kita mengadakan forum perdana hal ehwal Islam, bersiri dan bersyllabus, bersiri dan bersyllabus, dan kita mengharapkan bila bersiri dan bersyllabus, ahli-ahli panel telah dilantik khas untuk menyampaikan Islam dalam konteks di depan kamu ada orang India, di depan kamu ada orang Cina, di depan kamu ada orang Kristian, di depan kamu ada orang Buddha dan pada masa yang sama Tuan Speaker, kita telah berbincang dan telah mengadakan dua siri kita mengadakan. Apa yang kita mengadakan, majlis-majlis ilmu di pasar-pasar malam, di Shah Alam telah bermula pagi sambil orang pergi market orang pergi market yang Islam pun dengar, yang bukan Islam pun dengar. Kita dapati oleh kerana dua-dua penceramahnyanya Dato' Ismail Kamus memang pun nama-nama yang menjadi *house full name*. Nama ini maka kita dapati sambutannya sangat-sangat menggalakkan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Bandar MBSA dan teman-teman yang menguruskannya. Termasuklah teman-teman JAIS yang telah begitu berlapang dada dengan mengambil daya utama mengadakan majlis ini. Inilah di antara perkara-perkara

yang saya fikir bahawa Islam itu bukan Eksklusif. Islam itu *inclusive* sifatnya. Terima kasih.

**TUAN SPEKER:** Kg. Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, Soalan saya No. 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN LAU WENG SAN  
(KG. TUNKU)**

**TAJUK: PERTUKARAN KAKITANGAN AWAM**

22. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil kerajaan Selangor terhadap kakitangan-kakitangan awam yang tidak menunjukkan prestasi yang baik dan sering kali menggagalkan dasar kerajaan Selangor?
- b) Bagaimanakah program *SPIES* telah digerakkan untuk membantu kakitangan awam meningkatkan sistem penyampaian mereka?

**YB PUAN DR. HALIMAH BT. ALI:** Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullhi WBT.* dan selamat sejahtera. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap kakitangan awam yang tidak menunjukkan prestasi yang baik dan sering kali menggagalkan dasar Kerajaan Selangor adalah dalam bentuk berikut:

- a) Tindakan Dalam Bentuk Pembetulan dan Pembaikan
  - i) Mengadakan perbincangan atau perundingan;
  - ii) Memberikan amaran secara lisan;
  - iii) Memberikan amaran bertulis secara pentadbiran;
  - iv) Menukarkan pegawai kepada suasana kerja dan tanggungjawab yang baru; dan
  - v) Menghantar pegawai mengikuti kursus / bengkel / seminar yang sesuai dan berkaitan dengan aspek permasalahan yang dihadapi aspek motivasi, keagamaan dan sebagainya.
- b) Tindakan lain Secara Pentadbiran
  - i) Merujuk pegawai ke Lembaga Perubatan sekiranya pegawai didapati menghadapi masalah kesihatan mental dan fizikal
  - ii) Merujuk pegawai kepada perkhidmatan kaunseling atau psikologi; dan
  - iii) Merujuk pegawai ke hospital atau psikiatri.
- c) Tindakan Dalam Bentuk Hukuman
  - i) Penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam;
  - ii) Tindakan tatatertib sekiranya pegawai didapati mencemarkan nama Perkhidmatan Awam, kurang cekap atau kurang berusaha, tidak jujur

atau tidak amanah, tidak bertanggungjawab, ingkar perintah atau cuai;  
dan

- iii) Sekiranya pegawai telah mencapai umur persaraan pilihan, maka pegawai tersebut boleh diberikan nasihat untuk memohon persaraan awal.
1. Tindakan-tindakan ini adalah selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Surat pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1998 iaitu 'Garis Panduan Menguruskan Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai Awam Negeri Selangor (Kelakuan dan Tatatertib) 1995.

Statistik Tindakan Tatatertib terhadap pegawai yang bermasalah sepanjang 2008 sejumlah 61 kes tatatertib yang telah diambil ke atas Pegawai dan kakitangan dan pekerja yang melanggar tatatertib kelakuan penjawat awam atau agensi Kerajaan Negeri Selangor. Jadi pecahan bilangan setiap kesalahan tidak hadir tugas sebanyak 60 kes, pemalsuan dokumen 6 kes, tidak bertanggungjawab 5 kes, penyalahgunaan dadah 2, cuai dalam pelaksanaan tugas 1, ingkar perintah 1 kes dan perincian hukuman tatatertib yang telah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan adalah seperti berikut:-

- i) Amaran 55.
- ii) Denda 12 orang.
- iii) Lucut hak emolumen 23 orang
- iv) Tangguh pergerakan gaji 35 orang
- v) Turun gaji 5
- vi) Turun pangkat 0
- vii) Buang kerja 17

Pada tahun 2008 tiada kes yang telah diputuskan untuk ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dan untuk unit Kaunseling pula statistik kaunseling dan psikologi seramai 40 orang pegawai dan kakitangan sepanjang 2008 telah dihantar untuk mendapat perkhidmatan kaunseling dan psikologi dan pada tahun 2009 sehingga 10hb. Mac, seramai 9 orang pegawai dan kakitangan yang telah menghadiri sesi Kaunseling. Ini kalau kita rujuk kepada kes yang tadi yang tidak dibuang kerja itu menunjukkan betapa baiknya Kerajaan Pakatan Rakyat yang baru mendapat kuasa memerintah negeri Selangor yang tidak membuang orang sewenang-wenangnya. Kena mengambil kira secara adil-adil meneliti secara adil apakah kes-kes yang disabitkan kepada kakitangan Kerajaan itu. Bukan kerana masalah Politik dan sebagainya seperti yang telah diamalkan sebelum ini.

Jawatan Kuasa Keutuhan Pengurusan Negeri Selangor untuk makluman Yang Berhormat dianggotai oleh pertama sebagai Pengerusi Yang Berhormat Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan, Timbalan Setiausaha Kerajaan Pengurusan, Pengarah SPRM, Pengarah Biro Pengaduan Awam Wilayah Persekutuan Selangor, Ketua-ketua Jabatan dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia selaku Urus Setia. Dan juga Bengkel Pencegahan Rasuah Kerajaan Negeri Selangor, julung kalinya mengadakan satu bengkel yang diadakan pada 22 dan 25 April 2008 yang menghimpun seramai Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Kumpulan Sokongan dari 42 Jabatan agensi Kerajaan.

Soalan b) Program Pembangunan Modal Insan *SPIES* iaitu Pembangunan Holistik seseorang insan yang meliputi *Spiritual, Physical, Intelektual*, Emosional dan Sosial telah bermula pada bulan Ogos tahun 2008, dengan mensasarkan kepada semua golongan masyarakat termasuk penjawat awam.

Bagi penjawat awam program *SPIES* bertujuan membuka minda, memberi kesedaran tentang tanggungjawab mereka sebagai kaki dan tangan Kerajaan Negeri Selangor yang akan melaksanakan dasar-dasa serta Perancangan-perancangan Kerajaan Negeri Selangor serta mata dan telinga Kerajaan yang akan memberi input dan maklum balas apa yang berlaku di luar sana supaya Kerajaan Negeri Selangor dapat mendapat maklumat yang benar dan terkini daripada bawah dan mereka ini diberikan kesedaran supaya mendapat kesedaran supaya mereka inilah orang-orang Kakitangan Kerajaan yang harus menjalankan tugas dengan amanah dan juga Program *SPIES* untuk Penjawat Awam ini juga untuk meningkatkan motivasi dan memupuk nilai-nilai universal yang utama kepada mereka seperti akauntabiliti, bertanggungjawab, integriti dan dedikasi terhadap amanah dan tugas yang dipikul di tempat kerja supaya pengurusan dan pentadbiran kerajaan berjalan dengan efisien dan efektif.

Konsep budaya berfikir dan mengamalkan ilmu serta semangat bekerja sebagai berpasukan diberi penekanan yang utama. Pada tahun ini kerajaan merancang mengadakan sebanyak 20 siri kursus yang melibatkan penyertaan seramai 1500 kakitangan awam di Negeri Selangor yang terdiri dari pelbagai peringkat dan kategori. Kumpulan yang pertama mereka terdiri daripada Datuk Bandar dan Yang Dipertua, PBT, Pegawai Daerah, dan Ketua-ketua Jabatan telah mengikuti *SPIES* Kepimpinan Perdana selama tiga (3) hari dua (2) malam iaitu pada 17 hingga 19 Februari 2009.

Kerajaan percaya program *SPIES* boleh membantu meningkatkan sistem penyampaian penjawat awam dengan cara:

- i. membentuk satu pasukan kepimpinan di seluruh Negeri Selangor yang memahami tanggungjawab dan amanah kepimpinan sebagai pemangkin pembangunan negeri;
- ii. Memberi pendedahan berkenaan konsep *SPIES* sebagai elemen teras pembangunan modal insan Negeri Selangor, sekali gus melahirkan kepimpinan yang dinamik sebagai pemacu kegemilangan berterusan dan melahirkan Tamadun terunggul Negeri Selangor;
- iii. Merangsang peningkatan personaliti dan karisma kepimpinan yang berwibawa dan berketerampilan; dan
- iv. Mempelajari kaedah membina kepercayaan pengikut dan peningkatan kredibiliti serta gaya kepimpinan sebagai asas membentuk pasukan yang cemerlang, bagi menghasilkan kualiti dan produktiviti yang mempunyai daya tahan, daya saing dan daya maju yang maksima.
- v. Penekanan kepada kepimpinan yang dinamik dengan memaksimumkan kesedaran untuk melengkapkan diri dengan izin *soft skills* dan *hard skills* di kalangan semua pekerja di dalam organisasi. Di samping penekanan kepentingan dengan mesin *statement* organisasi harus diterangkan kepada semua kakitangan supaya mereka dapati memahami menghayati misi tersebut

dengan lebih baik. Oleh itu mereka lebih baik dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan sistem penyampaian bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Pengisian program *SPIES*, bertujuan untuk menggalakkan kakitangan awam supaya sentiasa meningkatkan daya saing diri masing-masing bukan sahaja penambahbaikan nilai diri, tetapi berusaha meningkatkan produktiviti dan sistem penyampaian mereka dan kemudian diikuti dengan program-program susulan. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Soalan tambahan. Pengerusi Soalan no. 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: BANTUAN KEPADA OKU DAN IBU TUNGGAL**

23. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah positif yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi membantu golongan OKU dan Ibu Tunggal?
- b) Apakah terdapat insentif dan bantuan kewangan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan ini untuk berdikari?
- c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu NGO-NGO yang bergiat aktif membantu golongan OKU dan Ibu Tunggal?

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Keprihatinan Kerajaan negeri Selangor terhadap golongan Orang Kurang Upaya serta Ibu Tunggal tidak boleh dinafikan lagi. Dengan kerjasama dari pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor serta beberapa agensi berkaitan, golongan ini dapat dibantu dari pelbagai bentuk.

Bantuan yang telah disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada golongan Orang Kurang Upaya ini bertujuan untuk membantu mereka berdikari dan seterusnya menolong mereka mencapai tahap yang maksimum di dalam semua lapangan hidup, sesuai dengan kebolehan dan keupayaan mereka. Perkhidmatan yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada orang kurang upaya adalah seperti berikut:-

Takrif yang saya nyatakan telah berjalan setiap Orang Kurang Upaya kita daftarkan.

**i. Pendaftaran dan Kad Kenal diri**

Setiap Orang Kurang Upaya kita daftarkan dan setelah daftarkan banyak keistimewaan dan kelebihan dan juga elaun-elaun yang telah tentukan mereka akan dapat peroleh.

ii. **Bantuan alat Tiruan**

Berdasarkan daripada data yang diperoleh melalui pendaftaran, pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan kebajikan Masyarakat akan menilai dan memberikan bantuan tersebut seperti kaki palsu, alat pendengaran dan sebagainya.

iii. **Elaun Persekolahan**

bagi mana-mana Orang Kurang Upaya yang sepatutnya ada peluang untuk bersekolah ataupun mampu untuk bersekolah kita telah pun memberi elaun tambahan untuk Orang Kurang Upaya yang dapat menghadiri sesi persekolahan tetapi tidak mampu bekerja. Ianya bertujuan untuk menampung kos hidup mereka dan keluarga. Selain daripada itu apa yang kita rancang mana yang saya nyatakan dalam penggulungan pada hari Jumaat yang lepas kita telah pun merancang akan dilaksanakan pada tahun ini iaitu kita akan keluarkan pelekat kereta yang standard di seluruh Negeri Selangor pada Orang Kurang Upaya supaya mereka ini diberi layanan yang istimewa di mana-mana mereka pergi dalam meletakkan kereta dan sebagainya.

- ii. Kita telah memulakan langkah untuk menyediakan lebih banyak kemudahan awam yang sesuai untuk Orang Kurang Upaya seperti mana yang telah dimulakan di Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Untuk bantuan Ibu Tunggal, Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bantuan dan pendedahan dalam mengharungi kehidupan mereka kerana setelah kita membuat dialog dengan Ibu-ibu Tunggal ini, kita nampak bahawa rata-rata masalah yang mereka hadapi ataupun *consent* dengan izin mereka adalah pertamanya bagaimana untuk menambah ataupun menaikkan atau mempunyai sara hidup yang mencukupi untuk keluarga dan keduanya mereka rata-rata begitu *consent* ataupun prihatin dengan masalah pendidikan anak-anak mereka. Jadi untuk ini kita telah melaksanakan beberapa program untuk pendidikan anak-anak ini kita mengambil anak-anak ini sebagai anak angkat di sudut memberikan tuisyen, rakyat kita memberikan bantuan-bantuan persekolahan bulanan dan juga bantuan pemakanan kita berikan. Untuk ibu tunggal itu sendiri kerajaan sekarang ini telah pun menyediakan dana IKS untuk ibu tunggal yang telah pun ada perusahaan yang kecil dan yang mampu menambahkan lagi pendapatan jika diberikan bantuan dana IKS untuk mengembangkan lagi pekerjaan mereka. Begitu juga selain daripada itu kita berikan kursus jati diri kepada Ibu-ibu Tunggal ini supaya mereka ini lebih berjaya lebih berkeyakinan untuk melalui zaman ataupun masa mereka bersendirian kehidupan mereka ini lebih baik.

iii. **Kursus Pengurusan dan Keusahawanan**

Kursus Pengurusan memberi golongan ibu-ibu tunggal pendedahan kepada dunia perniagaan yang lebih *advance* ataupun lebih ke hadapan supaya perniagaan yang dibuat itu nanti adalah perniagaan yang boleh memberi masa hadapan yang lebih mantap kepada mereka.

Bagi Soalan yang kedua Tuan Speaker, dalam mengharungi cabaran ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan juga bantuan untuk orang kurang upaya dan Ibu Tunggal iaitu Bantuan Usahawan yang kita buka sekarang ini kepada orang kurang upaya juga ya, maknanya kita dah ada peruntukan untuk kita bantu orang kurang upaya dalam memberikan asas-asas bantuan usahawan ini. Begitu juga tentang tahun ini kita telah mulakan pinjaman perniagaan Ibu Tunggal mikro kredit

yang bermula semimumimum RM500 dan maksimumnya RM5,000.00 untuk memberikan sedikit dana kepada Ibu Tunggal ini dan juga Orang Kurang Upaya untuk menyediakan perniagaan asas. Maknanya sekecil-kecilnya sehinggalah RM5,000.00 untuk bantuan kewangan. Kadang-kadang mereka ini mempunyai kemahiran tetapi masalahnya tidak ada modal pusingan. Jadi kalau kita berikan peralatan saja pun tidak dapat membantu untuk menjalankan perniagaan kita. Yang ketiga Tuan Speaker, Bantuan Gelaran Pelancaran bertujuan untuk membantu Orang Kurang Upaya yang berpengetahuan dan berkemahiran bagi menjalankan projek atau jaya diri atau menguruskan perniagaan kecil yang mana mereka tidak dapat menjalankan sebelum ini disebabkan ketiadaan modal dan peralatan. Maknanya kita sekarang ini bukan saja memberikan dana dan sebagainya kita juga memastikan bahawa Orang Kurang Upaya dan Ibu Tunggal ini diambil kira untuk diberikan lesen-lesen perniagaan sama ada di PBT ataupun kontrak-kontrak, bukan berdasarkan mereka ini Orang Kurang Upaya semata-mata ataupun Ibu Tunggal tetapi kita melihat juga kelayakan yang ada, kemahiran yang ada pada beliau dan mereka diberikan keutamaan. Terutamanya dalam, tambahan juga kepada Ibu Tunggal ini seperti program-program ataupun projek-projek katering yang ada di dalam penyediaan ataupun di dalam program-program keusahawanan ini. Dan yang akhirnya ialah Elaun Pekerja Cacat (EPC) pemberian elaun ini diberikan kepada golongan Orang Kurang Upaya yang mempunyai pekerjaan. Setiap Orang Kurang Upaya yang bekerja kita tambah lagi elaun sebanyak RM300.00 kepada mereka untuk memberikan satu galakan kepada Orang Kurang Upaya ini supaya bekerja dengan itu mereka akan dapat lebih pendapatan dan insya-Allah akhirnya mereka akan berjaya. Yang ketiga soalan ini Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor sangat mengalu-alukan peranan dan kerjasama serta sumbangan yang diberikan oleh organisasi bukan Kerajaan iaitu (NGO) dalam usaha membangunkan taraf kehidupan dan ekonomi mereka. Jadi bukan saja sumbangan atau bantuan berbentuk kewangan malah melalui pelaksanaan program setiap aktiviti yang mampu untuk membantu golongan ini menjana pendapatan mereka. Di antara bantuan tadi Kursus Kemahiran dan kita telah pun membuat satu Program Dialog kerana dialog berterusan antara Orang Kurang Upaya dan juga Ibu Tunggal bersama dengan kerajaan kerana kita mahukan Orang Kurang Upaya ini dan Ibu Tunggal juga menjadi orang ataupun individu yang terlibat secara langsung dalam memberi idea dan pandangan-pandangan kepada mereka. Ke kadang kita rancang tapi mereka sendiri tidak dapat manfaat dari apa yang kita rancang itu pun tidak menepati kehendak yang sepatutnya. Jadi itu saja Tuan Speaker, terima kasih.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ya, soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan Ibu Tunggal yang mengalami penceraian melalui mahkamah dan mahkamah telah meluluskan saraan untuk dibayar oleh bapa dan bekas suami. Masalahnya sebahagian besar daripada bapa dan bekas suami yang tidak menunaikan tanggungjawab tersebut. Soalannya adakah di sana boleh diwujudkan kaedah penyelarasan di antara kerajaan dan Mahkamah Syariah untuk menentukan perkara ini dapat dilaksanakan contohnya seperti memotong gaji secara automatik.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Hulu Kelang. Untuk pengetahuan kita telah pun mula perbincangan dengan pihak Hakim Syarie bagaimana untuk menangani masalah penceraian dan akhirnya Ibu Tunggal ini terpaksa menanggung anak-anak yang sebenarnya nafkah tersebut diberikan oleh suami tetapi perkara ini



tidak berlaku. Di antara perbincangan ini sebenarnya kita ingin melaksanakan penguatkuasaan yang lebih maknanya walau pun suami-suami itu tidak memberikan nafkah mereka tidak boleh lepas begitu saja atas dasar itu saya rasa JAIS telah pun mengambil tindakan untuk mengemas kini penguatkuasaan ini dengan lebih baik. Yang keduanya di samping itu juga kita mengharapkan bahawa kita telah menyediakan satu tabung untuk membantu anak-anak ini jika ibu bapanya tidak memberi nafkah dan kita akan membantu mereka sementara waktu tetapi bantuan ini adalah berbentuk pinjaman dan masih terletak kepada bapa ataupun yang pemberi nafkah itu untuk bayar balik, maknanya itu adalah hutang beliau kerana jika tidak dilaksanakan begini lepas tangan, masalah lepas tangan oleh bapa ataupun pemberi nafkah ini begitu sewenang-wenangnya. Jadi pihak JAIS membantu tetapi dalam masa yang sama itu merupakan hutang yang perlu dilaksanakan oleh bapa tersebut. Jadi ini perancangan yang sedia ada dan insya-Allah perbincangan ini akan berterusan supaya memastikan Ibu-ibu Tunggal yang diceraihan ini mendapat bantuan dan juga perlindungan dengan sewajarnya. Sekian.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, memandangkan saya cukup kagum dengan keprihatinan Kerajaan Negeri di dalam membantu Ibu-ibu Tunggal soalan saya adakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk membantu ayah-ayah tunggal ataupun yang kena tinggal dalam masa terdekat ini kerana saya rasa mereka pun yang tidak bekerja, jadi saya harap kalau ada perancangan tengok-tengokkanlah, terima kasih.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya tak tahulah kalau ayah tunggal ini payah sikit saya nak jawab tetapi secara normalnya sepatutnya orang lelaki ini atau bapa-bapa tunggal ini boleh berdikari dan juga boleh memberikan tanggungjawab. Dalam Islam pun, ataupun yang bukan Islam pada orang lelaki adalah lebih. Tetapi walau bagaimanapun, keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor, kita mengambil kira mana-mana bapa-bapa tunggal yang kadang kalanya terkapai-kapai mengendalikan keluarga ini kita ambil kira dalam memberikan bantuan. Dan yang ingin saya nyatakan di sini sebenarnya tidak ramai bapa-bapa tunggal yang ke depan untuk menyatakan, menginginkan atau memohon permohonan ini tetapi jika tidak ada ini tidak semestinya kita mengetepikan. Sebenarnya jika ada permohonan dan jika ada perkara-perkara yang mereka inginkan bantuan kami berlapang dada untuk membantu. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, soalan yang ke 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK: KEJAYAAN MEMASARKAN PRODUK IKS KE LUAR NEGARA**

24. Kerajaan Negeri telah melaksanakan program membantu usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) khususnya bumiputera untuk memasarkan hasil keluaran masing-masing ke luar negara termasuk Amerika Syarikat.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah jualan dan hasil IKS yang berjaya di pasarkan di luar negara setakat ini dan di negara manakah produk tersebut di eksport?
- b) Berapa ramaikah pengusaha IKS yang terlibat mengikut pecahan daerah dan jenis produk?
- c) Apakah perancangan bagi meningkatkan lagi jualan atau eksport barangan IKS ke luar negara?

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker, soalan pertama jumlah jualan dan hasil IKS yang berjaya di pasarkan di luar Negara adalah seperti berikut :-

<b>Nama Syarikat</b>	<b>Negara Export</b>	<b>Jumlah Jualan</b>
Noraini Cookies	Eropah, Vietnam, Singapura, Kazakhstan	RM3,300,000.00
Mister Tapioca	Eropah dan Vietnam	RM2,700,000.00
Zumart Trading	Brunei	RM1,824,000.00
Pitaberry	Singapura	RM1,298,314.75
Magic Taste Syrup (M) S/B	Vietnam, Afrika Selatan, Eropah	RM1,302,015.56
<b>Jumlah</b>		<b>RM10,424,330.31</b>

<b>Nama Syarikat / Produk</b>	<b>Daerah / Kawasan</b>
Noraini Cookies Worldwide Sdn Bhd (Biskut)	Petaling
Mister Tapioca Food Industries (Kerepek – Makanan Ringan)	Petaling
Magic Taste (M) Sdn Bhd	Petaling
Zumart Trading (Makanan Ringan)	Selangor
Pitaberry Sdn Bhd (Minuman)	Hulu Langat

Dan soalan yang ketiga apakah perancang bagi meningkatkan lagi jualan atau *export* barangan IKS ke luar negara, dalam meningkatkan lagi jualan atau *export* barangan IKS ke luar negara pelbagai program pameran dan promosi disertai di luar negara seperti :

**Bil. Nama Pameran**

1. Program Promosi Timur Tengah
2. Program 5<sup>th</sup> Singapura Halal Food Expo, Changi
3. Program International, Halal Food Expo, MIHAS
4. Program Halal Food Expo B.S.B. Brunei
5. Program Trade & Food Expo, Kunming, China
6. Program ASIAN Food Expo, Changi, Singapura
7. Inter Food Exhibition, Astana, Kazakhstan
8. Program Vietnam International Trade Expo, HCMC Vietnam
9. Misi Jualan Perdagangan MALAYSIA FRESH FRUITS FESTIVAL
10. Misi penerokaan jualan di Rotterdam dan London bersama rombongan Menteri Pertanian.

Terima kasih.

**YB DATO' RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Yang pertama apakah YB ada data mengenai pemasaran produk-produk selain daripada produk yang disebutkan tadi dikeluarkan untuk *export* dan daerah-daerah yang memajukan usahawan-usahawan *export* ini saya rasa ada yang masih tertinggal lagi daerahnya. Adakah YB ada data-data yang berkenaan. Dan yang kedua akhir-akhir ini banyak usahawan-usahawan makanan kita yang merosot dari segi pengeluaran produk makanannya terutama untuk *export*, jadi apakah tindakan yang dibuat terhadap bekalan bahan-bahan mentah ini yang sudah merosot dan yang menjejaskan pengeluaran usahawan-usahawan kita untuk *export*. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Pada masa ini saya tidak ada data yang ditanyakan oleh YB tetapi kita akan hantar jawapan dengan bertulis dan lepas yang kita semakkan dengan pejabat yang berkenaan tetapi kita telah usahakan untuk mendapat beberapa program-program baru yang akan dijalankan untuk kita meningkatkan usahawan-usahawan kecil di dalam negeri dalam masa depan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker soalan No. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' SUBAHAN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK :       PENGAMBILALIHAN DEWAN-DEWAN AWAM OLEH PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

25. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah pertimbangan yang mewajarkan PBT bertindak sehingga membelakangkan kepentingan awam dan perpaduan rakyat.
  - b) Berapa banyakkah dewan-dewan awam baru yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Selangor selepas Pilihan raya Umum (PRU) Ke-12.
  - c) Apakah jaminan PBT supaya setiap rakyat boleh menggunakan kemudahan sedia ada bagi program-program kemasyarakatan.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Tuan Speaker. Untuk makluman, tiada dewan-dewan awam baru yang telah dibina memandangkan dewan-dewan sedia ada kebanyakannya telah di selenggara dan boleh digunakan. Pendekatan semasa, semua dewan yang telah di ambil alih oleh pihak PBT diserahkan kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Jawatankuasa Penduduk (JKP) atau JKKK kawasan tersebut untuk urusan tempahan oleh penduduk setempat. MPP/JKP/JKKK juga bertanggungjawab memastikan penggunaan dewan tersebut adalah seperti yang telah ditetapkan oleh PBT masing-masing. Laporan bulanan berhubung penggunaan dewan juga turut dihantar ke PBT untuk tujuan pemantauan. Tuan Speaker, sebenarnya sebaik saja kerajaan baru mengambil alih kita telah mengeluarkan surat melalui PBT masing-masing kepada semua operator ataupun orang ataupun pihak yang menggunakan dewan-dewan yang di miliki oleh PBT masing-masing dan mereka seharusnya mengosongkan premis-premis tersebut sebelum 27 Julai 2008 tetapi masih ada yang degil, masih ada yang enggan mengosongkan premis-premis itu kerana itulah hak PBT masing-masing untuk mengambil alih semua bangunan yang dibina di atas tanah kerajaan. Sebab itu saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana itu memberi kerjasama sebab kita sudah memberi cukup masa dan semuanya mengikut undang-undang dan kalau masih enggan, masih degil ini akan menimbulkan, bukan saja menimbulkan ketegangan dan juga telah menunjukkan bahawa wakil-wakil Barisan Nasional tidak mematuhi undang-undang. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Batang Kali.

**YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Soalan tambahan Tuan Speaker. Saya agak kecewa dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat EXCO, setahu saya di Hulu Selangor kita akur dengan arahan Majlis Daerah dan saya harap Yang Berhormat dapat mengemukakan Majlis Perbandaran mana ataupun kawasan-kawasan mana yang masih belum menyerahkan dewan-dewan tersebut kepada pihak PBT. Jangan Yang Berhormat suka sebut ada yang ramai tidak hantar, ada yang ramai tidak serah seolah-olah suka menuduh-nuduh perkara yang tidak ada bukti. Soalan tambahan saya apakah rancangan Yang Berhormat selaku EXCO yang baru dalam sibuk turun naik mahkamah untuk mengkaji dan menilai semula permohonan-permohonan dari PBT

yang memohon dewan-dewan baru untuk dibuat di terutamanya di kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor. Terima kasih Yang Berhormat.

**TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Tuan Speaker. Sebenarnya saya boleh memberi banyak contohlah kepada Yang Berhormat misalnya di Batu 11, Cheras hari ini dalam surat khabar juga sampai hari ni pun sebab enggan itu PBT terpaksa menukar kunci dan sebagainya dan juga di kawasan Rawang di mana di mana ada dua bangunan yang dimiliki oleh MCA pun enggan bekerjasama dengan PBT dan banyak tempat lagi. Di kawasan saya sendiri Pandamaran pun masih ada satu dua dewan ataupun Bilik Gerakan yang digunakan oleh MCA tempatan dan masih sampai hari ini enggan keluar. Jadi kita terpaksa PBT terpaksa mengambil pula tindakan yang sewajarnya dan mengenai penggunaan dewan itu Kerajaan Negeri mengambil satu sikap yang terbuka pada masa yang lampau DAP ke, PAS ataupun Keadilan langsung tidak ada peluang menggunakan dewan-dewan yang dimiliki oleh PBT masing-masing. Dan sekarang semua dewan ataupun stadium ataupun Bilik Gerakan ataupun kontena yang dimiliki PBT semuanya digunakan boleh digunakan oleh penduduk setempat, bukan sahaja itu dewan dan stadium sebagainya. Kalaulah ada wakil daripada Yang Berhormat sebelah ingin gunakan boleh gunakan asalkan membayar bayaran dan juga yang ditetapkan yang begitu berpatutan juga. Sekian. Terima kasih.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sekiranya tanah tersebut memang kita tahu di bawah Kerajaan Negeri tetapi kalau ada satu senario ataupun situasi di mana mungkin tuan Yang Berhormat cakap tadi mungkin beberapa NGO ataupun parti-parti politik sendiri mengeluarkan wangnya untuk membina bangunan di tanah tersebut. Ah ini menjadikan keadaan cukup rumit kerana mungkin ratus ribu telah dibelanjakan dengan izin *to be fair* untuk mendirikan bangunan tersebut tetapi dalam situasi begitu bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini. Satu kawasan saya sendiri beberapa dewan yang telah kita akur bahawa tanah itu di bawah Kerajaan Negeri dan kita akur dengan arahan daripada PBT maka sebagai Wakil Rakyat kita pun telah menulis surat panjang lebar menerangkan situasi yang ketika itu ataupun situasi dewan tersebut kepada Yang Di Pertua Majlis Perbandaran tetapi sehingga ke kini soalan ataupun surat itu langsung tidak dijawab. Ah ini menjadikan situasi begitu sukar sekiranya ada hitam putih daripada Majlis Perbandaran yang menyatakan bahawa begini situasinya dan mungkin kita cari satu *win win situation*. Kita akur saya mengulang sekali lagi kita akur bahawa tanah itu di bawah Kerajaan Negeri dan seharusnya dipertanggungjawabkan oleh PBT tetapi dalam situasi di mana beratus ribu bukan satu dua ringgit tetapi beratus ribu dikeluarkan membina bangunan tersebut dan penyelenggaraan juga dijaga oleh contoh macam parti UMNO itu sendiri sebelum ini. Saya akur saya akui jadi bagaimana nak selesaikan masalah itu kerana di sini kita nak mencari penyelesaian dan sekiranya PBT sendiri turun untuk mengambil alih dewan tersebut itu pun kita akur. Tapi nampaknya di kawasan saya sendiri bukan PBT yang turun, tetapi beberapa orang dari parti politik tertentu yang datang mengunci dan merampas dewan tersebut. Saya harap supaya perkara ini jangan dilakukan kerana seperti Yang Berhormat sebut tadi yang seharusnya bertindak untuk mengambil balik dewan itu adalah PBT. Jadi saya berharap situasi ini dapat terkawal dan mungkin ada arahan secara hitam putih dahulu dapat

dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran-Majlis Perbandaran menerangkan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat saya peringatkan bila Yang Berhormat tadi minta nak mintak soalan tambahan, nak tanya soalan tambahan tapi tak ada soalan langsung pun. Memberi penjelasan. Lain kali kalau nak beri penjelasan ambil bahagian dalam perbahasan.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Ok minta maaf Tuan Speaker, saya sebenarnya saya cara saya bertanya tu silap. Di belakang tu soalan saya adalah bagaimana Yang Berhormat hendak menyelesaikan masalah ini. Tuan Speaker saya cukup sedih kerana

**TUAN SPEAKER:** Dah tiga minit cakap lima minit cakap baru

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya minta maaf Tuan Speaker, saya

**TUAN SPEAKER:** Jangan ingatkan jangan ini masa ni masa untuk soal jawab ni penting

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Penting bukan untuk Ahli Yang Berhormat saja untuk semua.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Ya saya minta maaf

**TUAN SPEAKER:** Jangan buang masa.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya minta maaf Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kita ada satu jam ok.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya minta maaf Tuan Speaker. Sebenarnya saya hujung minggu ni

**TUAN SPEAKER:** Dah, dah minta maaf. Duduklah.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya celaru sikit pasal saya teringat-ingat balik tentang niat jahat Yang Berhormat daripada Bukit Antarabangsa yang menyebut Tuan Speaker duduk bawah pokok. Jadi saya memang gelisah sangat merasakan mengingatkan benda tu. Jadi saya minta maaf banyak-banyak Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Taman Templer saya ingatkan jangan main-mainkan dengan saya. Jangan main-mainkan dengan saya ya.

**YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** Saya minta maaf Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Saya ingatkan kalau sekali lagi saya akan suruh kamu keluar. Saya tak mahu kamu menjadi orang yang pertama di suruh saya keluar dari Dewan. Saya ni *serius*. Bagi saya satu jam ini amat penting untuk semua Ahli dapat maklumat yang paling baik. Minta penjelasan yang paling baik daripada EXCO bukan untuk mengambil

bahagian dalam perbahasan. Ini bukan perbahasan dan bila saya cakap ni saya *serious*. Kalau rasa celaru jangan masuk dewan. Masuk dewan dengan fikiran yang tenang.

**TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Tak perlu jawab.

**TUAN LIU TIAN KHIEW:** Tak perlu jawab ya. Ok terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sri Muda

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ. SHAFIE:** Tuan Speaker soalan no. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIE (SRI MUDA)**

**TAJUK: ISU PEMBINAAN DIATAS TANAH HAK MILIK KERAJAAN NEGERI**

26. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan dalam menyelesaikan isu pembinaan seperti rumah setinggan, rumah ibadat, bangunan parti tertentu tanpa kelulusan di atas tanah milik kerajaan?
- b) Berapakah jumlah kes yang dikesan dan berapakah pecahan bagi Daerah Klang dan Petaling?
- c) Jelaskan rancangan yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri agar masalah pencerobohan dan pembangunan di atas tanah milik kerajaan ini tidak berulang lagi ?

**YAB DATO MENTERI BESAR:** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker, mengenai isu pembinaan di atas tanah hak milik Kerajaan Negeri sebagaimana dibangkitkan tadi, Kerajaan Negeri boleh membuat keputusan dengan menggunakan peruntukan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara dan Undang-undang pada Pihak Kuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berharap ada perbincangan yang dilakukan supaya mendapat hasil yang memuaskan. Bagi rumah ibadat, Kerajaan Negeri ada mengarahkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan sebelum mengambil tindakan meroboh supaya dapat mengadakan perbincangan dengan Jawatankuasa EXCO mengenai rumah-rumah ibadat dan terutama premis-premis keagamaan bukan Islam. Jawatankuasa EXCO tertentu dan rumah ibadat Islam dikawal melalui JAIS atau MAIS.

Jika berbangkit masalah, contoh berkaitan rumah ibadat bukan Islam, kita memanggil mereka untuk mengetahui dan memberi keterangan dan akhirnya barulah kita boleh buat keputusan untuk melakukan tindakan yang dipersetujui bersama. Walau bagaimanapun, ada usaha-usaha yang dilakukan untuk memberi peluang kepada mereka supaya mengalih tapak pembinaan rumah ibadat, misalnya kerana tidak sesuai dengan persekitaran, dan sebagainya.

Pada masa, kes-kes yang rumah ibadat yang dibina tanpa kelulusan kerajaan sebanyak 68 buah, tokong sebanyak 150 buah, gereja dua buah dan rumah setinggan sebanyak 23 buah. Bagi bangunan parti politik, yang dibina tanpa kebenaran di atas tanah milik kerajaan; di Klang Utara ada enam buah, dan di Klang Selatan ada 9 buah. Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan Kanun Tanah Negara yang sedia ada bagi mewujudkan sistem pengurusan maklumat tanah kerajaan yang tuntas. Sebab itulah kita sekarang mendapatkan data terkini dan membuat pengesanan lebih awal dan pemantauan lebih awal supaya sebelum premis-premis itu siap didirikan kita sudah dapat mengambil tindakan. Dan terdapat juga pencerobohan terhadap tanah-tanah kerajaan yang mempunyai sumber pasir. Ini juga kita hentikan, dan lesen mengorek dan memungut pasir hanya dikeluarkan kepada anak syarikat milikan Kerajaan Negeri, iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ya Sabak.

**YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL:** Adakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan TOL khususnya kepada mereka-mereka yang tinggal di setinggan yang duduk di tanah-tanah *reserve*? Sekian. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ini, biasanya untuk setinggan. sijil pemilikan sementara atau TOL sudah dikeluarkan. Tetapi TOL ini untuk setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, ia bergantung pada pihak bertanggungjawab di daerah. Kalau daerah Sabak Bernam, saya ingat agak senang sedikit sebab tanah kerajaan ataupun tanah penempatan itu boleh kita selesaikan. Saya dan EXCO berpendapat mereka yang sudah duduk lama di kawasan tersebut dan tidak mempunyai tanah memang diberikan tetapi bukan keutamaan diberikan hak untuk mendapat tanah tersebut. Sebabnya kita berikan untuk melaksanakan kawasan perbandaran ini merupakan kesukaran yang besar. Ini demikian, kerana nilai tanah terlalu besar dan untuk menyelesaikan masalah setinggan. Oleh itu, pembinaan bertingkat perlu dilakukan.

**TUAN SPEAKER :** Sg. Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi saya ingin tanya di sini ada tak Kerajaan Negeri mengambil langkah atau bercadang untuk memberikan geran tanah khususnya kepada rumah ibadat yang disebut tadi itu 68 buah kuil, 150 buah tokong dan 2 gereja. Adakah kerajaan negeri bercadang memberikan geran tanah kepada mereka.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Soalan yang pertama: adakah kita boleh terima penempatan itu di situ? Ha, itu yang soalan yang pertama. Kalau kuil duduk di tengah-tengah atau tokong di tengah-tengah kawasan rumah berapat-rapat, itu bukan tempatannya. Tak sesuai di situ. Jadi, jawapannya kita selalu memberi cadangan supaya dialih tokong atau kuil ke tempat yang lebih sesuai. Kalau ia pergi mengikut nasihat kita barulah kita juga beri geran ataupun dokumen yang sesuai untuk mereka. Jadi, kita nak menyelesaikan masalah penempatan bukan kita tidak memberi tetapi hendak menyelesaikan masalah penempatan kuil, tokong dan gereja supaya masyarakat persekitaran menerima keadaan tersebut.



**TUAN SPEAKER:** Semasa persidangan sudah tamat.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

### III. USUL

**TUAN SPEAKER:** Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyambung penggulungan usul menjunjung sembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dipersilakan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi kesempatan untuk membahas, menggulung usul, menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih terhadap titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Saya berterima kasih kepada rakan-rakan di dalam Dewan Undangan Negeri ini yang sama-sama berbincang dan berbahas dan dapat menghayati saranan-saranan dan teguran-teguran serta cadangan-cadangan yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Saya hendak menyentuh tiga perkara besar yang perlu saya kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini. Kemudian saya juga bersedia menjawab beberapa teguran dan kenyataan oleh Ahli-ahli Dewan semasa perbahasan menyembah ucapan Tuanku. Pertama, saya ingin membincangkan tentang pakej rangsangan ekonomi, sebab saya fikir perkara ini sangat penting untuk kejayaan Negeri Selangor dan masa hadapan rakyat Negeri Selangor. Saya juga ingin menerangkan cara hasil krisis kewangan subprima yang berlaku di Amerika yang memberi kesan buruk terhadap keseluruhan sistem kewangan dunia. Dan hasil daripada itulah yang menyebabkan sekarang bukan sahaja Malaysia tetapi seluruh dunia terpaksa membuat rancangan-rancangan ekonomi sendiri dan kita pun bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa untuk mengatasi masalah ini.

Walau bagaimanapun, sebelum saya menerangkan pakej rangsangan ini, saya perlu menerangkan beberapa konsep yang kita gunakan sebagai asas membina atau membuat program rangsangan ekonomi. Hasil krisis kewangan subprima ini, berjaya menguncupkan apa yang disebut konsep *credit creation*, iaitu penciptaan kredit yang bermaksud: bank-bank yang mempunyai kertas-kertas subprima ini mendapati nilainya tidak ada walaupun ia meminjamkan sepuluh bilion pinjaman dan sekarang didapati ia tidak mempunyai nilai sepuluh bilion. Nilai sepuluh bilion itu satu angka yang boleh kita terima tetapi akibat kepada bank, itu yang kita mesti fahamkan. Akibatnya bank kejatuhan nilai sepuluh bilion, yang merupakan kejatuhan yang lebih besar daripada jumlah sebenar. Itu yang dipanggil *credit creation*, iaitu keupayaan untuk membuat pinjaman. Sebaliknya, penciptaan kredit itu tidak berlaku. Ia tidak boleh dilakukan sebab ada apa yang disebut konsep apabila bank ada harta ia boleh menggandakan pinjaman tersebut yang dikatakan *the multiplier factor*.....

Pada dasarnya kita boleh menggunakan *factor*, atau pengganda lima atau sepuluh kali. Maknanya, kalau seratus juta bank tersebut tidak mempunyai keupayaan untuk memberi pinjaman lima ratus juta. Ataupun menarik balik semua pinjaman supaya *credit standingnya* tetap sebab dia tidak boleh memberi pinjaman lebih daripada jumlah

tersebut. Oleh itu, daripada andaian tersebut barulah kita perhatikan bank-bank yang begitu besar kini menguncup sehinggakan terpaksa mencari dana baharu untuk mengukuhkan aset di dalam bank dan keadaan itu sedang berlaku. Saya ingin menyatakan perkara ini sebab awal-awal lagi pada Oktober dan November, setelah meneliti keadaan persekitaran kewangan ini. Saya ada membuat beberapa kenyataan dalam akhbar bahawa Kerajaan Malaysia mesti membuat persediaan tentang kemungkinan berlakunya satu kejatuhan kewangan yang boleh mendatangkan akibat yang buruk kepada ekonomi dunia dan sudah tentu memberi kesan kepada ekonomi Malaysia.

Malangnya, hingga akhir tahun 2008 masih lagi terdapat kenyataan oleh pihak Kerajaan Persekutuan: "Oh, kita tiada masalah. Kita mungkin tak mendapat tempas daripada kejatuhan ini. Ini demikian kerana kegawatan berlaku di Amerika, berlaku di Eropah..." Sebenarnya, itu tidak benar sebab apa yang berlaku ialah apabila terdapat penguncupan penciptaan kredit ini, ia boleh menyebabkan berlaku suatu keadaan penurunan permintaan. Dan *aggregate demand*, iaitu jumlah permintaan besar itu boleh menurun, untuk barangan dan perkhidmatan seluruh dunia turut menurun. Situasi ini yang kita perhatikan. Barulah kita sekarang sedar tak sampai satu bulan kredit permintaan barang-barang eksport Malaysia semakin menurun sebanyak 20% ke 25%. Dan hasilnya, banyak kilang membuat elektronik-elektrikal yang terpaksa ditutup kerana tak terdapat apa yang disebut permintaan yang banyak, yang menurun. Jadi, daripada segi itu kita boleh lihat bahawa apabila kita tengok keadaan penguncupan kredit tersebut, ia memberi kesan kepada perkara yang dibincangkan di Amerika atau di Eropah sebagai main *street economic*, bukan *wall street economic*.

*Wall street economic* merupakan pasaran kewangan dan pasaran modal tetapi ia boleh memberi kesan terhadap main *street economic*. Nampaknya, saya perlu terangkan, mengapa pakej Negeri Selangor ini perlu kita utarakan. Tetapi untuk menganalisis perkara ini saya ingin membawa saudara-saudara kepada teori yang kita gunakan dalam perlaksanaan yang kita lakukan. Saudara-saudara yang mengikuti perbincangan ekonomi, maklum yang keluaran negara kasar (KNK) kita sekarang menguncup dari lima peratus jadi dua peratus, atau boleh jadi satu peratus. Kiraan KNK ini berasaskan empat *variable* atau angkubah yang penting iaitu kenaikan KNK bergantung pada apa yang disebut I (import), penggunaan digunakan dalam simbol C ..... Keluaran bergantung pada..... Kemudian *factor* yang kedua, pelaburan yang digunakan dalam *factor* ekonomi, dan ketiga, konsep penglibatan kerajaan yang disebut dalam angkubah yang dalam ekonomi disebut G. Maknanya C campur I campur G (government) merupakan keluaran negara, tetapi yang penting bagi Malaysia, ia disebut X-N. X itu eksport tolak N, iaitu import. Jadi, kiraan pertumbuhan ekonomi itu dikira mengikut C dicampur I dicampur G dan dicampur X-N. Jadi, ia boleh berlaku dalam kiraan peningkatan KNK tersebut.

Apa yang berlaku semua angkubah tersebut sudah menurun. Ia kunci - tidak boleh tak naik, tetapi turun, dan di seluruh dunia berkeadaan demikian. Bagi pakar ekonomi yang pernah berbincang tentang cara hendak merangsang ekonomi, mereka menggunakan teori *monetary* teori yang dipelopori oleh ..... dia tidak boleh menggunakan kadar faedah untuk menyelesaikan masalah tersebut. Ini tak boleh berlaku, sebab masalahnya bukan faedah. Masalahnya tiada wang, tiada dana, kita boleh pada setengah orang katakan kurangkan cukai.. Polisi, pun tidak boleh diguna pakai. Orang tiada duit nak bayar cukai, bukan kerana ada duit dan lari daripada cukai, bukan tak ada duit. Jadi, dua teori itu tidak boleh diguna pakai. Teori yang boleh diguna pakai di

seluruh dunia sekarang, dalam perbincangan, disebut teori *kinsien*. *Kinsien* maknanya kita naikkan ekonomi itu menggunakan G iaitu Kerajaan, Kerajaan yang membuat pelaburan yang besar supaya terdapat kenaikan ekonomi yang mampu menggalakkan penggunaan C untuk naik dan menggalakkan I untuk naik dan menggalakkan eksport tolak import juga boleh naik. Oleh itu, kita membawa ekonomi kita naik ke atas bukan menyelesaikan satu masalah tetapi menyelesaikan kesemua masalah tersebut.

Oleh sebab itu, saya nak terangkan sebab negeri Selangor apabila melihat keadaan tersebut kita mesti memilih projek pakej-pakej rangsangan ekonomi yang dapat menyelesaikan perkara-perkara tersebut. Kalau tidak, kita tidak dapat menyelesaikan masalah itu. Yang penting dalam usaha Negeri Selangor ini serupa juga apabila usaha Selangor membuat ini kesannya kepada Kerajaan Persekutuan sebab sumbangan Negeri Selangor terhadap ekonomi Malaysia agak tinggi, hampir 30%. Oleh sebab itu pembangunan Negeri Selangor ini sangat penting bukan sahaja di Selangor tetapi sama penting untuk Malaysia.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Ya Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar saya mengikuti dengan tekun kuliah ekonomi pada pagi ini dan dianya memberi banyak manfaat kepada kita semua dan apa yang saya dapat rumuskan ialah cadangan Dato' Menteri Besar ialah dua pendekatan yang biasa digunakan untuk menangani ekonomi ialah melalui *tax cut* atau pemotongan cukai dan perkara yang kedua ialah melalui *government spending*. Nampaknya Dato' Menteri Besar kurang bersetuju dengan *tax cut* lebih berminat dengan *govenment spending*. Cuma penjelasan yang saya pohon pada pagi ini ialah bagi saya kalau kita ambil pendekatan *tax cut* walaupun Kerajaan Negeri Selangor tidak berupaya mengambil pendekatan ini kerana *system* percukaian adalah soal Kerajaan Pusat dan bukan Kerajaan Negeri namun bagi satu hujah yang saya kemukakan ialah melalui pemotongan cukai, kalau pun tidak kepada industri ataupun syarikat kalau diberikan kepada individu maka setiap individu itu dia ada potongan cukai secara tetap makanya *he goes direct to the pocket the rakyat*. Jadi dia tahu dia ada kuasa membeli kerana dia dapat jimatkan cukai yang dibayar kepada Kerajaan dengan itu pendapatannya juga akan bertambah. Saya kurang bersetuju dengan *government spending* khususnya kerajaan Barisan Nasional Dato' Menteri Besar kerana kita tak tahu bagaimana kerajaan pusat membelanjakan peruntukan yang begitu besar sebagai contoh pakej rangsangan yang pertama RM7billion, kita tak tahu ke mana wang itu disalurkan, siapa yang dapat projeknya, bagaimana dibelanjakan.

Dan yang kedua amalan kerajaan UMNO dan Barisan Nasional dalam menangani projek-projek sebesar ini, komisennya terlalu tinggi, rasuahnya terlalu besar, ketirisannya juga terlalu banyak. Banyak contoh yang boleh kita berikan. Jadi saya ingin penjelasan Yang Amat Berhormat Tan Sri apakah pendekatan yang terbaik walaupun *government spending* itu langkah yang terbaik dalam suasana hari ini tetapi oleh kerana daya dan amalan kerajaan pusat khususnya UMNO dan Barisan Nasional itu tidak menjanjikan satu penyelesaian yang terbaik bagi menangani masalah ekonomi yang kita selalu berdepan pada hari ini. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Ada tiga persoalan yang penting di sini. Pertama, sama ada pengurangan cukai kepada individu lebih baik kerana ia boleh meningkatkan faktor C itu. Jawapannya, jika ramai yang mendapat pendapatan C boleh digunakan. Kalau ramai yang tak dapat pendapatan maknanya C tidak boleh dilaksanakan. Sebab itulah, kerajaan Amerika mendapati sampai satu juta orang tidak mendapat pekerjaan. Tetapi oleh sebab satu juta orang tidak mempunyai pekerjaan di Amerika ada satu sistem dipanggil *social security* maknanya dia kena bayar, bukan kena dapat cukai, tetapi kena bayar kepada orang yang menganggur.

Di Malaysia saya dapati, jumlah orang yang membayar cukai sangat rendah. Sebab pendapatan purata di Malaysia terlalu rendah.. Saya gunakan satu angka tunjuk yang dipanggil *genie co official*, iaitu keadaan apabila jurang pendapatan orang yang berada dengan pendapatan orang yang tidak berada, dapati agak jauh. Ini bermakna, kalau saudara yang mempunyai gaji yang tidak banyak memang tidak banyak membayar cukai.. Dan orang kaya pula dapat pengurangan cukai.. Itu sebab daripada segi praktis, kita boleh gunakan ini untuk insentif. Daripada segi teori kita tidak dapat laksanakan dengan betul.

Pada saya, cara kerajaan berbelanja atau membuat pelaburan, itulah yang paling penting. Cara melaksanakan ini perlu menurut justifikasi. Sebab itu, saya hendak menerangkan pakej tersebut sebab ada *justification*. Justifikasi yang pertama, ada *value added*, maknanya apabila kita buat penggunaan / perbelanjaan kerajaan dia mesti ada nilai tambah. Saya hendak terangkan bagaimana pembersihan sungai Klang ini memberi kesan kepada kita. Kedua, kita mesti ada pemantauan tentang hasil tersebut. Di Parlimen baru-baru ini saya ada membuat syor kepada Parlimen supaya wang pakej rangsangan mesti disebar dan diketahui rakyat, dan saya mencadangkan kita adakan satu *website* yang memaparkan semua duit yang digunakan diberitahu kepada rakyat secara *online*.. Saya berterima kasih dan saya tahu Kementerian Kewangan dan EPU (Unit Perancangan Ekonomi) mungkin menerima cadangan tersebut. Sebab ini lebih telus. Tentulah ia lebih sensitif. Sebagai contoh gaji saya, gaji Dato' Hasan, Ahli-Ahli MMKN semua dah tau dah. Maknanya dia tahu dia dapat gaji dan berapa penggunaannya. Oleh itu, rakyat boleh tahu cara penggunaannya, termasuk ketirisannya. Saya percaya EPU sudah mula menerima hakikat tersebut.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Berbalik ke pakej rangsangan ekonomi; yang kita cadangkan ada lima pakej. Pakej yang pertama yang saya cadangkan pembersihan Sungai Klang. Tentu saudara hendak bertanya tentang kesan pembersihan Sungai Klang kepada ekonomi negeri Selangor. Kita bukan melihat sungai sebagai satu sumber sahaja. Sungai Klang yang bermula di Klang Gate, hingga ke Klang, tidak dianggap oleh kita sekarang sebagai sumber ekonomi sehinggakan sungai ini merupakan tempat kita membuang perkara yang tak sepatutnya kita buang. Maknanya, tempat ini kita tidak boleh guna untuk menggembleng hartanah negeri Selangor.

Saya hendak beri contoh di Singapura yang berjaya membersihkan sungainya. Sungai dibersihkan di Singapura bermula pada tahun 1977. Sungai Singapura awalnya suatu kawasan longkang dan kawasan buangan sampah sarap. Serupa juga keadaan Sungai Klang yang kita ada sekarang. Pada tahun 1977 Sungai Singapura menjadi cetek, berair hitam, berbau busuk dan seolah-olah sungainya terhapus sama sekali. Ini serupa macam Klang juga. Lantas, pihak berkuasa Singapura merangka program komprehensif dengan lebih 16,000 keluarga ditempatkan semula di tempat yang lebih baik. Terdapat satu penyusunan semula setinggan dan penjaja-penjaja. Oleh sebab

mereka mempunyai disiplin yang begitu kukuh, maka sumber pencemaran dapatlah dihapuskan. Bermulalah kerja pembersihan sungai dan akhirnya sungai sekarang di Singapura yang dibersihkan itu ditanami pokok-pokok di sekitar sungai dan ditambak dengan cantik. Kawasan-kawasan pembangunan begitu besar kemudahan fizikal disediakan, dinding air disediakan berserta tempat berteduh, bangku dan tempat untuk bersantai di kiri kanan sungai. Kos di Singapura pada masa tersebut tidak sampai 1000 juta dolar Singapura, tetapi sungainya tidak melebihi 50km. Sungai Klang panjangnya melebihi 120km, yang hulunya di Banjaran Gunung Titiwangsa merentasi kawasan Tadahan Empang Klang, Empangan Batu dan kawasan Ampang yang menyempadani negeri Pahang. Ia meliputi 13 anak sungai iaitu rangkaian yang menyebabkan tadahan Sungai Klang seluas 1290km atau 700km panjang. Bererti ia mempunyai keluasan 3 kali ganda daripada seluruh pulau Singapura. Ia merupakan sumber air utama di Lembah Klang.

Jika dibandingkan kos di Singapura dan di Malaysia, saya ada membuat perbandingan yang dibuat di China.....di China *The Three Gorgeous*...?. Ini pun saya sudah tengok. Di England dan sebahagian *Ryan Basin* yang dilakukan. Kita nyatakan pembersihan sungai bukan bersih sahaja dan pembersihan sungai-sungai ini boleh menyelesaikan beberapa masalah dan dapat menarik pelaburan. Untuk menyelesaikan sungai ini kita memerlukan biaya antara RM7 ke RM10 bilion. Di samping itu, ini bermakna kita sudah mula membawa pelaburan ke dalam Negeri Selangor kerana kalau sungai itu bersih rizab sungai itu mempunyai hartanah yang besar dan hartanah itu mampu membawa pelaburan yang banyak. Jika ikut kiraan kita di Singapura pelaburan hartanah di tebing berhampiran sungai tersebut melebihi 60 bilion dolar Singapura. Sebab itu, andaian kita pelaburan hasil daripada pembersihan sungai itu nanti dapat meningkatkan nilai pelaburan di negeri Selangor melebihi 10 bilion dan melalui masa pemilikan harta atau kenaikan harta di Selangor boleh melebihi 50 bilion. Objektif kita untuk membersihkan dasar seluruh lembangan Sungai Klang. Iaitu membersihkan mendapan yang tercemar di dasar Sungai Klang, pemulihan tebing, menggali mendapan dan membina tambak takungan air serta menyelenggarakan dengan lebih berhemah.

Pemulihan dasar dalam sungai, boleh mengelak berlakunya pencemaran kawasan tanah sehingga memasuki aliran sungai. Usaha ini boleh meningkatkan dan mengekalkan kualiti air, meningkatkan kualiti hidup di sekitar lembah Klang menerusi usaha mempromosi penjagaan kesihatan antara industri komuniti dan alam sekitar. Mewujudkan kawalan persekitaran antara industri menerusi program-program kesedaran dalam kalangan pekerja. Usaha meliputi meluaskan tebing sungai bagi kawasan perumahan, rekreasi dan pelancongan dan menjadikan Sungai Klang sebagai sistem pengangkutan alternatif bagi memudahkan perjalanan mereka berurusan antara kawasan kediaman dan kawasan bandar.

Bayangkan kalau kita sudah bersihkan Sungai Klang, orang Klang ada urusan untuk pergi ke Kuala Lumpur, orang Kuala Lumpur ada alternatif untuk ke Klang dengan naik bot dia boleh tiba di Masjid Jamek Kuala Lumpur, dengan tak perlu berhimpit-himpit, atau kesesakan trafik di sana sini. Saya menunjukkan satu gambaran yang menunjukkan kita ada sumber yang boleh kita lakukan. Dan sumber pencemaran kita dah tahu. Setingan dan industri kecil, ladang, penjaja, aktiviti tepi sungai dan semuanya, menempatkan penjaja, ladang-ladang taman, agro teknologi, menempatkan peraih sayur-sayuran dan buah-buahan dan penjualan di pasar. Jadi, kita ada sistem. Menempatkan pembalik/pembuat sampan dan bot.

Satu perkara yang ditanyakan YB Sungai Pelek dan YB Kuala Kubu Baru , berkenaan usaha memisahkan ternakan khinzir daripada memasuki Sungai Klang. Dan usaha membersihkan tebing sungai dan masalah banjir dapat yang kita selesaikan dengan takungan air juga mengembalikan hidupan air dengan lebih ceria. Jadi, saya memberi gambaran pakej ekonomi ini merupakan jangkaan. Sebab itu air yang dalam C dan I itu apabila orang ada *expectation* hasil barulah pelaburan hendak dilakukan. Jadi, Selangor sudah menjadi pemangkin pelaburan. Dengan menyediakan sungai yang kita perbaiki ,pelaburan boleh datangkan pekerjaan. Hartanah negeri Selangor boleh meningkat lebih tinggi lagi. Kalau dahulu rumah saudara membelakangkan sungai sekarang saudara mungkin ingin membuat rumah berhadapan sungai sebab nilainya lebih tinggi lagi.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar saya ingin bertanya tentang pembersihan sungai ini, sebenarnya saya rasa ini adalah fokus yang tepat pada masanya tapi kalau kita ambil Sungai Klang ini ia merentasi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bila menyentuh tentang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kita akan menghadapi masalah. Saya ingin bertanya apakah cara-cara penyelesaiannya dan bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Soalan pertama yang paling penting, adakah Kuala Lumpur tidak mahu sungai yang mengalir cantik dan bersih? Jawapannya, Ya.

Kedua, oleh sebab kita mempunyai tanggungjawab bersama kita boleh bekerjasama. Adakah pemaju-pemaju perumahan di Kuala Lumpur tidak suka sungai di Kuala Lumpur bersih dan cantik, ada kepentingan bisnes bukan sahaja kepentingan persekitaran? Saya sudah mula mengadakan perbincangan dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur tetapi ia masih berbentuk kajian awal dan mereka juga sangat berminat terhadap rancangan ini sebab banjir di Kuala Lumpur juga sangat besar yang setiap kali ada banjir besar jutaan ringgit hartanah terhakis. Oleh sebab itu semasa kita membetulkan sungai kita juga terus mencari tempat-tempat takungan untuk menyelesaikan masalah ini. Ini jelas merupakan masalah bersama. Perkara ini tidak janggal. *Ryan River* atau Sungai *Ryan* melintasi lima negara dan mereka ada *river protocol* cara penggunaan sungai itu yang kita pun boleh tubuhkan *river protocol*. Dengan cara ini kita dapat mengatasi masalah-masalah yang kita bersama menghadapi.

Dewan Yang Mulia ini mungkin bertanya kepada saya, mengapakah baru sekarang? Jawapannya, bukan baru sekarang. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sudah banyak kertas kerja. Saya sampai satu minggu setengah membacanya. Terdapat kertas kerja yang disediakan oleh Kerajaan Negeri yang saya tunjukkan sudah ada keupayaan untuk membiayai kajian ini tetapi baru-baru ini ditolak oleh Kerajaan Negeri. Tetapi saya tumpu pula pada peruntukan air dan kajian sumber air sudah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Pembentukan pengurusan bersepadu Lembangan Sungai Klang sudah ada kajian besar maknanya lebih 5juta dilakukan. Pengurusan bersepadu Sungai Langat juga ada dilakukan tetapi saya mengambil Sungai Klang sebab Sungai Klang mempunyai kepadatan yang cukup, sedangkan Sungai Langat banyak lagi tempat-tempat penempatan yang belum banyak mempunyai kepadatan yang tinggi. Bermakna

kajian sudah dibuat tetapi insentif untuk memajukan Sungai Klang belum ada. Namun, kali ini saya percaya inilah masa yang sesuai.

Soalan no. 2 yang anda tanyakan kepada saya; sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak dapat menolong Kerajaan Negeri dalam usaha mengumpulkan dana untuk usaha ini, bolehkah Kerajaan Negeri melakukannya?

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker sebelum soalan dijawab saya ada satu soalan lagi nak tanya dengan ideologi untuk pembangunan Klang River itu memang satu rancangan yang baik. Saya pernah ke Sungai Singapura saya pergi pada tahun 1979. Yang baru-baru ni saya pergi tahun lepas bersama keluarga. Memang banyak perbezaan dan pembangunan di Sungai Singapura. Harus kita tiru. Tetapi untuk industri pelancongan adakah pelancong datang ke tempat pelancongan ini dia hanya nak tengok air itu bersih ataupun jalan disiapkan dengan seni taman atau landskap yang baik. Saya rasa itu bukan salah satu faktor yang utama. Soalan saya, sekiranya Sungai Klang itu sudah dimajukan tetapi satu faktor yang mustahak untuk menarik pelancongan iaitu penghiburan. Apa maksud hiburan itu luas. Kalau di Singapura itu dengan izin tarian *war horse* juga dibenarkan. Sama ada di negeri Selangor bolehkah kita benarkan secara hiburan yang ada di Singapura atau minuman arak / lesen minuman arak diberikan dan apakah pandangan dari rakan-rakan PAS? Itu satu faktor. Saya selalu jumpa pengusaha hiburan daripada golongan cina yang masalah apabila suasana tempat yang disiapkan begitu seronok selesa tapi akhirnya lesen-lesen untuk hiburan, minuman terjejas di sesuatu tempat pelancongan. Ini soalan saya, sekian terima kasih.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Sekarang saudara saya dari Kuala Kubu sudah pandai. Sekarang dia sudah tahu kalau sungai kita bersih banyak yang boleh difikirkan. Tetapi cara kita menarik pelancong bukan satu cara sahaja. Kita mesti bersaing dengan Singapura. Boleh jadi melalui tarian singa? Cara kita boleh jadi berbeza. Itu sebab kalau kita tengok jenis pelancong yang datang ke Malaysia berbanding dengan Singapura, rakyat dari timur Tengah datang ke sini sebab Malaysia satu tempat untuk keluarga bukan tempat untuk individu. Inilah situasi yang boleh kita fikirkan. Tetapi saya tak katakan dengan adanya sungai ini kita perlu tumpu pada pelancongan sahaja. Saudara tengok, pelancongan hanya sebahagian. Bangunan-bangunan cantik yang didirikan di situ dan tempat kita hidup di tepi sungai yang merupakan antara faktor sumber pendapatan daripada pelancongan di Singapura di tepi sungai hanyalah kurang 10% daripada pendapatan lain. Jadi, tak jadi masalah. Kalau itu jadi masalah pun, pengaruhnya sedikit sangat. Sebab kita boleh menguruskannya mengikut tatasusila dan cara kita menghasilkannya. Umpamanya kita adakan muzikal konsert *in the river*. Tidak semestinya tari menari tetapi satu permainan muzik yang pelbagai jenis muzik, dan banyak lagi. Oleh sebab itulah saya mengajak kita menggerakkan minda.

Jawapan yang saya nak berikan, sekiranya kita tak dapat sokongan pun pengusaha luar negara yang mempunyai tempat tapi tidak ada pekerjaan seperti di China atau di Eropah, boleh datang membersihkan sungai ini. Dengan cara ini, mereka pun boleh mendapat projek hartanah tersebut. Namun, kita perlu kira betul-betul. Kita kena buka dahulu untuk masyarakat awam. Apa yang saya katakan projek ini merupakan projek boleh maju bukan sebaliknya. Projek ini boleh dilakukan menggunakan *private sector funding*. Bukan sahaja diperlukan di pihak kerajaan tetapi saya berharap kerajaan Malaysia dengan kerajaan negeri Selangor mesti bekerjasama sebab pada teorinya kita cantikkan sungai itu dahulu. Kita gunakan sumber kewangan dan selepas kita cantikkan baru kita agihkan untuk penswastan. Ia bererti penswastan ini mestilah berasaskan

apa yang disebut konsep *only revenue*. Kos tidak boleh diswastakan. *Do not privatized cost*. Di Singapura, sudah dibuat LRT dia punya kos guna tender. Oleh itu sebut harga yang serendah-rendahnya dan selepas tu dipanggil siapa yang boleh beri pendapatan yang paling tinggi, dan barulah kita agihkan. Pakej yang pertama Sungai Klang kita anggarkan RM10 bilion, iaitu angka yang munasabah.

Seterusnya, saya hendak tunjukkan, mengenai projek pengangkutan awam. Saya berharap Kerajaan Persekutuan sudah mula menerima konsep ini supaya satu pelan melibatkan projek untuk meluaskan sistem pengangkutan awam di Selangor dengan matlamat mengurangi kadar pengangkutan awam dan persendirian. Pengangkutan persendirian sekarang sekitar 90% manakala pengangkutan awam hanya 10%. Kalau di Klang saya diberitahu kalau di kampung tunggu bas pun tak sampai-sampai. Maknanya pengangkutan awam tak ada. Jadi kita buat suatu nisbah yang bermaksud 90 ke 10 kepada 50 ke 50. Dalam masa 10 tahun bukan bermakna terus sahaja, tetapi pelaburan itu mula dibuat iaitu melibatkan perluasan sistem aliran ringan (LRT) dari laluan Kelana Jaya ke Klang, Kajang dan seterusnya. Saya mengharapkan apabila kita siap pelan itu, Kuala Kubu menjadi lebih dekat ke Kuala Lumpur. Itu saudara kena beritahu orang Kuala Kubu tentang rancangan Pakatan Rakyat nak majukan semua ini... Jadi daripada sana ke situ menjimatkan masa.

Kalau di Jepun mereka bukan kira jauh, tetapi kira berapa lama dia naik tren. Di Jepun kalau satu jam dianggap biasa, jika anda bekerja di Yokohama atau bekerja di Tokyo. Jadi oleh sebab itu, kalau satu jam maka seluruh Selangor ni sudah mampu dirangkaikan. Konsep saya untuk merangkaikan seluruh Selangor. Harapnya rakan dari Sungai Burung dan Sungai Panjang pun bersetuju di sini. Ada juga pelan untuk kereta api. Dengan sebab itu, sistem pengangkutan awam merupakan pakej rangsangan kita. Kalau ini boleh kita gerakkan, saudara-saudara boleh tahu harga hartanah supaya dapat meningkat sistem ini melalui kawasan-kawasan tersebut. Diharapkan ada pengusaha-pengusaha yang mempunyai kepentingan untuk menarik pelaburan dalam sistem rangkaian ini.

Yang ketiga, menentukan sistem paip dan penyaluran air di Negeri Selangor supaya lebih baik daripada sekarang. Pada awalnya apabila saya diberitahu yang sistem air di negeri Selangor ini diswastakan, saya ingat hartanah Selangor ini sudah tidak ada. Umpamanya diswastakan kepada SYABAS untuk mengalirkan air kemudian ada SPLASH, yang didirikan empangan dan disalurkan air. Ada PUNCAK NIAGA untuk usahakan loji pembersihan dan ABASS yang juga mempunyai empangan dan loji pembersihan.

Saya mula-mula menjangkakan Selangor ni sudah habislah hartanya. Rupa-rupanya dalam penswastaan, baiknya kerana kita tak beri harta, kita sewakan, tetapi kita pun tak kutip sewa. Tak apalah, kita sewakan. Maknanya, harta itu masih lagi milikan Kerajaan Negeri, iaitu 70%, manakala 30% sahaja milikan kerajaan swasta. Oleh itu, apabila kita, adakan penyusunan semula, yang sebenarnya harta di negeri Selangor itu mesti kita gunakan, misalnya harta air ini. Kalau Kerajaan Persekutuan ambil semua harta air ini, RM9 bilion nilai harta air negeri Selangor, RM5 bilion nilai harta air swasta. Jika kita bahagikan, kita ada tinggal RM4 bilion untuk kegunaan membetulkan paip, dan hal lain yang berkaitan.

Saya mengharapkan Dewan ini menyokong usaha pengambilalihan ini sebab ia baik untuk negeri Selangor. Harga air boleh diturunkan. Saya nak beritahu sebahagian



daripada paip air masih berbentuk paip asbestos. Bukan saya hendak menakutkan saudara tentang paip daripada asbestos ini. Tetapi, memang jika kita minum air dalam menerusi paip asbestos ini, dalam jangka panjang mungkin mendapat kanser dan sebagainya. Jadi, inilah perkara yang kita kena betulkan. Dan salah satu projek rancangan kita dan yang perlu disegerakan, kita perlu tukarkan paip air di kawasan semua di seluruh Selangor. Mana paip yang lama kita gantikan, kita pasang paip yang baru dan tidak mengancam kesihatan pengguna. Loji-loji yang lama kita gantikan. Dengan cara itu kita dapat air yang bersih dan produktiviti yang tinggi dan merangsangkan ekonomi negeri Selangor.

Yang keempat, kita dapati sejumlah kawasan mundur di bandar, contohnya di Petaling Jaya, di Kelang, dan di Kajang. Saya berasal daripada Kuala Selangor, tetapi selalu duduk di Kelang. Speaker pun wakil daripada Kelang. Apakah komen masyarakat yang pergi ke Kelang? Kelang tak ada *sense of arrival*. Apabila kita sampai di Kelang, kita tak tau sudah sampai di Kelang. Tetapi apabila kita sudah meninggalkan Kelang, baru kita tau sudah keluar daripada Kelang. *That's no sense*. Anda tau stesen bas. Tapi saya nak beritahu, bukan salah apa tu, sebab apabila dibuat, tak ada perancangan yang tersusun, maknanya Kelang membesar. Kelang, antara bandar yang terlalu cepat pertumbuhannya.. .Kelang ini sudah melimpah sampai ke Bukit Tinggi, sampai ke Kapar limpahnya. Tapi kita mesti cari jalan bagaimana membangunkan semula Bandar Diraja Kelang, supaya ia lebih bersifat *urban re-development*, dan menggunakan hartanah Kelang.

Kalaulah kita ada hartanah, harganya RM100 sekaki, takkanlah kita nak buat satu tingkat sahaja. Sebab pulangnya sedikit. Oleh sebab itu, pembaikan kawasan mundur di bandar merupakan salah satu daripada insentif pakej kita, yang kita nak ajak pengusaha-pengusaha yang ingin membangunkan Kelang. Bukan sahaja Kelang, tetapi Kajang dan Petaling Jaya. Petaling Jaya ni ada juga kawasan yang saya lihat yang mungkin memakan belanja lebih kurang RM5 bilion lebih bagi pembangunan dalam 3 ke 5 tahun. Dan projek yang terakhir, saya dan EXCO bersama-sama fikirkan iaitu projek pembaikan kawasan terbiar. Maknanya perumahan, begitu banyak, 114 ke 140 projek tergendala. Atau 147 projek tergendala. Maka kita kena selesaikan masalah ini. Termasuk rakan saya daripada Templer, daripada Templer, Bukit Botak mesti diselesaikan. Dia dah mula tak tidur malam fikirkan. Saya pun mesti selesaikan. Sebab, saya tau Selangor ada kawasan hartanah yang sangat elok, tetapi silapnya kita suruh orang yang tak reti pandu kereta, memandu kereta. Itulah masalah yang terbesar. Maka kita kena selesaikan, supaya rakyat tidak rugi.

Tetapi saya tidak seorang selesaikan perkara itu sebab ia beban. Saya nak ceritakan sikit, dia bebankan PKNS sampai kos yang dia mesti menanggung, lebih daripada 120 bilion, 120 juta. 140 juta. Kita kata tak bolehlah. Kita gunakan 40 juta, buat tempat yang lebih baik. Jadi itu sebabnya, tetapi saya sendiri tidak mungkin selesaikan.

Ini projek dalam rangsangan 5 pakej. Jadi saudara-saudara, 5 pakej yang kita utamakan. Pertama, pembersihan Sungai Klang.

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Tuan Speaker dan Dato' Menteri Besar. Berhubung projek-projek yang tergendala ini, memang satu fenomena dan perkembangan yang biasa dalam negeri Selangor, di mana terdapat banyak projek-

projek yang terbengkalai dan tidak dapat diteruskan. Saya ingin mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri, apakah mungkin Kerajaan Negeri boleh meningkatkan *performance bond* yang dikenakan terhadap pemaju-pemaju hartanah. Kerana pada hari ini saya difahamkan, pemaju-pemaju ini dikenakan hanya yang disebut sebagai *developer license* deposit ini, hanya 250 ribu ringgit, sama ada projek itu bernilai 2 juta ataupun 200 juta. Deposit yang dikenakan hanya 250 ribu ringgit. Apakah mungkin Kerajaan Negeri dapat meningkatkan *performance bond* ini untuk memastikan pemaju-pemaju benar-benar mempunyai keupayaan untuk menyiapkan projek yang berkenaan. Yang kedua penjelasan yang saya pohon pada Dato' Menteri Besar ialah tentang kemungkinan Kerajaan Negeri juga dapat mewujudkan dana harta. Di peringkat Kerajaan negeri, untuk mengambil alih projek-projek yang terbengkalai ini, dan kita tender semula kepada awam supaya ianya dapat diselesaikan dan tidak dibebankan kepada pembeli hartanah tersebut.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Apa ni, wakil kita daripada Bukit Antarabangsa dah 'curi' projek kita ni. Ini saya nak buat. Saya dah berjumpa Dato' Azman, mantan dana harta untuk majukan skim ini. Ah, dah terkeluar pula di Dewan ni. Ok, tak apa, kita terima. Itu satu idea yang baik.

Tetapi perkara yang pertama yang paling penting, untuk menolong rakyat, iaitu projek yang penting dengan rakyat. Pilih pengusaha yang mempunyai pengalaman. Kita jangan pilih pengusaha yang tak ada rekod. Maknanya kalau dia tak rekod, dia mungkin buat usaha sendiri, ambil tanah orang kampung, janji pula terlalu besar. Lepas tu akhirnya tak berjaya.

Jadi kita buat pilihan. Saya juga pernah menjadi pemaju perumahan, sedikitlah, iaitu di Guthrie, lebih kurang saya bina 3 ribu buah. Di samping itu, saya tau mereka yang benar-benar faham tentang hartanah atau tidak. Dan saya nak beritahu Dewan yang mulia ini. Saya pernah jumpa dua pemaju yang tak berjaya datang berjumpa dengan saya untuk menyelesaikan masalah. Dan perkara asas yang saya tanya dia, di mana tempat projek ini. Dia pun terlupa. Maknanya, dia ni tak pernah pergi ke tempat projek itu. Maknanya dia ada gejala sub-sub. Akhirnya, dia kata "nanti saya telefon". Maknanya pemaju semacam ni dia dah *out*, sudah habis. Dalam perkiraan saya dia ni tak boleh, tak boleh buat kerja. Jadi, kita perlu pilih. Oleh sebab itu bukan sahaja kita terima cadangan Bukit Antarabangsa, tapi saya nak kenakan jaminan peribadi supaya dia jangan lari. Kalau dia nak, dia mesti sertakan jaminan peribadi.

Tapi pada saya carilah pemaju-pemaju yang mempunyai pengalaman dan dah ada hasil. Ini lebih senang untuk menjamin kejayaan kita. Sebab ini janji pada orang kampung. Saya tanya dia, mengapakah saudara sains *power of attorney*? . Dia jumpa saya, bertanya pula: Tan Sri, *power of attorney* ni apanya? Saya cakap dah sains?, Apa dia kata? Dah serahkan tanah bulat-bulat. Ertinya, saudara tak ada lagi kuasa terhadap tanah tu. Kalau dia dah beri pada bank, kuasa itu dah diserahkan. Maknanya, dia tak punya tanah lagi. Jawapannya ya, dia tak ada tanah lagi. Itu jawapan kita. Dia sedih, kita pun marah, jadi *high blood pressure for nothing*. Jadi itu sebabnya saya nak selesaikan perkara ini dengan cara yang lebih baik. Jadi masukkan dalam pakej rangsangan ni sebab masalah seumpama kita dapat selesaikan.

Puan Speaker, saya mohon maaf mengambil masa sedikit, tetapi perkara yang kedua saya nak jelas ialah tentang pengambilan air, iaitu pengambilan konsesi air daripada pemegang-pemegang konsesi, yang saya rasa amat penting untuk diketahui oleh

Dewan. Kita sudah menyediakan kertas *Selangor Water Consolidation* untuk menyusun semula air. Dan yang penting diketahui oleh Dewan ini, mengikut kajian kita, kalau kita betul-betul dapat harga yang sesuai kita boleh terus memberi air percuma kepada rakyat Selangor selamanya. Kemudian, kita boleh kurangkan tarif dari semasa ke semasa. Sampai satu peringkat sebanyak 24%, bukan menaikkan tarif ke 70%, 24%.

Ketiga, ini kajian kita, penjimatan melebihi RM20 bilion. Maknanya kita dapat jimatkan. Sebab itu saya mengatakan ini sangat penting bagi Selangor. Sudahlah kita swastakan, lebih baik kita ambil balik, kita buat balik dan masalah ini tidak selesai jika kita swastakan.

Saudara semua, saya, sekarang wakil rakyat dan wakil negeri. Kita menghadapi masalah, menerangkan kepada rakyat bagaimana tol jalan nak diselesaikan. Saya juga pernah membuat tol jalan, bukan tak pernah. Saya tau kiraannya. Guthrie. *I think*, Kuala Kubu biasa gunakan. Jadi saya fikir penyelesaiannya ialah kalau kita dapat mengambil alih dan dapat membayar kepada konsesi itu dengan harga yang berpatutan. Apakah harga yang berpatutan? Katanya, dia tidak rugi, dia jangan untung terlalu banyak. Itu sahaja.

Sebagai contoh, saya nak rekodkan dalam Dewan ini apa yang dikatakan harga yang berpatutan. Kalau kita melabur dalam projek tersebut seratus juta, kita gunakan duit itu pelaburan selama lima tahun, berapa pulangan yang kita dapat selepas lima tahun? Jawapannya, berapa peratus pulangan tiap-tiap tahun? Mengikut kiraan kita orang yang biasa buat *business*, kalau kita dapat untung tiap-tiap tahun 12 peratus tiap-tiap tahun kita dah senang hati, kita sudah senang hati. Saya buat kiraan berasaskan 12 peratus dan kalau kita rasa dia tak sedap kita boleh naikkan 15 peratus. Tetapi kita boleh kurangkan ke 10 peratus. Jadi itu kita boleh bincang. Tetapi kalau 12 peratus, dia masuk seratus juta dia keluar dia dapat 200 juta. Sebaliknya, kali ini pihak yang mempunyai *concession* bukan dia nak 100 juta atau 200 juta, tetapi dia hendak 1000 juta. Jadi saya kira pulangan dia, dia dapat tiap-tiap tahun lebih 89 peratus. Apa *business* yang kita boleh 89% tiap-tiap tahun? Saudara pergi Genting pun saudara tak tentu menang!

Sebab itulah, saya dah tulis surat kepada Kerajaan Persekutuan Kementerian saya cakap, *what is a fair exit price? A fair exit price* bermaksud harga yang tidak merugikan dan harga yang munasabah. Sebab itulah sekarang terdapat beberapa perbincangan, tetapi saya mahu negeri Selangor mesti mengambil balik tetapi dengan harga yang berpatutan. Sebaliknya, kita tidak boleh membayar dengan lebih banyak, kerana kalau kita bayar dengan lebih banyak masyarakat terpaksa membayar harga air yang lebih tinggi. Jadi jawapannya bukan satu jawapan politik, itu satu jawapan ekonomi mengapa kita buat begini, bukan kerana apa kerana semua rakyat Selangor boleh mendapat kebaikan daripada itu.

Saya ingin memberikan beberapa perkara yang penting di dalam Dewan ini dan saya meminta ahli-ahli Dewan kesemuanya tak kita dari parti mana kita mesti cuba mencari jalan supaya ini dapat diselesaikan memberi manfaat kepada semua rakyat Negeri Selangor.

Perkara ketiga yang saya nak bangkitkan ialah, mungkin ada saudara rasa pakej perangsang ini tidak meliputi kawasan luar bandar. Saya dapati, boleh jadi Sungai Air Tawar selepas membaca ini dia asyik memikirkan ah, ini semua untuk orang-orang di

bandar saja. Kita hendak berusaha dengan Yang Berhormat Kota Anggerik untuk menyelesaikan satu projek yang kita harap mendapat sokongan daripada Sabak, Sungai Burung, Sungai Panjang dan Sungai Air Tawar untuk melipatgandakan pendapatan petani-petani dan projek itu yang saya harap kita dapat dengan cara meningkatkan pengeluaran padi di kawasan tersebut. Dan projek ini, yang Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada sebutkan kita perlu gunakan *multi-tech* dan saya berharap saya dapat bersama-sama turun padang. Saya berharap Sungai Air Tawar, Sungai Panjang dan rakan-rakan saya di sini turut untuk mencari jalan cara kita mendapat mempertingkatkan hasil padi dan mempertingkatkan usaha ini. Saya tahu Sungai Burung sangat bangga sebab di Sungai Burung walaupun kawasan agak terhad, namun dapat mengeluarkan keluaran padi yang terbaik di Malaysia. Sebaliknya, di Sekinchan, bagaimana?

**PUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Sekinchan tak boleh duduk diam macam itu. Sekinchan mesti bersama kita supaya seluruh lembah itu dijadikan tempat yang terbaik. Saya minta Sekinchan dan rakan-rakan supaya mendapat sokongan daripada Kementerian Pertanian walaupun ada perbezaan politik tetapi daripada segi menyelesaikan masalah masyarakat petani kita harus lakukan bersama. Saya menerima cadangan Sungai Panjang tentang usahawan skala kecil tetapi kesannya tak berapa besar kalau asyik sibuk buat kerepek, dia tak tanam padi pun tak boleh juga. Sebab itu saya nak selesaikan isu besar baru selepas itu isu kecil atau isu lain. Akhirnya saya ada beberapa perkara untuk menjawab soalan yang dikemukakan nanti.

**PUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa ingin mencelah.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ya, sila.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih puan Speaker dan Dato' Menteri Besar. Dato' Menteri Besar telah pun berkongsi dengan kita penjelasan tentang lima teras utama dalam pakej rangsangan ekonomi Negeri Selangor yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan lebih baik bagi negeri kita. Dan saya dan juga teman-teman yang lain pada umumnya bersetuju dengan lima teras utama yang telah dinyatakan dan kita yakin perkara ini dapat meningkatkan lagi sumber Kerajaan Negeri melalui hartanah, industri pelancongan dan juga aktiviti hiliran yang lain. Namun persoalan sekarang yang ingin saya dapatkan penjelasan ialah berbalik kepada hujah saya yang lebih awal perkara-perkara yang telah dikongsi di dalam Dewan pada pagi ini adalah satu program jangka panjang untuk meningkatkan pelaburan di negeri Selangor dan saya bersetuju kalau *expectation* itu baik di kalangan pelabur ianya akan meningkatkan *investment* di dalam Kerajaan Negeri. Tetapi persoalannya ialah kegawatan yang kita hadapi sekarang ini ialah berlaku pada hari ini dan apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini. Hujah saya di peringkat awal ialah *government spending* seperti ini ianya memakan masa yang lama kerana memerlukan perancangan, memerlukan penelitian, dan juga mengambil masa yang agak lama untuk melaksanakan dan sebahagian besar daripada infrastruktur dan prasarana sama ada di peringkat pusat mahupun Kerajaan Negeri Selangor telah pun sampai ke satu tahap siling di mana tidak ada lagi projek-projek besar yang dapat kita laksanakan melainkan beberapa perkara yang telah dijelaskan oleh Dato' Menteri Besar. Jadi kalau perancangan itu mengambil masa yang agak lama dari segi soal termasuk soal perlaksanaan bagaimana pakej ini dapat membantu menangani krisis yang kita hadapi pada hari ini. Yang kedua yang ingin saya pohon penjelasan ialah soal

mentadbir Kerajaan Negeri atau Pusat dengan keadaan *deficit* memang mudah, memang belanja lebih mudah daripada kita menyimpan, tetapi kalau kita lihat di Amerika Syarikat baru-baru ini, Presiden Barrack Obama telah mencerakinkan bagaimana beliau akan menurunkan *deficit* kerajaan dan pentadbiran Washington dalam tempoh empat tahun pertama pentadbirannya dan ianya telah menjelaskan secara *detail* langkah-langkah yang akan diambil tetapi apakah Kerajaan Pusat termasuk Kerajaan Negeri mampu untuk menangani masalah ini dengan memberikan maklumat yang teliti dan *detail* langkah-langkah yang akan diambil. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Itulah sebabnya kita nyatakan pakej ini pakej rangsangan. Ia tindakan segera, yang sedari awal lagi kita hendak tubuhkan *task force* yang khusus untuk menyelesaikan dan membangunkan projek ini secara cepat bukan secara *fast track*. Dan pengalaman Malaysia ada, banyak yang dilakukan dalam projek *fast track*, sebagai contoh KLIA dibuat secara cara *fast track*. Jadi kita boleh dalam tiga tahun sahaja, kita dah ada kesan. Maka salah satu perkaranya kita sebut eksklusif sebab kita perlu adakan *fast track*. Walau bagaimanapun, saya percaya banyak lagi yang kita mesti lakukan. Apa yang mesti saya lakukan, kita sudah ada program untuk berjumpa *the business council*. Maksudnya, perbincangan dengan kumpulan pengusaha di Negeri Selangor, yang kita undang minggu hadapan untuk mengadakan perbincangan mengenai perkara ini. Minggu hadapan juga kumpulan daripada Singapura ke Kuala Lumpur untuk menerangkan projek yang mereka cadangkan. Mereka sudah kaji tentang peluang pelaburan di Selangor, dan dari Germany untuk sistem pengangkutan. Tegasnya, kita sudah ada sambutan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Puan Pengerusi, boleh Bangi mencelah? Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dari segi kalau kita lihat pakej rangsangan ekonomi ini menyentuh empat lima perkara, pembersihan sungai, sistem pengangkutan, sistem paip, kawasan mundur, pengambilan air dan melibatkan pembangunan luar bandar, di manakah kedudukan faktor utama yang memberi kemajuan Negeri Selangor iaitu dari segi industri tidak disentuh langsung peranan pendidikan yang patutnya diberi perhatian utama yang menjadi imej Negeri Selangor juga barangkali dari segi pembaikan sosial, kesihatan dan sebagainya, jadi tidak disentuh, disentuh yang agak bersifat hartanah sahaja, tidak kepada kemajuan masyarakat. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Bangi. Soalan itu kita ambil kira, berhubung dengan kerja dan tugas ini. Ini tugas tambahan, yang maksudnya pembinaan modal insan merupakan *prerequisite* untuk pembangunan ini. Maksudnya, kita dah ambil kira dan latihan-latihan yang hendak ditawarkan, pembangunan masyarakat hasil daripada pembangunan ini sudah diambil kira tetapi kalau nak diterangkan cara kita nak salurkan ini agak lambat. Namun, ini projek asas yang termasuk projek-projek lain yang kita hendak lakukan bersama, demikian juga kita hendak merangsangkan IKS, industri kecil dan sederhana.

Mengapakah saya tidak menyentuh tentang pembuatan elektronik dan elektrik? Di Negeri Selangor ni kira-kira 70 peratus daripada industrinya dimiliki oleh *multi-national*. Jawapannya, bukan di Selangor, jawapannya di Tokyo atau di Perancis sebab yang macam *western digital* jawapannya bukan di sini, perancangannya di Amerika. Toshiba, Matsushita, jawapannya dari Jepun. Jadi, walaupun kita menggalakkan lebih baik kita buat sendiri dan menggunakan *networking* kita supaya mereka masih lagi bersama dengan kita. Sebaliknya, jawapan perindustrian di Malaysia melibatkan sebahagian besarnya hasil daripada pelabur asing. Namun, tidak mestinya kita tidak menggalakkan

sebab kalau apa pun kita buat di sini kesannya tidak sebegitu besar dengan apa yang bakal dilakukan di ibu pejabat di tempat-tempat tersebut. Sebab itu, saya tidak membincangkannya tetapi saya ambil dalam ingatan. Kita tidak kita bincangkan sebab keutamaannya, kita mesti ingat kita mesti sediakan Selangor sebagai tempat yang sesuai untuk pelaburan, pelaburan domestik dan pelaburan antarabangsa.

Saya percaya YB Teresa dan melalui SSIC - *Selangor State Investment Corporation* ada menjalankan usaha itu dan salah satu objektif kita untuk menjadikan Selangor, sebagaimana dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, tentang hab pendidikan yang kita ada, tetapi hari ini hanya sebagai ingatan sahaja kerana rakan-rakan saya dalam kalangan EXCO boleh menerangkan. Sebab itulah saya gunakan masa ini.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Pendidikan, pendidikan, Dato' Seri?

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Pendidikan memang ada, kita dah menggalakkan universiti, menggalakkan pendidikan. Yang sebenarnya kita baru tahu terdapat 400 lebih institut latihan kemahiran di Negeri Selangor yang boleh menampung lebih kurang 10 ribu ke 15 ribu orang pelatih. Maknanya antara tugas kita untuk memperbaiki program tersebut dan membesarkan lagi universiti. Y.B. Bangi tahu di Malaysia dan universiti yang terbesar melainkan kita silap kita bagi Universiti Malaya masuk ke wilayah. Kalau Universiti Malaya masuk ke Selangor? dah habislah, tak ada lagi universiti yang terbesar. Saya cakap ni sebab saya daripada Universiti Malayalah, itu sebabnya. Jadi oleh itu, yang menyebabkan kita berfikir, apa yang saya nak nyatakan kepada Dewan yang mulia ini, banyak lagi, banyak perkara yang boleh kita lakukan. Ya, itu sebabnya Selangor ini mempunyai sumber, tinggal lagi *how we manage it?* Bagaimana kita menguruskan? Betapa cekap dan bijaknya pasukan petugas kita? Maknanya kekuatan kita. Bagaimana menjalankan setiap langkah?

Saya tahu Y.B. dari Selat Klang sangat serius terhadap pendidikan. Jadi dia bawa orang yang hendak membuka cawangan universiti Madinah datang ke sini dan minta Menteri Besar membuat keputusan. Tetapi sebelum membuat keputusan kita perlu siasat orang yang mengajak kita bekerjasama. Maknanya kita, EXCO sendiri mesti agresif terhadap hal-hal pendidikan... Bukan bermakna kita tinggalkan. Saya perlu menggunakan masa ini, supaya di dalam Dewan ini saya dapat memberi penjelasan terhadap berapa soalan.....

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang hendak mencelah. Silakan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih. Saya masih ke isu pakej rangsangan. Saya rasa sikit bimbang tentang tumpuan kepada projek-projek pembangunan yang kemudian akan meningkatkan nilai hartanah. Tuan Speaker, nilai hartanah ini *advantage* kepada orang yang sudah ada harta dan hartanah. Tapi mungkin tidak selaras dengan usaha untuk memberikan kediaman bagi penduduk. Ya bagi yang belum ada, takut tiada masalah. Itu isu yang pertama. Kedua isu dasar, saya membuat penelitian juga di antara analisis yang menyatakan krisis sub prima berlaku adalah kerana *interest based economy* atau riba' *based economy* di mana *servicing of loan*, dengan izin ini terlalu tinggi, kosnya terlalu tinggi. Jadi maknanya kita mesti melihat pakej rangsangan yang bernilai RM50 bilion ini menganjakkan daripada paradigma dan sistem lama daripada sistem konvensional *economy* kepada *zero based*

*economy* kerana di dalam Islam pun maknanya Al-Quran menegaskan dengan izin 'Biharbim Minallahi Warasulih', diisytiharkan perang oleh Allah dan Rasul tentang amalan riba'. Jadi kita mesti melihat jangka panjang, bagaimanakah perkara ini perlu ditangani.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih kerana saudara mengingatkan. Bukan sahaja kerana kadar faedah yang tinggi, tetapi juga kerana terlebih penilaian, *over valuation*. Maknanya hartanah tu, mulanya dia duduk di hartanah tu, lepas tu selepas 10 tahun, orang bank pergi jumpa orang yang punya tanah tu, nilai rumah yang anda duduk ni bukan RM100,000.00 tetapi menjadi RM200,000.00. Saya hendak beritahu: anda pinjaman RM200,000.00 bukan untuk buat rumah tetapi untuk berbelanja. Sebab itu di Amerika apa yang terjadi ini sebab nilai rumah itu dinilai lagi dan pinjaman berada di atas nilai. Ini bukan sahaja melibatkan kadar faedah tetapi juga konsep penilaian.

Tentang konsep ekonomi tanpa riba'. Ekonomi tanpa riba' ni saya berminat sebab saya sendiri diminta jadi *fellow* di *Oxford Islamic Centre, Oxford University* untuk membuat analisis mengapakah ekonomi tanpa riba' boleh berlaku. Tetapi strategi itu terlalu awal, terlalu awal strategi ini sebab kita perlu memanggil pelabur-pelabur yang nak buat pelaburan bukan nak takutkan mereka.. Ini niat kita. Oleh sebab itu, kita perlu buat dahulu dan lepas itu pembelian urus niaga tu boleh dibuat dengan cara *zero coupon*, boleh? Dan saya antara orang yang terawal yang merangka buku al-ijarah untuk pelaburan. *It's very technical* pada masa ini.

Sehubungan ini, saya tidak lari daripada menolong golongan orang yang berpendapatan kecil untuk mendapat rumah sendiri sebab kita punya matlamat, iaitu "kediaman untuk semua". Sekarang pakej dalam keadaan *emergency* bukan dalam keadaan yang biasa. Sebab itu, di Amerika tak tergambar oleh kita: Bajet yang dikeluarkan untuk rangsangan berjumlah *trillion*, tak tergambar oleh kita. Itu kecemasan. Seperti yang ditanya oleh Bukit Antarabangsa boleh tak dia bayar dan kurangkan itu? Sebab mengapa saya tak jawab?

Yang sebenarnya Obama pun tak boleh jawab. Sebab *this is a new economic deril. Any economist who answer that he must didn't know economy, he cannot*. Yang sebenarnya dia tak boleh, tak boleh cakap dia boleh bayar sebab hanya apabila ekonomi boleh naik dia boleh bayar. *There is no answer, nobody in the, in the economic school understand what's the problem*. Sekarang tinggal lagi *we understand the teory but we don't understand the solution*. Itu sebabnya. *This is, I tell you the....the.....* Saya ingin nyatakan ini bukan kerana sebabnya masalah ini berlain daripada masalah tahu 1930-an. Berlainan daripada masalah kegawatan Asia. Ini masalah sebab orang tamak jadi habis dah, habis dah. *Then, economic teory, market will take care by itself got no more, no more*. Jadi dah tak ada.

Oleh sebab itu, baik saya setuju dalam ekonomi pemerintahan cara Islam yang lebih beradab, lebih telus, lebih tulus. Jadi boleh kita lakukan. Sudah tentu Kota Damansara boleh mengatakan kepada saya *the sosuly stick thinking is bad*. Saya tak tahu. Itu saya tidak hendak berikan jawapan. Tapi saya rasa kita mesti berasaskan fundamental....fundamental. Maknanya apakah harta dan sumber yang boleh kita lakukan. Bukan kalau kita ada itu, tak bolehlah. Katalah kita nak katakan, nak buat tempat peranginan di Morib untuk rangsang ekonomi. Tak boleh, *the quality of....walaupun saudara saya ada juga di Morib, the quality of this, tak....berapa ratus juta*

kita kena buat? *Even not happend, so tak boleh, tak boleh. It will not.* jadi, ada *limit* yang kita boleh kita, kita rangsangkan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Sikit lagi. Sikit aje. Kalau Tan Sri menyokong tentang amalan tanpa riba' kita boleh mulakan sebagaimana yang dijanjikan bahawa peruntukan ADUN diletakkan dalam akaun tanpa riba' bermula secepat mungkin.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Itu tak jadi masalah. Tak ada masalah sebab kita pun tidak mengharapkan pendapatan daripada situ. Kalau saudara tak membelanjakan itu rugi. Sebab itu untuk perbelanjaan bukan yang hanya saya *check* Pengarah Kewangan Negeri. Kalau tidak *please* tempat yang mempunyai hasil yang lebih baiklah, itu saya *check*lah. Tetapi untuk ADUN, penggunaan yang sangat penting. Saya nak menjawab beberapa soalan sedikit sahaja sebab saya rasa perlu kita betulkan. Rakan saya daripada Kuala Kubu ada menyatakan pasal kereta yang kita gunakan tidak berhemah. Saya dibetulkan perkataan ini oleh Dr. Sulaiman Masri yang kerja dekat..."hemah" dia kata tak boleh. Jangan gunakan perkataan "hemah" kerana hemah itu bererti baik dan tertib -- bukan beli kereta berhemah. Dia ingatkan saya gunakan perkataan "hemat", "berhemat", yang bererti jimat-cermat atau tidak membazir....Berhemah dia kata bahasanya lain. Dalam konteks ini, "berhemat" yang betul.

Oleh itu, soalan Kuala Kubu adakah EXCO berhemat dalam usaha membeli kereta ini. Jawapannya ya. Jadi kita sama dengan kereta-kereta EXCO yang dahulu pun ada TV, tapi tak digunakan, saya rasa. Memang tak gunakan TV walaupun semua ada. Kesnya, serupa. Jadi maknanya tak ada pembaziran.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker, saya rasa dalam perbahasan tu saya tak sentuh pasal isu kereta.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Baiklah. Saya nak terangkan sebab itu kita dah *check* dan saya tengok perbelanjaan pembaikan kereta untuk tahun lepas sampai 2008 berjumlah RM248,832.00. Itu untuk Proton, semua yang kita baik. Lebih kurang puratanya, RM21,000.00 sebuah. Tetapi Sungai Pelek nak membangkitkan berapa kos perbelanjaan kereta saya yang di caj kepada Kerajaan. Jawapannya, RM16,000.00 setahun. Jadi, saudara dapat *very cheap*, berhematlah maknanya.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih. Ya Tuan Speaker. Saya rasa soalan saya menuju kepada kereta rasmi itu, sebuah kereta rasmi itu di dalam skop pemasangan LCD yang setahu saya hanya perlu..../ *check* dekat luar. Hanya perlu membelanjakan RM7,000.00 atau RM8,000.00 sebuah LCD dan *tinted* kereta rasmi itu RM2,000.00. Jumlah RM10,000.00. Jadi soalan saya kalau tak silap saya, *tinted* dan LCD yang dibekalkan kepada kereta rasmi ini ialah berharga RM20,000.00.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Betul ke? Yang dia jual kereta pada kita dengan harga yang sama dia jual kepada pasaran. Harga dengan kita RM160,000.00 tetapi kalau harga pasaran tidak termasuk semua tu. Tetapi dia jual kepada kita termasuk semua tu dengan harga yang sama sebab dia beri kita diskaun tentang perkara itu. Kita tak perlu bayar. Kita tak bayar. Jadi bukan kita kena bayar tambahan. Tak ada. Ha, itu caranya...



**YB TUAN YAP EE WAH:** Kalau tak silap saya, RM130,000.00 lebih sebuah kereta rasmi itu yang diumumkan oleh Y.A.B. di dalam surat khabar. Jadi sekarang apa jawapan daripada Y.A.B. adalah RM160,000.00. Jadi entah mana satu yang betullah.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Yang itu selepas ditolak cukai. Kalau kita bayar cukai, negeri boleh minta pengecualian cukai. Tetapi kita bayar pada UMW, syarikat ini, saya ambil *net*. Itu pada perkiraan saya. Tapi saya diberi tahu oleh Pengarah Kewangan Negeri baru-baru ini oleh sebab kita beli *Camry*, dia tak hendak beri kita *tax exemption*. Itu sahajalah. Sekarang kita tanya ada tak kerajaan negeri beri *tax exemption* untuk negeri-negeri yang lain, jika beli kereta selain Proton? Jawapannya, tidak juga.

**PUAN SPEAKER:** Ya, Sg. Pelek hendak mencelah lagi.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Cuma, Cuma apa yang saya tekankan dalam soalan saya semasa dalam sesi soalan, ada tak *LCT* dan *tinted* ini dalam dari apa ni, dalam *spec full spec* dalam kereta dan dimasukkan untuk dibeli dan dibelanjakan di dalam kereta rasmi ini. Kalau tidak mungkin kereta itu akan lebih murah daripada yang apa disebut tadi.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Untuk EXCO itulah harga yang diberi. Tetapi kalau kita tak hendak, tak hendak yang *tinted* apa semua tu dia beri kita, kita bayar dengan harga yang samalah. Itu sahaja. Ah! Dia beri kita itu, kita tak perlu bayar itu. Saudara tak pernah pengalaman beli kereta begitu? Ah! Ah! Jadi, maknanya *the full price include*, ah! Ya, tak ada beri, boleh tanya sebab Dato' Halim itu pernah bekerja di Kontena Nasional dengan saya.

Baiklah, kemudian ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh panggilan telefon bersepadu oleh Bukit Antarabangsa, saya setuju. Tetapi kita kena sediakan a *centralized call centre*, tak boleh sekarang dia buat di tempat-tempat yang kita kena sediakan *centralized call centre* supaya kita boleh *track* jawapan dan seterusnya. Ini merupakan antara cadangan yang saya anggap baik untuk memantau tentang peningkatan perkhidmatan yang kita berikan.

Saya juga hendak membangkitkan isu pembelian hartanah di Mekah untuk pengetahuan Dewan, sebab Sg. Panjang tak ada, sebenarnya saya belum dapat pemindahan milik tersebut sebab ada beberapa isu yang masih belum diselesaikan. Iaitu penjualan sebahagian daripada hartanah kepada syarikat individu di Malaysia dan bayarannya dengan ringgit bukan bayaran dengan rupiah, bukan rupiah, bukan dengan rial. Maka saya hendak selesaikan perkara tersebut. Saya juga hendak terima jadi *trustee* atau pun pemegang amanah kepada yang tinggal sahaja, yang dijual beli saya tak hendak jadi pemegang amanah sebab ada kesannya.

Saya sudah menulis surat kepada Bank Negara Malaysia tentang hal tersebut, iaitu adakah ia menyalahi atau pun mematuhi undang-undang *exchange control and money laundry*. Oleh itu, saya nak selesaikan masalah tersebut. Saya juga difahamkan mengikut kerja pelaburan tersebut yang ditanya oleh Bukit Antarabangsa, perkiraannya sebanyak 12% dan sewanya 25 tahun. Ia bukan *ownership*, ia disewa. Selepas 25 tahun tak ada dapat lagilah. Dan kalau nak sewa balik dia kena bayar premium serupa macam kita yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, adakah 12% munasabah? Saya tak boleh jawab sebab pulangnya belum sampai lagi. Maknanya, dia kata dia masih

lagi dalam proses pembinaan. Tapi selepas 3 tahun kalau tak dapat 12% setiap tahun maknanya kiraan kita tidak betul.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Puan Speaker. Yang Amat Berhormat Tan Sri, saya nak minta penjelasan yang lanjut tentang pembelian harta di Mekah tu, pangsapuri tu, mungkin ramai termasuk saya Sekinchan yang keliru apakah permasalahan yang timbul, permasalahan yang timbul dalam pembelian ini, apakah penilaian atau permasalahan yang timbul yang masih samar-samar dalam perkara ini, minta penjelasan yang *detail* yang terperinci. Sekian. Terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Masalah yang timbul ialah daripada segi pelaksanaan, kelulusan. Pada minit mesyuarat, pada minit mesyuarat PNSB -Permodalan Negeri Selangor Berhad, daripada minit mesyuarat ahli-ahli lembaga pengarah sudah bersetuju untuk membeli pangsapuri atau apartmen di Mekah dengan harga tidak lebih RM8 juta. Maknanya sudah setuju. Tapi apa yang dibangkit oleh *auditor* ialah kita tidak membeli RM8 juta. Kita membeli RM25 juta. Maknanya kita bawa duit lebih ke Mekah dan kita beli RM25 juta.

Ia bererti kita mesti dapat balik kelulusan daripada Lembaga Pengarah kenapa kita beli dengan nilai sebanyak itu. Tetapi, jawapannya dia beli sementara. Maknanya dia beli dan dia jual pada individu yang tinggal hingga RM8 juta sahaja yang masih lagi dimiliki oleh PNSB. Walhal, jual beli antarabangsa kena tertib. Ini bukan kita jual beli di pasar borong. Bukan. Sebab apabila kita bawa keluar duit, kita kena *report*. Kita bawa RM25 juta, kita kena *report*. Lepas itu kita beli RM25 juta maknanya kita boleh. Tetapi, kalau kita bayar kepada orang yang membeli *apartment* kita dengan ringgit apakah nilai yang kita jual? Adakah itu dipersetujui oleh Lembaga Pengarah atau tidak. Jadi, itu satu *technical point*. Itu a *very technical point*. Maknanya dia mesti mendapat kelulusan Lembaga Pengarah untuk melakukan perubahan keputusan. *That is a technical point*.

*Second technical point is* kalau cara penjualan itu dibuat dengan riyal pembayarannya pun mesti dibuat dengan riyal, baru buat balik ke Malaysia. Tetapi pembayaran itu dibuat dalam ringgit. Sebab apa, dalam undang-undang Bank Negara kita tidak boleh melakukan ini. Oleh sebab itulah ia disebut *money laundry*. Jadi ada orang menggunakan kesempatan itu. Dia ada duit yang dipinjam di Malaysia tak boleh bawa keluar. Dia suruh kawan dia beli apartmen di luar dan dia jual. Selepas itu dia gunakan duit pinjaman. dia beri pada kawan dia di sini. Esok, dia pergi ke luar negeri dia jual pula apartmen tersebut dan dapat duit not antarabangsa. Ah! Itu salah. Sebab Malaysia mengamalkan *exchange control*. Kita tak hendak duit kita pergi ke luar ke mana-mana. Itu sebabnya.

Di sini, macam *drug dealer*, pengedar dadah dia buat cara macam ini. Dia bayar di sini, dia ambil harta di sana. Apabila harta ke luar daripada Malaysia, *Malaysian government* tidak ada *control*. Sebab *Malaysian government only use domicile, tax domicile* maknanya kalau kita ada duit luar negeri, kita hendak bawa balik duit luar negeri itu mesti dapat kebenaran kerajaan Malaysia. Kalau tidak kita kena bayar cukai. Jadi, sebab itu ada kalanya dalam bajet yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan, ada kalanya dikatakan, dia beri kebebasan setahun. Sesiapa yang hendak bawa duit

daripada luar negeri bawa balik ke Malaysia diberi kebebasan untuk membuatnya. Lepas itu dia tak beri. Maka, daripada segi undang-undang, kita mesti ikut undang-undang. Ini pelaburan kerajaan negeri Selangor. Jika tidak ikut undang-undang, maknanya kerajaan Negeri Selangor tidak mematuhi undang-undang. Jawapannya, *don't you understand that undang-undang? Is not an excuse*. Bukan suatu perbuatan yang mudah dimaafkan. Tetapi, kita berusaha menyelesaikannya supaya orang dapat tahu perkara sebenar.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih. Dato' Menteri Besar dalam perkara ini saya rasa bukan soal nak selesaikan sahaja. Tetapi tindakan mesti diambil. Saya telah membangkitkan perkara ini dalam perbahasan bahawa ada dua jenayah yang telah dilakukan. Yang pertama soal *anti money laundry act*, dan yang kedua ialah *foreign exchange control*. Dan Dato' Menteri Besar sudah pun menulis surat kepada Bank Negara untuk mendapat penjelasan lanjut tentang perkara ini. Saya ingin bertanya dua perkara. Pertama apakah Bank Negara sudah memberi maklum balas, dan sekiranya telah memberi maklum balas dan terbukti ada perlakuan jenayah apakah tindakan kerajaan negeri selanjutnya untuk memastikan bukan sekadar kita boleh selesaikan *transaksi* ini mengikut perundangan yang sedia ada, tetapi individu yang bertanggungjawab melakukan jenayah ini mestilah dihadapkan ke muka pengadilan dengan seberapa segera yang boleh.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Saya tidak mahu gunakan perkataan jenayah. Ia belum sesuai. Pertama, bentuk transaksi, yang kita perlu betulkan. Jika salah, kita perlu betulkan. Jika silap dia mesti mengaku silap. Kalau tidak mengaku, *then* cara yang lain boleh dilakukan. Tetapi kalau tak betul, maknanya kita kena betulkan. Ia bukan satu perkara yang boleh kita tutup. Maknanya, kita tidak boleh tutup. Sebab ia boleh membenarkan berlaku transaksi pada masa hadapan. Maknanya, kalau kita hendak menjual dalam tempoh 20 tahun lagi, bagaimana kita hendak buat kiraan.

Saya tahu ahli dewan inginkan keputusan, tetapi pada masa ini Bank Negara belum buat keputusan. Saya ingat pada minggu hadapan ini Bank Negara memberikan jawapan. Saya hanya menanya adakah perkara-perkara ini mengikut apa yang disebut undang-undang atau ordinan mengenai *exchange control* dan juga *money laundry*. Itu yang saya tanya. Tetapi saya harap kita banyak perkara lain yang mesti kita selesaikan. Sebab, daripada segi menjaga perhubungan syarikat kita perlu selesaikan sebab *MB Incorporated* sekarang sudah ditubuhkan. Maka, *MBI* bertanggungjawab kalau ada kesilapan atau pun salah guna kuasa. Kita hendak pantau perkara ini.

Akhir sekali, Kuala Kubu membangkitkan tentang soal saudara saya ada hubungan dengan kecurian pasir dan beribu pejabat di tingkat lima Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS) @ SUK Shah Alam. Saya sudah membuat kenyataan akhbar: di tingkat lima saya siasat tak ada orang duduk di sana, bagaimana saudara saya ada di sana, itu satu. Kedua, saudara saya tidak ada di bangunan SUK, dan saya sudah buat kenyataan, iaitu tidak menggalakkan perkara ini berlaku. Saya harap Kuala Kubu perlu tertiblah. Kalau saudara boleh buat kenyataan di luar dewan dan saya memang biasalah *lawyer* saya banyak dan saya boleh minta ambil tindakan. Itu sahaja.

Jadi, tak jadi masalah bagi saya. Tetapi saya hendak beritahu, tak ada. Tak ada saudara saya di pejabat tersebut.

Saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan EXCO dan marilah kita bersama-sama mencuba menyelesaikan masalah negara kita ini bukan seperti saya terima pandangan Timbalan Perdana Menteri. Ini bukan masalah politik ekonomi, tetapi inilah masalah bersama. Marilah kita cuba selesaikan. Selepas itu saudara hendak masuk gelanggang fasal politik lantaran saudara lebih pakar, dan saya boleh terima. Tetapi daripada segi ekonomi mari kita betulkan sebab jika rakyat kita lebih mewah, lebih berjaya, ia lebih baik untuk kita semua. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adapun di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut “ Ampun Tuanku, Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua belas”. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila TIDAK. Usul ini dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya Rang Undang-Undang Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor 2009 (semua peringkat)

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan suatu Enakmen bagi menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bagi tujuan memelihara adat Melayu, warisan dan sejarah Negeri Selangor dan membuat peruntukan yang berkaitan dengannya dibacakan Kali Yang Pertama.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang suatu enakmen bagi menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bagi tujuan memelihara adat Melayu, warisan dan sejarah Negeri Selangor dan membuat peruntukan yang berkaitan dengannya.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga, saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53, bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bangun mencadangkan suatu Rang Undang-undang Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009 yang bertujuan untuk menubuhkan suatu Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bagi tujuan

memelihara adat Melayu, warisan dan sejarah Negeri Selangor dan membuat peruntukan yang berkaitan dengannya untuk bacaan kali kedua. Menurut Fasal (2)(d) Perkara LV Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh bertindak menurut budi bicara Baginda pada melaksanakan fungsi sebagai Ketua Agama Islam atau yang berhubungan dengan adat Melayu. Jadual Kesembilan senarai perundangan di senarai II Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa 'Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa untuk mengadakan Undang-undang berkaitan dengan adat Melayu, muzium, adat peninggalan zaman purba dan sejarah Negeri'. Oleh itu, wajarlah Kerajaan Negeri Selangor mengadakan suatu Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009 supaya ada sebuah badan khas yang menjaga hal-ehwal adat Melayu dan warisan sejarah Negeri Selangor. Walau bagaimana pun sehingga ke hari ini Negeri Selangor masih belum mempunyai sebuah badan yang mengkoordinasi, menyelaras dan memantau pembangunannya di peringkat negeri. Pada hari ini pembangunan aspek ini adalah dijalankan oleh pelbagai pihak, termasuk Muzium Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (Perbandaran dan Majlis Tempatan), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Selangor di bawah agensi Kerajaan Pusat, secara berasingan dan berpisah (*fragmented*) antara satu sama lain, tanpa pengawasan, penyelarasan, hala tuju, pemantauan dan objektif secara berpusat untuk membina citra dan jati diri Negeri Selangor yang jelas. Dengan itu, Tuan Speaker adalah perlu ditubuhkan sebuah Perbadanan khusus mengenai adat Melayu dan warisan sejarah bagi Negeri Selangor untuk tujuan pembangunan, koordinasi, penyelarasan, penilaian, pemantauan, penganjuran program bersama, penyelesaian masalah, penguatkuasaan, pewartaan, pengagihan peruntukan kewangan, dan penyeragaman pentadbiran, pengurusan dan hala tuju secara berpusat di peringkat Negeri. Objektif Perbadanan Adat Melayu dan warisan Negeri Selangor ini adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk mengekal, memulihara, memelihara, memantapkan, mengurus, menyubur, membangun, mengembang, mengawal selia, menyelenggarakan, memantau, menguatkuasakan danewartakan segala aspek adat Melayu dan warisan sejarah Negeri Selangor;
- (b) menjadikan adat Melayu dan warisan sejarah Negeri Selangor sebagai khazanah warisan generasi akan datang;
- (c) membina citra jati diri Negeri Selangor yang berteraskan adat Melayu dan warisan sejarah yang berakar di Negeri Selangor;
- (d) mengkaji, menyelidik dan membangun (R&D) aspek adat Melayu dan warisan sejarah Negeri Selangor;
- (e) menjadikan Negeri Selangor pusat pengembangan, penyebaran ilmu dan kegiatan tamadun tinggi serantau ini;
- (f) memajukan sektor ekonomi rakyat jelata dan Negeri Selangor melalui pembangunan adat Melayu dan warisan sejarah Negeri Selangor; dan
- (g) mengetengahkan aspek adat Melayu dan warisan sejarah Negeri Selangor sebagai produk daya tarikan pelancongan.

Fungsi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menggiatkan kecenderungan awam dan sokongan dalam pemeliharaan dan penyebaran pengetahuan tentang adat dan budaya Melayu dan warisan sejarah Negeri Selangor;
- (b) untuk memelihara *monumen* dan *ekshibit* berbentuk sejarah, tradisi, kaji purba, seni bina atau kesenian;
- (c) untuk melindungi dan membekalkan kemudahan berhubung dengan aspek adat Melayu dan warisan Negeri Selangor dan *ekshibit*;
- (d) untuk mengambil tindakan yang perlu bagi memelihara semua objek sejarah, objek warisan, *monumen*, rekod, dokumen dan *ekshibit*;
- (e) untuk mengawal, mengurus dan mentadbir Muzium Negeri dan muzium lain yang berada di bawah pentadbiran Perbadanan;
- (f) untuk mengadakan pinjaman dan tukaran barangan pameran dengan muzium lain di Malaysia atau di luar Malaysia;
- (g) untuk mengadakan pusat sumber maklumat bagi rujukan dan kerja penyelidikan berhubung dengan aspek adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor dan *ekshibit*;
- (h) untuk menasihati dan menyelaraskan dengan Pihak Berkuasa Tempatan, badan dan entiti lain di semua peringkat bagi maksud melindungi, menggalakkan dan berurusan dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor;
- (i) untuk menggalakkan dan mengawal selia *standard* yang terbaik dan amalan yang terpakai dalam pemuliharaan dan pemeliharaan adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor;
- (j) untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan apa-apa perkara berkenaan dengan pemuliharaan dan pemeliharaan adat Melayu dan warisan Negeri Selangor;
- (k) untuk mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini;
- (l) untuk melakukan apa-apa dari semasa ke semasa fungsi lain di bawah Enakmen ini sebagaimana yang diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (m) untuk melakukan semua perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada penunaian kuasa dan fungsinya.

Keanggotaan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) tidak lebih dari enam orang ahli lain yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kepakaran tinggi dalam perkara yang berhubungan dengan adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor atau bidang lain yang berkaitan;
- (d) tidak lebih dari tiga orang ahli lain; dan
- (e) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan sebagai Setiausaha.

Kesemua Ahli Perbadanan hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Selain itu, Perbadanan hendaklah juga menubuhkan, mentadbirkan dan mengawal suatu Kumpulan Wang yang hendaklah dikenali sebagai 'Kumpulan Wang Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Kumpulan Wang itu hendaklah mengandungi:

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Perbadanan di bawah kuasa untuk meminjam sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (c) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa kepada Perbadanan daripada Kumpulan Wang Pinjaman;
- (d) semua wang yang didapati melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang atau penyediaan perkhidmatan oleh Perbadanan;
- (e) semua wang yang didapati atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau di bentuk yang diperoleh oleh atau terletak pada Perbadanan;
- (f) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau dibentuk yang diperoleh oleh atau terletak hak pada Perbadanan;
- (g) semua derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia; dan
- (h) semua wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya.

Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan untuk;

- (a) pembayaran apa-apa perbelanjaan yang mungkin dilakukan dengan sah oleh Perbadanan, termasuklah fi dan kos guaman dan kos dan fi yang lain, saraan bagi pegawai dan pekhidmat yang dilantik dan diguna khidmat oleh Perbadanan;

- (b) membayar apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui terima dengan sepatutnya oleh Perbadanan pada menjalankan kuasanya atau melaksanakan fungsinya;
- (c) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam dan faedah yang kena dibayar atasnya;
- (d) memberikan pinjaman sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (e) bayaran apa-apa caj atas apa-apa amaun yang diperuntukkan kepada Perbadanan daripada kumpulan wang pinjaman;
- (f) pemberian pinjaman kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan bagi maksud yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (g) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

Apabila berkuat kuasanya Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009 ini maka Enakmen Lembaga Muzium Selangor 1975 adalah dimansuhkan. Segala peruntukan yang berkaitan telah pun dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang ini. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon mencadangkan.

**YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun di sokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Bangi

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Bangi bangun untuk membincang dan menyokong Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor kertas 9/2009. ADUN Bangi berdiri bagi membincang, menghurai serta menyokong Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor sebagai satu negeri dan bermasyarakat Selangor mempunyai sejarah alam muka bumi kependudukan, kehidupan kegiatan manusia yang mempunyai kepercayaan sudut pandangan, budaya, bahasa, seni dan warisan. Semua Enakmen di atas jika tidak diambil perhatian, di biar dan tiada pemuliharaan akan pupus hilang dan merugikan dari segi sejarah budaya seni warisan *identiti* rupa dan jiwa bangsa negeri dan rakyatnya. Walaupun sebelum ini sudah ada muzium di Negeri Selangor skopnya adalah terhad pada bersifat muzium dengan tenaga, peruntukan yang terhad. Dengan Perbadanan muzium yang ada dapat adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Perbadanan adalah institusi yang diamanahkan sebagai pengumpul, penilai, pemuliharaan, mengkaji, mentaksirkan, pembina ilmu, penyedar luas maklumat dan menarik khalayak, menghajati adat, nilai budaya dan Warisan Negeri Selangor.



**TUAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat, jam sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari. Dengan ini saya ingin meminta supaya disambungkan lepas penangguhan.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.**

## Dewan disambung semula

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**TUAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Saya persilakan Bangi.

**YB TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker, Bangi berdiri menyambung sokongan dan ulasan mengenai Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

Tuan Speaker, sudah tentulah Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor adalah sebahagian dari adat dan warisan yang melengkapkan adat budaya dan warisan Malaysia bahkan Nusantara Asia Tenggara bahkan sebagai Warisan Dunia. Rasional, menyebut adat Melayu barang kali menimbulkan pertanyaan mengapa tumpuan diberi kepada adat Melayu. Sedangkan realiti terkini Selangor bermasyarakat *multiracial*, majmuk dan kepelbagaian. Tidak kah wajar diberi tumpuan kepada sifat masyarakat majmuk dan *multiracial* itu? Sejarah adalah perakam realiti produk adab, budaya dan warisan mempamerkan realiti, logik dan korelasi realiti dan logik ini. Dari segi sejarah selain daripada orang Asli, orang Melayu adalah penduduk asal negeri Selangor dan Semenanjung Tanah Melayu. Maka produk adat, budaya seni dan warisan adalah terhasil dari mereka. Mereka lah watak dominan mewarnai adat, budaya seni dan warisan di Selangor terutama pada peringkat awal.

Peranan kaum-kaum lain di negeri Selangor tidaklah diabaikan, mereka adalah penyumbang penting dari segi adat, aturan, budaya, seni dan warisan di negeri Selangor. Mereka juga, tidak terkeluar dari logik sejarah. Menurut buku "*The Development Of British Malaya*", 1896 – 1909 oleh Shai Hong Chan terbitan *Oxford University Press* 1997, menyebut atas kepentingan ekonomi British berlaku emigrasi pekerja dari negeri Cina yang bekerja di lombong-lombong bijih timah dan pekerja buruh India di ladang-ladang. Ini bererti pewarnaan etnik Cina dan India yang menjadi komposisi penting masyarakat majmuk di Selangor, berlaku terutama mulai pertengahan abad ke 19. Logik sejarah dan partisipasi mereka tidak di abai dan menjadi *part and parcel* dengan izin dari segi sejarah dan warisan Negeri Selangor.

Kesultanan, ini dari segi logik juga. Kesultanan Negeri Selangor adalah pelindung bagi adat Melayu dan Agama Islam. Ini termaktub di dalam Undang-undang Tubuh Negeri Selangor. Aspek ini perlu diberi perhatian dan kajian bagi dari segi sejarah, budaya, seni dan warisan. Adat Melayu walaupun termaktub dan menjadi sebahagian dari tugas EXCO Adat Melayu di samping Agama Islam selama ini tidak diberi perhatian. Dengan Enakmen yang di cadang berserta warisan ia merupakan permulaan ke arah memberi tumpuan ke arah mengali dan mengolah aspek adat Melayu dan warisan negeri Selangor ini.

Logik memberi kedudukan adat Melayu kerana keberadaan Selangor di negeri Melayu Semenanjung Tanah Melayu dan Alam Melayu. Ia mempunyai latar sejarah, hubungan budaya, seni dan warisan dengan negeri-negeri Melayu. Negara-negara jiran dan alam Melayu. Ianya merupakan *part and parcel* dengan izin di dalam sejarah dan geografi di kawasan tersebut. Dari segi potensi jika dirujuk kepada bukti silam yang mana Klang adalah nama awal yang lebih dikenali bagi negeri Selangor. Ianya menjadi sebahagian

dari catatan *Ptolemy* ahli geografi purba *Greek*. Klang tercatat di dalam peta lakarannya sebagaimana juga Primula bagi negeri Terengganu. Selain daripada itu, kajian Profesor Zurina dari USM tentang ekologi di negeri Perak, beliau menemui Perak Man yang berusia lebih 10,000 tahun sebelum Masihi yang menandakan kependudukan orang Melayu telah lama. Jika bukti purba dapat di temui di Perak, maka adalah wajar mengapa tidak dibuat kajian terutama di Klang dan beberapa tempat yang lain yang mungkin dapat membuktikan keunggulan Negeri Selangor dari segi bukti ekologi dan sejarah purbanya.

Di Klang juga sebagaimana di Terengganu, ditemui gendang *dongson* yang membuktikan perkembangan budaya dan adat di Selangor bertalian dengan budaya *dongson* di Asia Tenggara di awal abad Masihi. Kajian juga patut diberi tentang sejarah penggunaan logam selain daripada tembaga untuk *dongson* ialah penggunaan bijih timah sebagai keperluan peralatan senjata dan sebagainya dan hubungannya dengan Selangor dengan negeri-negeri yang lain yang menggunakan hasil bijih timah dan menjadi sebahagian daripada budaya hidup mereka membuat peralatan daripada bijih timah.

Bidang-bidang yang perlu diberi penekanan. Bidang mengenai adat Melayu dan warisan Selangor sebenarnya bidang yang luas. Banyak aspek yang boleh diberi tumpuan dari segi kajian. Meneliti dari kertas kerja-kertas kerja yang dibentangkan di dalam bengkel *retreat* hala tuju Lembaga Muzium Selangor Adat-adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bertempat di De Palma Hotel, Ampang pada 13 – 15 Februari 2009 anjuran Jawatankuasa tetap Adat-adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor tumpuan diberi kepada tujuh bidang utama. Iaitu:-

1. Pelan induk pembangunan Adat-adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.
2. Tradisi ilmu bahasa dan persuratan.
3. Tokoh ilmuwan.
4. Institusi pendidikan.
5. Sejarah Adat-adat Melayu dan Tamadun Islam.
6. Dari segi pelan induk pembangunan bahagian kesenian dan warisan kesenian dan
7. Penerbitan Arkib dan dokumentasi.

Perbincangan yang dibuat adalah pada peringkat dasar manakala bidang-bidang yang terangkum di bawah adat Melayu dan warisan Negeri Selangor tentulah lebih luas. Bidang-bidang berkenaan selain daripada yang disebutkan di atas antaranya boleh disebutkan, sejarah dari segi topografi, geologi Negeri Selangor. Lokasi dan penempatan kependudukan awal di Selangor biasanya berlaku di tepi sungai tentang orang Asli, artifak-artifak yang diwarisi di Negeri Selangor, rumah dan bangunan tradisi dan moden, perkahwinan dan kekeluargaan, agama dan kepercayaan, makanan, pakaian, alat-alat pengangkutan, kaedah pertanian dan peralatan kepelbagaian kaum dan budaya hidup, sejarah migrasi Jawa, Cina dan India, politik dan pemerintahan. undang-undang, industri dan peralatan sama ada tradisional dan moden. Konflik dan peperangan, bahasa dan dialek tempatan, kepimpinan, tokoh-tokoh berbagai bidang, kampung, desa dan kota, gerombongan dan berbagai-bagai bidang yang lain lagi.

Sebab itu, dengan tertubuhnya Perbadanan Adat Melayu dan Warisan ini. Perbadanan perlu memberi perhatian terutama dari segi pentadbiran dan kakitangan yang perlu cukup, cekap, berdedikasi dan berkemahiran. Melakukan penyelidikan, pengumpulan,

penyuburan dan pengembangan menampilkan aspek-aspek istimewa dari penemuan-penemuan memasyarakatkan bahan warisan dan mempopularkan, mengangkat sesuatu yang identiti dengan Selangor sebagai ciri budaya istimewa bagi negeri Selangor, kerjasama antara Muzium, mengadakan penyelidikan bersama dan kerjasama dengan pakar-pakar dari pengajian-pengajian tinggi baik di dalam mahu pun di luar negeri. Mengadakan kerusi karyawan dan juga barang kali menubuhkan *Think Tank* yang dapat memberi pemikiran dan sebagainya terhadap perkembangan Perbadanan.

Perbadanan Adat Melayu perlu juga mesra rakyat, kreatif selalu mengadakan pameran yang boleh menarik rakyat menyaksikannya, sumber, biarlah dia menjadi sumber pelajaran bagi mahasiswa dan pelajar-pelajar. Mengadakan seminar, bengkel dan perbincangan. Menerbitkan penerbitan-penerbitan sama ada buletin, jurnal, buku dan berbagai-bagai lagi terbitan sama ada tulisan atau bersifat elektronik dan sebagainya.

Satu perkara yang penting, melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Selangor, kita harap insya-Allah pada satu ketika nanti kita akan menemui kekuatan identiti Selangor dari segi warisan, adat dan warisan. Saya fikir, ini saya sambung dengan apa yang tersekat dulu, sebelum ini. Saya fikir ada tiga perkara, tiga bidang penting yang memberi identiti negeri Selangor yang perlu kita tekan dan war-war dan pertingkatkan dia. Satu saya fikir, masyarakat majmuk dan *multiracial* yang merupakan aspek dinamik, bukan memundurkan tetapi memajukan negeri Selangor terutama dari segi ekonomi dan industri. Jadi ini kita perlu beri penekanan dan *highlight* kan sebagai identiti negeri Selangor. Yang kedua, saya ingat kepentingan dari segi pendidikan. Untuk makluman kita boleh bertolak, umpamanya dari segi sejarah, Sultan Sulaiman yang meninggal 1938, adalah seorang Sultan yang alim yang mengarang buku-buku antara dalam buku seminar tokoh ulama Selangor 2008 ini, disebutkan Baginda mengarang tiga buah kitab iaitu Kitab Pohon Agama Bahagian Rukun Islam, Kitab Melatih Kanak-Kanak Lelaki Perempuan, Kitab Melatih Kelakuan Perjalanan Adab Kanak-Kanak dan sebagainya. Baginda juga memimpin pengajaran dan juga membaca khutbah pada hari Jumaat.

Jadi ni kita boleh jadi contoh dari segi kepimpinan kerohanian dan keilmuan daripada sifat Tuanku yang alim, mengajar, mengarang bahkan memimpin membaca khutbah Jumaat dan memimpin menjadi imam dan sebagainya. Kalau kita lihat, di Selangor juga adalah negeri yang pertama di wujudkan pengajian tinggi moden iaitu dengan tertubuhnya Kolej Islam pada tahun 1956 mendahului Universiti Malaya yang diwujudkan di Kuala Lumpur 1959. Jadi tahun 1956 lebih awal dalam mana perasmian itu dihadiri oleh semua Raja-Raja Melayu di Klang pada masa merasmikan Kolej Islam. Kolej Islam tu, jangan gambarkan seperti sekarang dia sekolah menengah, tuan-tuan dan puan-puan. Dulu Kolej Islam adalah bertaraf tinggi sebagai sebuah Universiti yang mana banyak melahirkan tokoh-tokoh ilmuwan yang setengahnya masih hidup sehingga sekarang. Jadi ini, boleh juga kita menjadikan dia sebagai induk perkembangan ilmuwan, keagamaan dan ketokohan yang dipimpin oleh Tuanku Sultan itu sendiri.

Kemudian, saya ingat satu aspek lagi selepas *multiracial*, kepentingan dari segi keilmuan ialah sifat ini ciri Islam dan sifat ihsan yang wujud di negeri Selangor itu sendiri. Kalau kita lihat tuan-tuan dan puan-puan, umpamanya pada masa pemerintahan Sultan Hishamuddin Shah yang merupakan Yang Dipertuan Agong yang ke-2, baginda lah yang telah mengurniakan apa dia ni...bangunan istana, yang menjadi kolej Islam itu sendiri ya. Jadi ini ertinya, sifat Ehsan Tuanku, jadi kita nak eksploitasi, Ehsan itu sendiri yang telah mengurniakan istana di Klang menjadi kolej Islam sebuah

pengajian tinggi yang terawal secara moden di Malaysia . Terbaru ialah tuanku Sultan Selangor sendiri, Sultan Sharafuddin Shah kita, mengurniakan istana Jugra di Kuala Selangor menjadi pengajian tahfiz al-Quran yang apa dia ni,, sedang berkembang sekarang ya. Jadi Selangor sebenarnya memang bersifat Ehsan, umpamanya kita melihat er...kepada negeri Selangor yang membuka ruang kepada rakyat berbagai-bagai kaum, bukan sahaja daripada negeri Selangor tetapi di luar daripada Selangor datang mencari rezeki di Selangor ini sendiri. Bahkan kerajaan Pakatan Rakyat yang kita sedang kendalikan sekarang ini adalah menekankan dari segi kebajikan. Berbagai-bagai insentif diberi, kepada rakyat. Semua ini boleh mencirikan sebagai sifat Ehsan yang wujud di Selangor itu sendiri. So, dengan itu kepentingan sejarah, adat, warisan dan permuziuman membawa kita kepada mengenal *root* atau akar tradisi dan masyarakat budaya dan kepercayaan daripada apa dia ni...masyarakat di Selangor ini sendiri. Dia boleh menjadi bahan kajian keilmuan, budaya seni dan keseniman. Mengusahakan, mengekal dan memelihara bahan-bahan yang terdapat di Selangor terutama melalui permuziuman melahirkan tulisan dan buku ilmiah hasil dari kajian pakar-pakar. Menjadi daya tarikan pengunjung dan pelancongan bahkan menjadi tonggak budaya bagi negeri Selangor. Sebab itu kita lihat penting dari segi.... apa dia ni..perbadanan adat Melayu dan warisan ini kerana dia akan menjadi sebagai suatu identiti yang kukuh bagi negeri Selangor. Diharap dengan penubuhan perbadanan adat Melayu dan warisan Selangor dapat memprojek dan membina imej Selangor, bukan sahaja kaya dengan material tetapi juga kaya dengan agama, adat, budaya seni dan warisan. Sekian Tuan Speaker, terima kasih.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kg. Tunku juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang enakmen adat Melayu dan warisan negeri Selangor. Eh..pertama sekali saya berpendapat bahawa perkataan warisan wajarlah diberi tafsiran yang lebih teliti dalam senarai tafsiran enakmen ini untuk melengkapkan tafsiran-tafsiran yang kita ada dalam enakmen ini. Biarpun Tuan Speaker, enakmen ini menyebut tentang adat Melayu tetapi daripada nama enakmen ini ianya juga meliputi perkara-perkara yang meliputi warisan seluruh warga negeri Selangor tanpa mengira keturunan etnik, budaya, bahasa dan agama. Dalam perkataan lain warisan kebudayaan masyarakat Tionghoa, India dan orang asli masing-masing mempunyai tempat di bawah enakmen ini. Dan inilah yang saya rasa adalah sesuatu yang tidak pernah berlaku di negeri Selangor. Bayangkanlah UMNO yang memperjuangkan ketuanan Melayu selama ini, tidak pernah mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Adat Melayu dan Warisan Selangor. Cadangan-cadangan untuk memelihara adat resam dan warisan budaya masyarakat Melayu Selangor tetapi hakikatnya hari ini Pakatan Rakyat yang diterajui oleh PAS, Keadilan dan DAP pula pada hari ini tampil mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen ini untuk bukan sahaja memelihara adat resam masyarakat Melayu bahkan warisan kebudayaan semua kaum etnik di negeri Selangor. Tuan Speaker, terdapat beberapa perkara yang saya rasa wajar diteliti di sini, saya mendapati penekanan kurang diberi terhadap makanan tradisi rakyat Selangor. Pada pendapat saya makanan, juga merupakan salah satu warisan kebudayaan, warisan tradisi kita, dan ia sendiri memang dapat memberi makna tentang cara hidup masyarakat berbagai-bagai kaum di Selangor ini. Khususnya kita ada di sini makanan yang mempunyai kaitan yang begitu rapat dengan warisan sejarah rakyat berbagai-bagai kaum, contohnya apa yang saya boleh bawa di sini ialah makanan kesukaan YB Sungai Panjang, tempe, satu makanan masyarakat jawa, saya rasa wajar juga dipelihara. Ada juga makanan-makanan lain seperti Bah Kut teh walaupun ia bukan makanan yang halal, tetapi sekarang ini pasaran sudah ada lah bah kut teh yang vegetarian, jadi ada potensi untuk ditukarkan menjadi satu makanan yang,

yang, ada lagi ikan...*chicken...chickute.....* ini adalah satu makanan yang khusus untuk Klang yang menerangkan kebudayaan kaum buruh Cina yang terpaksa berhijrah dari selatan cina ke Klang dan bekerja sebagai buruh kasar. Ini adalah corak hidup mereka pada masa itu , ini adalah makanan yang mereka makan pada masa itu. Jadi ini ada, hubung kaitnya dengan warisan kebudayaan . Saya ingin menambah Tuan Speaker, penulis buku masakan, Norzarina Nordin pernah berkata, di Selangor khususnya, masyarakatnya banyak terpengaruh dengan gaya masakan orang Bugis, ini orang Bugis pula. Beliau berkata, dan saya memetik, antara kuih tradisi yang semakin hilang dalam masyarakatnya adalah kuih Bugis mandi, kuih ini mempunyai rasa dan rupa yang hampir sama dengan kuih badak berendam namun bebolanya lebih kecil merupai buah Melaka. Pada dasarnya, kuih tradisional dahulu mempunyai ciri yang hampir sama iaitu tepung pulut yang digiling sendiri, dikacau dengan campuran santan , isinya kebanyakan kelapa parut yang dimasak dengan gula hangus kerana ketika dulu gula merah sukar diperolehi. Ini adalah asal usul, adalah mengapa kita perlu memelihara, kerana ada apa ni, sebab di sebaliknya. Jadi makanan ini perlu diberi perhatian dan dipastikan, resipinya itu boleh dipelihara dan diwarisi secara turun-temurun. Tuan Speaker, saya juga ingin menyebut tentang filem, walaupun filem adalah satu industri yang sejarahnya masih belum sampai 100 tahun tetapi selama sepanjang peredaran zaman ini memang terdapat banyak filem-filem yang berkualiti yang telah menyumbang dan memperkayakan warisan kebudayaan kita. Dan saya rasa ianya juga perlu dipelihara kerana filem...ada filem yang baik yang mencerminkan latar belakang, budaya, cara hidup rakyat di Selangor. Filem-filem ini perlu lah dipelihara dan diberi perhatian. Kita di Malaysia dan di Selangor ini sebenarnya tidak ketandusan pakar-pakar pembikin filem tempatan yang boleh membantu kita membangunkan pemahaman adat resam dan warisan budaya kita. Saya ada beberapa contoh seperti saudari Yasmin Ahmad dan sebagainya. Ini adalah antara mereka yang boleh membawa industri perfileman dan warisan budaya kita ke peringkat yang lebih tinggi. Tuan Speaker , saya juga ingin menyebut tentang kraf tangan orang asli, YB dari Bangi tadi telah menyebut tentang kebudayaan orang asli ini, saya rasa penekanan juga harus diberi untuk membina lebih banyak muzium ataupun pusat-pusat penyelidikan terhadap warisan budaya dan kraf tangan yang ...yang ..yang.. diwarisi oleh masyarakat orang asli khususnya di beberapa tempat seperti di Pulau Carey dan sebagainya. Dan Tuan Speaker, di bawah enakmen ini, kita difahamkan akan ditubuhkan satu perbadanan yang dinamakan perbadanan adat Melayu dan warisan negeri Selangor. Perbadanan ini akan terdiri daripada seorang pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, tidak terlebih dari enam orang yang lain, yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri , mempunyai kepakaran yang tinggi dalam perkara perhubungan dengan adat Melayu dan warisan negeri Selangor. Atau bidang lain yang berkaitan. Dan tidak lebih daripada 3 orang ahli yang lain, dan seorang CEO , Ketua Pegawai Eksekutif, yang akan dilantik dan berfungsi sebagai Setiausaha Perbadanan . Tuan Speaker, Kg. Tunku di sini ingin menyarankan supaya enam orang ahli yang mempunyai kepakaran tinggi dan arif dalam perkara dan perhubungan dengan adat Melayu dan warisan negeri Selangor, dilantik daripada golongan cendekiawan, yang dapat mewakili seluruh masyarakat majmuk negeri Selangor. Ini bermaksud , cendekiawan yang arif dalam hal ehwal adat resam Melayu, warisan kebudayaan Tionghua , masyarakat India , Tamil dan juga orang asli , perlulah dilantik dan diwakili dalam perbadanan ini. Tuan Speaker, Kg. Tunku tidak ingin melihat jawatan-jawatan ini digunakan sebagai hadiah politik seperti apa yang berlaku pada zaman Barisan Nasional yang lalu, semasa mereka memerintah kerajaan negeri. Di mana jawatan-jawatan ini, pada masa mereka diisi oleh mereka yang tidak ada hubung kait langsung, kita hendaklah memastikan supaya jawatan ini diisi oleh mereka yang mempunyai kelayakan dan pencapaian yang tinggi dalam hal ehwal adat resam orang Melayu dan

warisan budaya berbagai masyarakat di Selangor termasuk zaman prasejarah. Zaman apabila Barisan Nasional menjadi kan jawatan ini sebagai habuan satu politik sudah berlalu. Kini sudah sampai masanya untuk kita mengorak langkah baru membawa pembaharuan dan reformasi dalam pentadbiran kerajaan negeri dengan membawa masuk mereka yang arif dalam bidang ini untuk mengurus bidang itu juga untuk kerajaan negeri dan kebaikan semua. Malahan dalam pengambilan staf Tuan Speaker, Kg. Tunku ingin menyarankan, pegawai dan pengambilan staf pegawai dan perkhidmatan lembaga, Kg. Tunku ingin menyarankan supaya ia nya perlulah mencerminkan komposisi berbagai kaum di Selangor ini. Seterusnya saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan agar pembinaan pusat-pusat warisan kebudayaan Melayu, Tionghoa dan India seperti yang dicadangkan sebelum ini dapatlah disegerakan. Dengan adanya enakmen ini saya difahamkan warisan, pusat-pusat warisan kebudayaan ini masih sedang berjalan dan kerajaan sedang mencari tiga lokasi yang bersesuaian untuk membina pusat-pusat kebudayaan ini. Justeru itu, Kg. Tunku ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri bertindak cepat untuk mengenal pasti mana-mana tiga bidang tanah yang bersesuaian dan kita lah cepat-cepat wartakannya sebagai tempat pembinaan pusat kebudayaan supaya tempat ini kita ada suatu ketentuan dan perancangan boleh dilakukan seawal yang mungkin. Buat sementara waktu saya telah difahamkan tapak untuk pembinaan pusat warisan kebudayaan Tionghua Selangor telah dicadangkan di sebuah tempat yang bernama Charteya di Klang. Dan maka dengan adanya enakmen ini saya berharap lah proses ini dapat dipercepatkan supaya pemeliharaan kerja-kerja persiapan boleh dibuat lebih awal. Dan Tuan Speaker memandangkan enakmen ini dan juga perbadanan adat Melayu dan warisan Selangor merupakan enakmen dan perbadanan pertama yang diluluskan dan ditubuhkan di negeri Selangor selepas Pakatan Rakyat memerintah negeri Selangor. Maka saya ingin berpesanlah supaya prinsip-prinsip keadilan, keupayaan,kebertanggungjawaban, dan ketelusan perlulah diterap dengan seberapa banyak yang boleh ke dalam pentadbiran enakmen dan pentadbiran perbadanan yang bakal ditubuhkan nanti. Tuan Speaker, fasa 32 tentang Rang Undang-undang ini, telah menyebut tentang surcaj, di mana ini telah memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana individu yang sedang dan pernah bekerja dengan perbadanan yang telah menyebabkan kerugian wang ringgit kepada perbadanan. Saya berpendapat fasa ini akan memastikanlah mereka yang dipertanggungjawab untuk mengurus perbadanan ini agar lebih berhati-hati dalam pengurusan kewangan perbadanan kerana mereka akan dan juga perlu bertanggungjawab ke atas tindakan mereka walaupun mereka telah meninggalkan jawatan itu selepas sekian lama. Dan saya dicadangkan, saya di sini turut mencadangkan, supaya semangat di sebalik fasa ini dimasukkan ke dalam enakmen-enakmen yang akan dikemukakan oleh kerajaan pada masa depan selari dengan prinsip pentadbiran amanah. Tuan Speaker , akhir sekali saya juga ingin berpesan supaya pada masa depan semua enakmen baru yang dibawa ke dewan yang mulia ini, akan dibincangkan dengan semua adun dengan teliti sebelum dibawa ke dewan yang mulia ini. Dengan itu, saya berharaplah , supaya pada masa depan, jawatankuasa pilihan yang lebih banyak bolehlah di tubuh dan sama-samalah kita menduduk dalam jawatankuasa itu, termasuklah rakan-rakan kita dari Barisan Nasional untuk meneliti peruntukan-peruntukan di dalam enakmen dan sama-samalah kita menjalankan tugas ini. Itu sahaja, terima kasih Tuan Speaker.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Silakan

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan, Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Memandangkan bahawa rang undang-undang ini membawa objektif dan tujuan untuk memelihara dan melindungi adat Melayu dan warisan negeri, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk menyarankan agar dalam konteks masyarakat Melayu, Islam dan adat budaya, kebudayaan Islam Melayu, penekanan adalah dilakukan dalam konteks pemutihan. Kerana di dalam masyarakat Melayu, asas dan terasnya adalah Islam. Dan menurut kaedah unsur fiqh, dengan izin, *al-adah, al-muhakkamah*, iaitu adat itu boleh menentukan hukum dan dalam konteks masyarakat Islam dan Melayu, Islam itu tidak boleh direnggangkan. Dan oleh sebab ini, teras kepada adat Melayu yang perlu pemutihan dalam usaha memperbadankan ini adalah dalam penekanan kepada aspek akidah, kepercayaan dan keimanan. Kerana kalau tidak dilakukan pemutihan, penyebaran sebenar identiti adat Melayu itu boleh jadi kabur. Contohnya tidak dapat kita pisahkan kepercayaan orang Melayu dengan beberapa kefahaman percaya polong, hantu raya, toyol, . Jadi perkara-perkara ini tidak terpisah dengan amalan mereka cara terbuka ataupun tidak terbuka, melanggan bomoh, dukun. Sama ada kita rai atau tidak rai ini adalah masih lagi merupakan adat kepercayaan, sebahagian daripada masyarakat Melayu, dan kalau ini tidak kita rakamkan dan tidak kita nyatakan, proses pemutihannya maka kita akan tersilap dan tersasar dalam memberi definisi adat Melayu pada generasi orang Melayu, Islam, pada masyarakat akan datang. Demikian juga, dalam konteks amalan yang sudah meresap dalam masyarakat Melayu yang berunsur keagamaan, seperti marhaban, berzanji, tahlil arwah. Bahkan dalam kajian menyatakan tahlil arwah ini tidak di'*endorse*', dengan izin oleh ulama-ulama selain ulama Brunei dan Tanah Melayu. Ini ada keunikannya. Jadi perlu di..definiskan amalan tahlil arwah, cukur jambul, yang ada perkaitannya dengan akikah dan cukur jambul dalam Islam tapi sudah di *modified* dalam masyarakat Melayu itu sendiri dan belah mulut yang ada kaitannya dengan tahnik di dalam sunnah Rasulullah SWT tetapi sudah di melayukan yang sudah menjadi kabur. Jadi saya menyarankan bahawa amalan ilmu hitam, sihir, bomoh, asap keris, asap kemenyan yang mahu tidak mahu diamalkan oleh masyarakat Melayu dulu dan hari ini yang dirakamkan dalam sejarah dirakamkan sebagai adat dilakukan sebagai proses pemutihan agar pemutihan itu menyatakan bahawa asal usul amalan tersebut memang ada tetapi di dalam konteks pemasyhuran budaya Melayu adat Melayu yang bertunjangkan kepada konsep *Al-Adah Al Muhakkamah* dengan izin adat itu boleh menentukan hukum hendaklah diteraskan kepada akidah, ibadah dan syarat Islam.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, bagaimana dengan istiadat bersanding?

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Oh saya sebut juga tapi tidak ada, boleh tambah, terima kasih. Tuan Speaker nak bersanding ke? (dewan gelak)... kemudian yang kedua yang berkaitan dengan warisan negeri, saya ingin menyentuh dua aspek sahaja. Kalau dalam konteks masyarakat adat Melayu, saya menekankan proses pemutihan, saya ingin menekankan proses pendemokrasian warisan negeri. Kita ambil contoh masyarakat asli, masyarakat asal. Pendefinisian terhadap siapa mereka, apa mereka, ke mana mereka didefinisikan dengan izin *imposed definition* dalam konteks pandangan masyarakat Melayu, kerajaan mendefinisikan siapa mereka, apa mereka ke mana mereka. Sedangkan hari ini mereka sudah terpelajar di kalangan mereka ada yang profesor, *Phd Holders* dengan izin yang mahu menjelaskan siapa identiti mereka jadi ruang lingkung ini adalah dilakukan pendemokrasian dalam menentukan warisan masyarakat asal negara ini atau khususnya masyarakat asal Negeri Selangor hendaklah dilakukan. Jadi pendekatannya hendaklah '*participative*' melibatkan mereka terlibat



sama dalam mendefinisikan apakah warisan mereka, apakah adat mereka dan apakah kepercayaan mereka dan kemudian mestilah *inclusive* dengan mengambil kira berbagai-bagai suku kaum dalam masyarakat orang asal Negeri Selangor. Kemudian keduanya dalam pendemokrasian warisan, saya ingin menyentuh tentang masyarakat Punjabi. Saya tertarik dengan filem Seniman Bujang Lapuk memang ada jaga di situ. Jadi apabila Sudin memanggil hoi..hoi..' takkan panggil saya hoi, saya bukan hoi, tuan saya bukan tuan'. Jadi maknanya sejak dulu hingga hari ini saya rasa masyarakat Punjabi yang beragama Sikh, yang mempunyai tempat ibadat yang dinamakan Gudvara tidak dikenali sedangkan sumbangan mereka sudah disindir dalam filem 60-an oleh P. Ramlee. Hari ini contohnya kalau kita tanya pada pemimpin-pemimpin negeri apakah tarikh penting atau hari tahun baru penting kepada masyarakat Punjabi tidak ramai boleh jawab, adalah *Vasakhe* pada 14 April setiap tahun. Mereka sudah membudayakan dalam konteks agama mereka yang berasal dari India ke Malaya ke Malaysia dengan menentukan 14 April itu. Mereka mengiktiraf meraikan keadaan mereka yang telah terpisah daripada negeri asal mereka, budaya asal mereka di Malaya dan Malaysia pada hari ini. Jadi maknanya saya ingin menegaskan kalaulah di dalam mengiktiraf pendemokrasian warisan negeri khususnya masyarakat asal kita mengiktiraf satu hari khas, untuk orang asal negeri Selangor sekurang-kurangnya dan mengiktiraf *Vasakhe*, hari sambutan Tahun Baru orang Punjabi Sikh sebagai cuti umum. Jadi ini antara perkara yang saya ingin tegaskan dalam perbahasan usul dan saya menyokong rang undang-undang ini.

**TUAN SPEAKER:** Dan sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk mengulungkan perbahasan. Silakan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada saudara-saudara yang telah memberikan teguran, pandangan terhadap Perbadanan yang akan bersama-sama kita usahakan, sebagaimana yang disebut oleh Bangi tadi inilah merupakan satu usaha yang dibuat oleh kerajaan Pakatan Rakyat untuk kita melonjakkan kehebatan adat-adat kita dan warisan-warisan kita dan kita nak jadikan unsur-unsur ini setanding, seiring dengan program-program besar yang disebutkan oleh Y.A.B Menteri Besar tadi iaitu yang dikatakan '*economic stimulate package*' yang seluruhnya menelan belanja lima puluh bilion dengan kehadiran *employment* nanti dengan 150,000.00 tetapi kalau kita bangunkan sedemikian rupa adat tidak ada, adat resam tidak ada, seni halus tidak ada jiwa-jiwa yang disebutkan oleh Bangi tadi, jiwa-jiwa halus tidak ada yang disebutkan oleh Hulu Kelang tadi keimanan, ketakwaan, akidah tidak ada, tuan-tuan cuba bayangkan, saudara-saudara cuba bayangkan apa akan jadi kepada pembangunan itu, saya yakin bila manusia hilang adat, hilang tapak agama sebagaimana yang disebutkan oleh Hulu Kelang tadi, manusia ini akan menjadi rakus, manusia akan menjadi *subhuman* dalam hidup mereka separuh manusia dan mereka inilah yang menyebabkan timbul soal '*greedy*' dengan izin soal tamak, soal haloba, harta dia harta dia, harta orang harta dia inilah yang berlaku, sejarah pembangunan kita selama 50 tahun. Inilah yang kita saksikan, semuanya kita bolot, ada rumah pangsa kita hendak, ada pangsapuri kita hendak, ada rumah murah kita hendak bahkan disebutkan tentang projek-projek yang kecil-kecil pun kelas F pun yang tanpa kelas F pun, inden-inden pun kita dapati orang yang '*greedy*' ini yang tamak haloba ini masuk sama merebut sama bersaing dengan orang miskin, orang fakir, orang yang memerlukan sangat untuk kehidupan mereka. Jadi sebab itulah saya merasakan sebagaimana yang disebutkan oleh Kg. Tunku tadi, kita merasakan inilah di antaranya perkara-perkara yang mesti diabadikan dan saya menggunakan perkataan abadi ini Tuan Speaker, mengabadikan ertinya kita meletakkan

satu pancang, menjadi tonggak kepada kebangunan Negeri Selangor ini yang sudah sekian lamanya menjadi juara dalam pembangunan, menjadi juara dalam kekayaan, menjadi juara dalam keselesaan, menjadi juara dalam *'quality of life'*, menjadi juara dalam segala-galanya. Hatta yang buruk-buruk pun kita juara kecurian yang paling banyak sekali adalah di Selangor, perompakan yang banyak sekali ialah Selangor, ragut yang banyak sekali ialah Selangor, apa kejahatan yang tuan-tuan tidak pernah dengar, teman-teman yang tidak pernah dengar semuanya menjadi, semuanya terjadi di negeri kita ini di Negeri Selangor ini. Tetapi kalau kita membangun dengan hebat kemungkarannya pun hebat, akhirnya di mana, *'what is the next balance like'* apakah dia yang dikatakan dia punya yang terakhir sekali, angka yang terakhir sekali apa dia. Sama ada angka itu *'plus'* atau *'minus'* dengan izin, inilah perkara-perkara yang saya rasa yang perlu dititikberatkan dan saya berterima kasih kepada komen-komen daripada teman-teman yang akan ulas sebentar nanti. Pertama kali Tuan Speaker, tentang perkataan Perbadanan itu sendiri, kenapa Perbadanan sekarang ini pergerakan dalam masyarakat, pergerakan dalam kerajaan misalnya daripada *'priorly government, government organization type of organization'* biasanya dia akan di *corporatise* kan selepas itu biasanya dia akan di *privatize* kan dan kita tidak fikir tentang *privatization* ini saya fikir adat-adat boleh di *privatize* kan, adat resam tidak boleh di *privatize* kan dan warisan pun tidak boleh di *privatize* kan sebab itu pergerakannya daripada yang dikatakan di bawah tadbiran dalam sistem kerajaan agensi kerajaan nak dimasukkan nak dijadikan agensi yang bertaraf separuh kerajaan perbadanan, badan berkanun inilah falsafahnya. Pasal apa kita nak jadikan badan berkanun, lebih bertenaga, lebih mampu, lebih *'autonyms'* boleh kita menyelami aspek-aspek pendemokrasian yang disebutkan oleh Hulu Kelang tadi boleh kita bergerak, boleh menerima duit, boleh mencagar duit, boleh mendapatkan duit, boleh memungut derma, boleh melantik tidak perlu dirujuk kepada birokrasi-birokrasi tersebut dan saya fikir kalau kita mahu betul-betul menjadikan adat-adat di Selangor ini dan warisan yang mencakupi warisan orang Tionghoa, orang India, warisan orang Melayu digabung terus warisan ini saya merasakan Selangor ini adalah satu-satunya negeri di Malaysia, satu-satunya saya nak sebutkan satu-satunya negeri di Malaysia yang sudah ada kesedaran seperti ini, alhamdulillah kerajaan Pakatan Rakyat baru 12 bulan baru satu tahun dah berjaya melahirkan enakmen ini, saya merasakan satu pencapaian yang tidak pernah berlaku di negeri-negeri lain. Inilah kelebihan kita dan kita harap alhamdulillah kita nampak teman-teman yang memberikan komen tadi pun, saya rasa sokongan yang padu kepada kelahiran Perbadanan seperti ini.

Nombor dua Tuan Speaker, ialah tentang pembangunan dan seni halus dalam kehidupan insan ini. Bagi saya adat ini menjurus kepada seni halus yang disebutkan soal makanan dan sebagainya saya hendak bacakan sikit tentang apa pecahan-pecahannya, unit-unit dan *division-division* bahagian-bahagiannya. Yang pertama bahagian Tradisi Ilmu dan Persuratan yang dalamnya mengandungi Unit Bahasa Kesusasteraan, Kesantunan kan kesantunan itu namanya halus, berjalan yang bersantun lain dengan berjalan yang tidak bersantun. Mengaji dengan bersantun lain dengan mengaji yang tidak bersantun. Senyum bersantun lain dengan senyum tidak bersantun yang inilah sebenarnya premium yang patut ada kepada rakyat Malaysia. Kemudian itu unit Tradisi Keilmuan dan Tokoh sebagaimana yang disebutkan oleh Bangi tadi dan kita nak jadikan Negeri Selangor ini Bangi sudah *'declare'* Bangi sebagai Bandar Ilmu, kalau kita buat *'declaration'* saja tidak jadi tapi kalau ada Perbadanan ini kerjasama dengan teman-teman universiti Profesor di Bangi itu, dapat dilahirkan satu contoh kebangunan bahawa adat-adat dan juga warisan itu dapat diketengahkan untuk menjadikan pokok pangkal, tonggak kepada pembangunan ilmu di Bangi yang diisi oleh

Ilmu-ilmuan di Bangi tersebut maka rakyat akan dapat melihat, dapat menikmati betapa cantiknya adat di'*blande*' dalam kehidupan manusia. Kemudian kita ada Unit Persuratan, kemudian itu yang kedua ialah bahagian Sejarah adat-adat Melayu dan Tamadun Islam dalamnya terdapat unit Sejarah Negeri Selangor, Unit Adat-Adat Melayu, Unit Khazanah Intelektual dan Tamadun Islam, khazanah intelektual bayang saudara saya rasa satu hari nanti orang datang Profesor-Profesor Universiti, orang buat Phd, orang buat *Master* akan datang kepada Perbadanan untuk membuat *research*, *research* mengenai hal-hal mengenai adat-adat Melayu, adat-adat Melayu jati saya nak sebutkan ini adat-adat Melayu jati *research* tentang itu sekarang ini ke mana pergi mereka buat *research*. Mereka pergi ke Leaden di Holland, mereka pergi di England, mereka pergi sebahagiannya di Jermany kan kita kalau kita ada adat-adat Melayu dan Warisan seperti itu khazanahnya kita simpan, khazanahnya kita perkaya, khazanahnya kita timbunkan dan timbunkan, bayangkan satu hari nanti '*the whole world will come to Selangor*' dengan izin untuk membuatkan *research* tentang usul asal kehebatan Melayu dan juga warisan Negeri Selangor ini. Kemudian kita ada hah... ini yang disebutkan tadi Bahagian Warisan Kesenian, ini yang Kg. Tunku.

Yang pertama sekali ialah Unit Seni Hias, seni hias orang Melayu ada cara seni hiasnya, orang India ada cara seni hiasnya, orang Arab ada cara seni hiasnya, orang Tionghoa ada cara seni hiasannya dan bayangkan tuan-tuan kita tengok dalam tekad satu seni yang dinamakan tekad, tekad ke apa namanya yang boleh buat bunga, macam mana Batu Tiga? Batu Tiga mengangguk macam boleh menekad. Tekad itu, tekad dah hilang dah. Saya tak tengok masuk dalam bilik-bilik kahwin bilik-bilik pengantin saya dah tak tengok tekad-tekad itu, kepala-kepala bantal itu di tekad, di tepi-tepi bantal di tekad, dilorek-lorek inilah sebenarnya saya tak tahulah kalau di Indonesia kita lihat ini diperbagaikan, ini diteknologikan, ini dibangunkan, ini diilmukan, ini diwariskan tapi kita dalam hal ini kita saudara berada dalam keadaan yang di ada ekstrem dari segi kebangunan kepada adat-adat dan juga warisan kepada tradisi budaya itu. Kemudian yang saya nak sebutkan Unit Seni Bina, landskap, kampung warisan dan satu lagi di bawah warisan kesenian ini ialah unit Makanan Tradisi Selangor. Jadi saya rasa orang Banjar ada nama makanannya *Wading Kepeng*. Tadi yang Bugis punya itu namanya 'depa recak'. Saya Bugis, jadi saya boleh saya faham dia lebih kurang macam puding. Tapi dibuat daripada pulut, dia ada dia punya air gula hitam. Gula bukan sebarang gula ni. Bukan gula yang dapat di kedai-kedai ni. Ini gula yang dia panjat pokok kelapa, dia panjat pokok pinang, dia panjat pokok nibung dapat gula tu barulah dia buat nama kuihnya 'depa recak' nama dia. Jadi kalau nak belajar dengan saya pun bolehlah tentang itu. Kemudian, Bahagian Dasar dan Warisan Pembangunan. Saya nak sebut tentang warisan ini. Pertama sekali Unit Dasar dan Pembangunan Warisan dan saya akan memberikan jaminan bila sebut saja warisan ini *it has to be* warisan tradisi India, tradisi Tionghoa, tradisi Melayu dan sifatnya sebagaimana disebutkan oleh Hulu Kelang tadi *it has to be inclusive, not exclusive*. Sebab itu kita merasakan insya-Allah lepas itu unit pemuziuman bila kita dah diadakan perbadanan ini muzium akan menjadi *subset* kepada perbadanan. Sekarang ini muzium berdiri sendiri sahaja dan saya nak bagi tahu oleh kerana anak-anak kita orang remaja kita dan orang tua-tua di Selangor pun yang semakin tak minat kepada adat yang semakin tak minat kepada warisan tak minat akhirnya tuan-tuan pergi tengoklah duduk di muzium daripada pukul 8 pagi sampai pukul 6 petang berapa orang yang datang. Cuti sekolah sekarang ini berapa orang yang datang? Dibandingkan dengan kalau ada konsert di sebelah. Konsert di dataran-di dataran Shah Alam. Maknanya sudah terpesong kebolehan, kemampuan mereka untuk menjunjung adat dalam kehidupan sudah jauh terpesong. Saya nak tanya diri saya nak tanya tuan-tuan, teman-teman, Adun-adun, teman-teman yang hadir ini berapa orang

yang melawat muzium daripada bulan Januari sampai sekarang? Berapa orang yang telah melawat Muzium Selangor yang terletak nun dekat sebelah MBSA, bangunan MBSA tu? Tak ada. Saya fikir sebab. Tapi berapa orang yang dah pergi kedai tomyam? Semuanya dah pergi. Berapa orang dah tengok apa pun sama ada tontonan disebutkan perfileman dan tadi berbagai-bagai filem, berapa orang dah tengok? Sebab itu saya nampaklah perlu sangat ni Perbadanan Adat-adat Melayu dan Warisan Selangor ni sangat perlu dan apa yang kita bentangkan ini *very timely, very timely*. Dan inilah saya merasakan. Kemudian, dari segi muzium tadi yang ketiga yang besarnya Unit Pengurusan Koleksi dan Konservasi Artifak, Unit Pengurusan Koleksi dan Konservasi Artifak. Oh, banyaklah artifak-artifak kita. Kita kadang-kadang orang beri-beri kita pun dalam bentuk cenderamata kita buang begitu sahaja. Kita buang. Kadang-kadang tu kan orang beri anyaman-anyamannya berbulan-bulan dia menganyam nak menghormati seorang pemimpin datang di kampung sebagai satu daripada tanda hati tanda cenderamata mereka berikan anyaman seorang tua dan isteri yang menganyam dekat dua tahun dia menganyam. Mana kita letak benda tu? Pasal nilai kita kepada artifak-artifak, nilai kita kepada budaya tak sama nilai kita kepada ringgit dan sen dan kewangan dan material yang dapat dilihat dengan mata dan dapat didengar dengan telinga yang dikecap dengan lidah kita. Kemudian Bahagian Penerbitan dan Dokumentasi yang disebutkan oleh Bangi tadi. Kita ada Unit Penerbitan Grafik saya nak menyebutkan kita akan menggunakan teknologi yang tercanggih, teknologi yang tercanggih, grafik yang tercanggih kalau boleh sama canggihnya dengan *Museum of London*, sama canggihnya dengan *Museum of Washington DC*. Ini kita bolehlah saya rasa bila kita dah dapat berbilion-bilion nanti daripada *skim stimulus package* kita ini saya nak minta sedikit daripada YAB untuk kita buat dengan betul satu muzium yang tarafnya walaupun di peringkat Negeri tetapi peminatnya adalah antarabangsa. Peringkat Negeri peminatnya antarabangsa. *Local in nature but international in coverage*. Bank ada begitu kot. Kemudian saya nak menyebutkan bahagian penerbitan tadi Bahagian Arkib dan Dokumentasi, Unit Teknologi Maklumat. Ini pun mana ada kita terfikir. Mana ada kita terfikir *system* teknologi *archivist*, *system Archie* berteknologi tinggi, *system* mendokumentasikan berteknologi tinggi, *system* menyimpan rekod berteknologi tinggi sebab kita nak benda tu tahan beratus-ratus tahun kalau boleh beribu-ribu tahun. Macam mumia di *Egypt* sana berapa puluh ribu tahun setengah daripada mumia *to be to for cries*. Jadi sebab itu teknologinya tinggi. Kemudian tu bahagian Khidmat Pengurusan dan Akaun, Unit Sumber Manusia, Unit Kewangan, Unit Urus Senggara dan akhirnya Unit Perundangan. Di bawah Unit Perundangan kita ada Unit Korporat, Unit Audit Dalam, Unit Audio Visual, Unit Keselamatan. Hal ini tentang unit-unit bahagian Perundangan ini saya nak meyakinkan Kampung Tunku teman saya bahawa Insya-Allah yang surcaj dan sebagainya tu kita *arguing to be very strict*. Ini yang diajar kepada kita. Kita mesti *strict* setiap satu sen yang masuk mesti ada rekod, setiap satu sen yang keluar mesti rekod. Setiap perjanjian mesti ada rekod. Saya diberitahu oleh YAB Menteri Besar semua perjanjian-perjanjian hampir semua yang kita tandatangani mempunyai rekod yang agak jelek, yang sangat jelek, sangat jelek. Kita tak baca pun *agreement* kita sains saja, baca setengah saja kemudian sains saja. Bos suruh sains, kita sains, bos tak tahu sains juga. Jadi sebab itu, sebab kita memikirkan banyak artifak-artifak nanti mungkin yang kita datangkan daripada dalam Negara dan luar Negara di sekitar Asian, Asia dan juga dunia yang saya fikir memerlukan *agreement-agreement* yang tertentu dan bahagian Perundangan ini dapat menasihatkan kita. Ok yang berikutnya ialah perbadanan sebagai *trusty* payung *trusty* dan tonggak kepada pembangunan adat dan warisan negeri Selangor dan kita nak jadikan apa pun perbadanan, perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri Selangor misalnya PKNS begitulah yang kita hendak. PKNS *go to the physical development* yang ini pergi

kepada *ecstatic development*. Jadi inilah yang kita akan lakukan dan akhirnya yang tentang contoh dunia, saya nak pergi kepada contoh dunia sikit ya. Macam mana kita pergi Jepun. Saya fikir ahli-ahli yang berhormat semua rasa hampir semua dah pergi Jepun dah. Tuan-tuan sampai di Narita *Airport* itu, tuan-tuan rasa apa? Kalau kata lah kita pakai visa, visa tu hanya seminggu saja kita tulis seminggu saja, sampai di sana kita dah merasakan isy, kalau dapat ditambah lagi kalau dapat ditambah cuti lagi dua minggu tiga minggu kita di Jepun. Pasal apa? Kita pergi imigresen, imigresen begini ha 'hait'. Pergi kastam, kastam begini ha 'hait'. Naik teksi, teksi begini 'hait'. Pasal apa? Kita macam mana? Ini dia. Dengan rokoknya kat sini. Tak ada. Kita tak ada nilai-nilai estetika, tak ada. Nilai *ethics* tak ada. Nilai budaya tak ada. Tak ada itu. Sebab itu kita merasakan di Jepun kita merasakan tentang kimono. Tengok macam mana Majlis Kimono, pakaian kimono mereka. Macam mana anak-anak dara umur 13 tahun, 14 tahun, 15 tahun ada pesta kimono. Mana pergi baju kurung kita? Mana pergi kebaya labuh kita? Apa lagi nama-nama baju kita? Ceongsam? Sari? Sari berbagai-bagai. Saya pergi ke India tengok sari *My God*, saya tak pernah tahu ada sari yang sampai RM100,000 harganya. RM100,000!!!! Jadi itu sebagai budaya.

**TUAN SPEAKER:** Rupiah ke?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Malaysia. Kalau Rupiah kita tak tengok la. Ini yang boleh beli pun YB daripada apa tadi yang boleh beli ni. Tapi apa yang saya nak sebut inilah dia perkara-perkara yang saya rasa kita kena, saya nak tengok masyarakat Melayu dalam adat Melayu ni makin membangun dia makin hormat dia, makin membangun dia makin halus jiwanya, makin membangun dia makin terasa bersalah dia kalau dia melakukan sesuatu yang di luar daripada *frame work* budaya. Ini yang kita nak buat. Bayangkan tuan-tuan, kalau tuan-tuan balik rumah isteri kita menyambut macam mana di pintu, macam mana dipersilakan kita *duduk* makan bersama-sama dengan dia, disajikan pula kuih-kuih tadi kuih-kuih yang ada nama 'wadi kepeng' disajikan kita, macam mana dengan senyumnya, macam mana banyak kerja dia pun tak pernah merengus, tak pernah merengus. Itu sebahagian daripada budaya. Budaya suami marah isteri, isteri marah balik suami itu bukan budaya kita. Saya tengok mak saya dengan ayah saya agaknya kahwin dalam 60 tahun di antara mereka. Ayah saya mati umur 98, mak saya mati umur 84. Saya tak pernah tengok mak saya *talk bad to my father*. Tak pernah tengok. Tak pernah tengok sekali pun mak saya menjawab soalan ayah saya dengan cara menjawab. Tak ada. Pasal apa? Budayanya. Pasal apa budayanya? Agamanya. Pasal apa agamanya? Mak ayah saya guru Quran. Jadi inilah dia punya tradisi yang ada kepada kita dan akhirnya saya ingin menyebutkan sikit untuk *be fair* kepada Adun Bangi tadi tentang muzium yang fungsinya terhad kita pun dah bagi tahu tadi bahawa dengan adanya perbadanan ini, maka ruang lingkupnya mencakup daripada ufuk timur sampai ke ufuk barat. Kemudian, yang adat Melayu yang selama ini tidak diberi perhatian memang betul. Saya pun dah berkata kan tadi menubuhkan *Think Tank*. Banyak *Think Tank* ini. *Infact* tiap-tiap satu *division* ini ada tujuh *division*. Satu-satu *division* ini ada lagi tiga unit-tiga unit, tiga kali tujuh dua puluh satu unit kalau tiap-tiap satu unit satu *Think Tank*, tiap-tiap satu unit satu *Think Tank* yang kita memerlukan mungkin tak cukup *Think Tankers* tak cukup lagi untuk kita mengisi pembantu-pembantu yang dapat membantu kita. Kemudian untuk Kampung Tunku tentang filem industri perfileman ini, saya pun nak menyebutkan tadi saya tak tahu lah kami ada filem-filem mungkin lah filem klasik dan sebagainya. Tapi adat-adat ni kalau filem-filem macam 'Intan' tak payahlah. 'Intan' dalam TV3 tu yang tak habis-habis dah. Siri 168 dah sekarang ni. Jadi kita yang itu tak payah lah. Yang itu tak payah. 'Intan' ini filem. Ok. Kemudian Adun Kampung Tunku juga tentang keahlian Lembaga

kita akan menentukan bahawa keahlian lembaga ini pertama terdiri daripada mereka yang benar-benar ahlinya. Untuk pengetahuan yang berhormat-yang berhormat, Tuan Speaker yang berhormat bila kita membuat perbadanan ini saya mesti mengucapkan ribuan terima kasih kepada Penasihat Undang-undang kita yang telah membantu kita memberikan masanya. Saya tengok *so patient* (sabar) dengan kerenah-kerenah kita dan sebagainya tapi dapat menyiapkan *piece of legislations* itu dan bersama dengan 37 orang semuanya PhD belaka dan sebahagiannya bukan sebarang PhD, PhD dah berumur 68 tahun, PhD yang berumur 72 tahun, orang-orang ini yang membantu mereka. Nampak pada gayanya pun memang orang adat, nampak rupa gayanya memang orang warisan. Jadi saya rasa kita akan, tapi saya cuba nak cari *blending*. *Blending* kalau kita dapat pakar-pakar warisan pun dia mampu bercakap, adat Melayu pun dia mampu bercakap. Kalau dapat *in one person* tetapi biasanya orang buat PhD ni dia tak adalah warisan nak dicampurkan adat Melayu. Bahkan adat Melayu kalau buat PhD pun hanya satu jujuk kecil daripada adat Melayu itu pun di PhD kan. Jadi kemungkinanlah saya rasa ruangnya besar Tuan Speaker untuk kita menggunakan pakar-pakar, tenaga-tenaga di sekeliling kita. Dan kita akan menentukan tenaga-tenaga ini kita utamakan orang Selangor kita utamakan. Kemudian tu kita juga utamakan kepada betul-betul yang mempunyai bakat, kebolehan dan kemampuan yang dapat melonjakkan perbadanan ini menjadi satu-satunya perbadanan yang saya merasakan yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang dapat menyanjung Negeri Selangor ini. Dan akhirnya saya ingin pergi sedikit tentang ada dua konsep yang dibentangkan oleh Hulu Kelang tadi yang saya nak ulas sikit. Yang pertama ialah kerja-kerja pemutihan. Pemutihan maksudnya benda-benda yang terkeluar daripada akidah, benda-benda yang terkeluar daripada kelaziman adat yang berteraskan kepada agama itu mesti diputihkan. Bomoh, pawang. Dengar-dengar cerita dalam dunia ni orang yang paling kuat bomoh UMNO lah. Jadi benda-benda ni. Jadi kita kena putihkan UMNO, pawang yang bukan-bukan tapi kalau pengubatan secara Islam macam Dato' Harun Din, macam Dato' Ismail Kamus memang sudah terbukti bahawa rujukannya kepada Al-Quran dan Sunnah itu tak ada masalah kata ulama'. Tapi kalau yang jampi, kalau yang menurun kecap-kecap dia cakap Siam, kecap-kecap dia cakap Jerman itu tak boleh. Tak boleh pakai tu. Atau cakap Jawa. Kemudian tentang kerja-kerja pemutihan ni tentang tahlil arwah, aqiqah, belah mulut, *tahniq* dan sebagainya yang hilang. Tuan-tuan ada anak 5 orang berapa orang yang di *tahniq*? *Tahniq* ikut cara Islam. Tapi menyambut hari jadi, tiap-tiap *anniversary* tahun demi tahun disambut hari jadi. *Tahniq* tak buat. Sudahnya aqiqah pun tak buat. Ada ulama' mengatakan aqiqah tu sunnat muakad dah. Sunat muakad. Tapi kita tak buat pun. Ok. Kemudian satu lagi yang terakhirnya yang Hulu Kelang mengatakan tentang pendemokrasian. Ini satu konsep pendemokrasian warisan kita. Saya nampak apa yang disebutkan supaya kita lebih *inclusive* bukan *exclusive* inilah misi kita dan saya nak sebutkan Tuan Speaker kita membentangkannya dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Tak ada yang tersembunyi, tak ada agenda (*no hidden agenda*). Apa yang kita lakukan ini semata-mata untuk mempertahankan adat, untuk memartabatkan warisan di Negeri Selangor ini supaya anak cucu cicit kita. Saya pun dah umur 61 tahun ini agaknye boleh pergi bila-bila masa tapi saya nak anak saya beradat, cucu saya beradat, cicit saya beradat, dalam beradat itulah mereka akan menjadi *Citizen*. *Citizen* yang terbaik dalam kehidupan di dunia ini.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, saya minta celah.

**TUAN SPEAKER:** Ya, silakan.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada Tuan Speaker dan juga YB Gombak Setia. Memang kita nampak warisan dan adat budaya ini kita harus ada kesinambungannya berterusan tapi kita nampak perbadanan ini yang kita sebut tadi, kita lebih kepada *exhibit* dan juga buat...dan juga buat pengekalan bahan-bahan dan juga warisan yang kita dapat untuk *exhibit* dan juga untuk kajian. Apakah kuasa ataupun fungsi dalam perbadanan yang ada berkaitan untuk perkembangan ataupun hidup semula warisan yang telah tidak dipraktikkan dan nampaknya kurang disebut dalam perancangan yang disertakan.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih teman daripada Kajang. Saya menyebutkan tadi dalam pemuziuman misalnya, ada satu unit namanya Pengurusan Koleksi Dan Konservasi Artifak, yang inilah ni kita nak perkembangan, dikembangkan warisan itu tapak perkembangan warisan itu mesti ada. Ambil satu artifak, artifak yang datang daripada mana saya tak tau, katakanlah dari Dynasti Ming, katakan artifak itu. Macam mana caranya, kita kena *preserve* dia dengan teknologi yang moden. Bagaimana hendak *preserve* dengan cara teknologi yang moden, bagaimana cara dia tidak dipanah matahari, bagaimana cara dia tidak..oleh air, bagaimana cara dia tidak dihakis oleh air. Benda-benda macam ini, inilah teknologinya tapi yang disebut tadi, sudah tentulah tentang fungsi perbadanan yang lebih daripada bukan hanya tertumpu kepada *exhibit*. *Exhibit* bukannya tertumpu kepada kajian-kajian saya, ialah tentang perkembangan warisan kita ini. Bila dah ada *preserve*, kembangkan..kembangkan..kembangkan..siapakah yang boleh membuka ruang-ruang untuk perkembangan ini ? Bukan Hassan Ali. Mestilah pakar-pakar. Tak cukup pakar-pakar di dalam Selangor, di luar Selangor. Tak cukup pakar di luar Selangor di luar Malaysia, tak cukup pakar di Malaysia, luar daripada Malaysia, di luar daripada Malaysia ini. Jadi orang-orang inilah akan bagi petunjuk-petunjuk kepada kita agar kita dapat betul-betul menjadikan perbadanan adat-adat Melayu dan juga warisan Selangor ini, betul..betul..betul..betul..bukan perbadanan yang statik tetapi perbadanan yang *ever dynamic*. Inilah yang kita hendak dan saya merasakan, kalau saudara-saudara lihat dari segi bagaimana berfungsinya nanti, bagaimana pemilihan pegawai dan kakitangannya nanti dengan dia punya *executive*, pegawai *executive*, kakitangan *executive* dan sebagainya, kita tengok nama-nama jawatan itu sendiri sudah menggambarkan satu tamadun perkembangan, satu tamadun pengurusan yang baru bagi kita untuk adat dan untuk warisan di Negeri Selangor ini.

Tuan Speaker, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada teman-teman, apa yang di dalam penutup ini, saya ingin memberitahu, di sini apa yang ingin lakukan bersama-sama dengan teman-teman kita akan tengok semuanya untuk kita jalankan terus, untuk kita promosikan terus, untuk kita *take off* kan terus, untuk kita masukkan terus di gelanggang *action*. *Now is subqualization. We are talking in term conceptual thing*. Agaknya sampailah masanya kita hendak letakkan kepada gagasan, implementasi, macam mana hendak dijalankan. Saya akan merundingkan dengan teman-teman untuk mendapatkan lagi input-input yang baru dan kita akan terus..terus berfungsi dan saya ingin kalau dapat perbadanan ini dapat berjalan secepat mungkin kerana kita hendak segala warisan kita, adat-adat Melayu terutamanya di Negeri Selangor ini dapat dipromosikan, dapat diperkuatkan, dapat dihebatkan sebagaimana tujuan asal perbadanan ini dilakukan, dibuat. Jadi selepas itu, saya akan membincangkan dengan teman-teman, dengan pakar-pakarnya dan kita akan dapatkan nanti daripada pakar-pakar yang saya berikan perhatian pakar-pakar yang tidak mencerminkan hanya satu kaum sahaja. Ini pun kita akan tengok dan tengok pakar-pakarnya yang macam mana, pakar-pakar yang ada..ada dwi..dwi *expertise*, warisan

pun dia *expertise*, adat Melayu pun dia *expertise*. Kalau tak ada pun, satu jaga warisan, satu jaga adat Melayu. Inilah antaranya perkara-perkara yang mungkin akan kita lakukan, sebaik-baik sahaja rang undang-undang ini diluluskan dan sebaik-baik sahaja kita mendapat sesuatu yang namanya *go system* kita akan meneruskan apa yang telah kita rancangkan ini, Jadi bagi pihak teman-teman yang mengusahakan, bagi pihak mahaguru-mahaguru yang telah bersama kita mengusahakan terutamanya kepada Prof. Dr. Anuar yang saya mesti rakamkan dari Universiti Kebangsaan. Banyak nama lagi yang tak dapat saya sebutkan yang telah menumpahkan perhatiannya. Kepada pemangku Pengarah Muzium Negeri Selangor, saudara Ruffi dan teman-teman dia yang telah mengusahakan perkara ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka. Mudah-mudahan mereka tidak jemu-jemu untuk menyumbang kepada kita untuk melihat terlaksananya impian selama ini, untuk melihat terwujudnya, tertubuhnya, terlaksananya perbadanan adat-adat Melayu dan warisan Negeri Selangor. Saya berhentikan setakat ini, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama satu enakmen bagi menubuhkan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor bagi tujuan memelihara adat Melayu, warisan dan sejarah Negeri Selangor dan membuat peruntukan yang berkaitan dengannya.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang sebagai jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 1, Fasal 1 hingga 2.

**TUAN Pengerusi:** Bahagian 1, Fasal 1, hingga Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 2, Fasal 3 .

**TUAN Pengerusi:** Bahagian 2, Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK...DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 3, Fasal 4 hingga 6 .

**TUAN Pengerusi:** Bahagian 3, Fasal 4 hingga 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK...DIPERSETUJUI.



**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 4, Fasal 7 hingga 14 .

**TUAN PENGERI:** Bahagian 4, Fasal 7 hingga 14 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK...DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 5, Fasal 15 hingga 25 .

**TUAN PENGERUSI:** Bahagian 5, Fasal 15 hingga 25 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK...DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 6, Fasal 26 hingga 33.

**TUAN PENGERUSI:** Bahagian 6, Fasal 26 hingga 33 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK...DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 7, Fasal 34 hingga 40.

**TUAN PENGERUSI:** Bahagian 7, Fasal 34 hingga 40 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK...DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan Fasal 41 subseksyen (1).

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan dalam Fasal 41 subseksyen (1) untuk menggantikan perkataan "masa setiap" dengan perkataan "setiap masa" dalam teks Bahasa Kebangsaan Enakmen ini.

**TUAN PENGERUSI:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah di bentang sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Saya mempersilakan Pihak Kerajaan kalau ada penjelasan, tidak ada. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah Pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 41 subseksyen (1) seperti yang dipinda.

**TUAN PENGERUSI:** Fasal 41 subseksyen (1) seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. . Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 7 Fasal 42.

**TUAN Pengerusi:** Bahagian 7 Fasal 42 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 8 Fasal 43 hingga 46.

**TUAN Pengerusi:** Bahagian 8 Fasal 43 hingga 46 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. . Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan Fasal 47.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan dalam Fasal 47 untuk menggantikan perkataan "Seksyen 47" dengan perkataan "Seksyen 46" dalam teks Bahasa Kebangsaan Enakmen ini dan juga "Section 47" dalam teks Bahasa Inggeris Enakmen ini.

**TUAN Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah di bentang sekarang ini dibuka untuk perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI..

**SETIAUSAHA DEWAN:** Fasal 47, seperti yang dipinda.

**TUAN Pengerusi:** Fasal 47, seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bahagian 8, Fasal 48 hingga 49.

**TUAN Pengerusi:** Bahagian 8, Fasal 48 hingga 49 yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Pindaan "Clause 50", teks Bahasa Inggeris.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya Rang Undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam notis pindaan yang diedarkan terlebih dahulu. Pindaan dalam "Clause 50" untuk memasukkan perkataan "or" sebelum perkataan "overcoming" dan memotong perkataan "or preventing" selepas perkataan "overcoming" dalam teks Bahasa Inggeris Enakmen ini.

**TUAN Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam pindaan yang telah di bentang sekarang ini dibuka untuk dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya adalah

pindaan yang dicadangkan dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI..

**SETIAUSAHA DEWAN:** “*Clause 50*”, teks Bahasa Inggeris seperti yang dipinda.

**TUAN Pengerusi:** “*Clause 50*”, teks Bahasa Inggeris seperti yang dipinda menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Jadual Perenggan1 hingga 8.

**TUAN Pengerusi:** Jadual Perenggan1 hingga 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA.. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK... DIPERSETUJUI.

**YB DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dan dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Dewan bersidang semula.

**YB DATO’ DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tuan Pengerusi saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB PUAN RODZIAH ISMAIL:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ini ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata YA. Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor 2009.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor.

**YB PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Bahawasanya mengikut Perenggan Sub 5 dalam Peraturan Tetap 76 bagi Dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata Laporan Jawatankuasa

Peraturan Tetap Dewan yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 12 Tahun 2009 diterima pakai.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Tujuan usul ini adalah untuk menerima laporan dan menerima pakai syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan iaitu:

Pertama, Peraturan Tetap 13, Aturan Urusan Mesyuarat. Peraturan-peraturan Tetap Ibu adalah dipinda dengan menggantikan Peraturan Tetap 13 Sub 1 baru seperti berikut:

- 1) dalam Peraturan Tetap 13 Sub 1 dengan menggantikan perkataan “Dewan” kepada perkataan “Tuan Speaker”, telah dimaklumkan oleh Menteri Besar mengenai perubahan aturan yang perlu dibuat”.
- 2) dengan memotong Peraturan Tetap 13 Sub 2

Peraturan baru ini adalah bagi membolehkan Tuan Speaker menentukan Aturan Urusan Mesyuarat Dewan dengan syarat telah dimaklumkan kepada YAB Dato’ Menteri Besar Selangor. Selepas pindaan ini usul YAB Dato’ Menteri Besar Selangor tidak lagi diperlukan untuk meminda Aturan Urusan Mesyuarat.

Yang Kedua, Peraturan Tetap 24 Sub 5 berkenaan Cara Mengeluarkan Pertanyaan dan Menjawab Pertanyaan dipinda seperti berikut:

“Pertanyaan-pertanyaan itu, selain daripada pertanyaan-pertanyaan tambahan yang terbit daripada pertanyaan yang telah dikeluarkan dan yang dibenarkan oleh Tuan Speaker, tidak boleh dikeluarkan lagi selepas daripada 90 minit daripada permulaan Waktu Pertanyaan melainkan bahawa Tuan Speaker memerintahkan bahawa tempoh pertanyaan-pertanyaan dilanjutkan kepada tidak melebihi 30 minit lagi”

Masa pertanyaan perlu dipinda memandangkan masa yang diberikan adalah terhad iaitu 60 minit sahaja.

Yang Ketiga, Peraturan Tetap baru iaitu Peraturan Tetap 71 Sub 3, 71 Sub 4 dan 71 Sub 5 berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas diwujudkan seperti berikut:

“71 Sub 3 Walau apa pun yang diperuntukkan di perenggan (1) dan (2) dan tertakluk kepada perenggan (5), Tuan Speaker boleh, jika difikirkan perlu oleh beliau, menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi apa-apa maksud tertentu semasa penangguhan Dewan dan melantik Pengerusi serta ahli bagi Jawatankuasa tersebut.”

“71 Sub 4 Tuan Speaker hendaklah dengan serta-merta, apabila Dewan bersidang, melaporkan kepada Dewan mengenai penubuhan dan pelantikan tersebut bagi maksud mendapatkan perakuan dan kelulusan Dewan ke atas penubuhan dan pelantikan tersebut.”

“71 Sub 5 sehingga perakuan dan kelulusan Dewan diperoleh, Jawatankuasa tersebut tidak mempunyai apa-apa kuasa dan tidak boleh menjalankan apa-apa

fungsi seperti mana yang diperuntukkan di dalam Jadual kepada Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 dan di bawah Peraturan Tetap 73.”

Peraturan baru ini bagi membolehkan Tuan Speaker jika difikirkan perlu oleh beliau untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas pada bila-bila masa dan penubuhan itu akan dilaporkan kepada Dewan serta-merta apabila bersidang dan Jawatankuasa tersebut tidak mempunyai kuasa menjalankan fungsinya selagi tidak memperoleh kelulusan daripada Dewan.

Peraturan Tetap baru iaitu Peraturan Tetap 73 Sub 14, berkenaan Aturan Dalam Jawatankuasa Pilihan diwujudkan seperti berikut:

“73 Sub (14) Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan hendaklah menjadi sebahagian daripada aturan Peraturan Tetap 73 ini. “

Oleh itu, saya mencadangkan Tuan Speaker, usul ini diluluskan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, Kampung Tunku menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker Kampung Tunku ingin juga berdiri dan menyokong usul laporan ini seperti yang diterangkan oleh Taman Medan tadi bertujuan untuk memantapkan perjalanan mesyuarat DUN. Tuan Speaker, salah satu cadangan yang *significant* dalam laporan ini adalah usaha-usaha memperkasakan sistem jawatankuasa di dewan yang mulia ini. Ini merupakan satu langkah awal untuk sistem pentadbiran yang berasaskan sistem pengasingan kuasa yang tulen. Tuan Speaker, cabaran yang dihadapi oleh eksekutif dalam menjalankan tugas pada masa sekarang memang sudah semakin bertambah semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan negeri. Banyak terdapat isu baru yang timbul dan kita memerlukan perubahan dari segi minda untuk memastikan hal ehwal pentadbiran dapat berjalan lancar. Di sini saya nampak peranan penting yang dapat dimainkan oleh Dewan Undangan Negeri dalam membantu menjalankan tugas dan pencetusan idea-idea baru dalam pentadbiran negeri. Kampung Tunku yakin dan percaya bahawa dengan adanya cadangan-cadangan ini Dewan Undangan Negeri bukan boleh berfungsi dengan lebih berkesan malahan ia akan memulakan langkah menuju ke arah Dewan Undangan Negeri yang betul-betul kelas dunia.

Tuan Speaker, Dewan Undangan Negeri merupakan badan perundangan yang tertinggi di Negeri Selangor. Perjalanan urusan mesyuarat Dewan Undangan Negeri pula bergantung pada peraturan-peraturan tetap ini. Adalah wajar kita sentiasa meneliti dan membuat perubahan yang diperlukan mengikut peredaran masa terhadap peraturan-peraturan tetap ini.

Tuan Speaker, dalam laporan ini dilampirkan juga cadangan kaedah Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan. Cadangan pindaan ini dibuat di Peraturan Tetap 71 dan 73. Peraturan Tetap 71 telah dipinda dengan memasukkan Subseksyen 3, 4, dan 5 di mana ini membolehkan Tuan Speaker menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas pada bila-bila masa dan penubuhan itu akan dilaporkan ke Dewan dengan serta merta apabila Dewan

yang bersidang semula. Sementara waktu itu persediaan awal dapat dijalankan sebelum ia dapat ditubuhkan secara rasmi.

Tuan Speaker, Pengasingan kuasa atau dalam bahasa Inggeris dipanggil dengan izin *separation of powers* merupakan satu doktrin yang penting dalam pemerintahan demokrasi yang membahagikan urusan dalam negara kepada tiga cadang iaitu *executive* sebagai pemerintah, *legislative* iaitu perundangan dan *judiciary* atau kehakiman. Ia bertujuan untuk mengelak atau menghindari bahaya kezaliman dalam bahawa Inggeris dengan izin *Tierney* dalam doktrin pengasingan kuasa dapat mengekalkan kepimpinan kebebasan sebenar dan menghindari pemerintahan kuku besi dengan cara membahagikan kuasa untuk mewujudkan semak dan seimbang *check and balance* dengan izin semasa kuasa-kuasa ini. Inilah sebabnya mengapa perjalanan Dewan yang mulia ini sebagai Dewan Perundangan yang tertinggi di negeri Selangor perlulah di pisah daripada eksekutif.

Tuan Speaker, konsep pengasingan kuasa bermula sejak zaman Yunani lama kemudian ahli falsafah Inggeris John Loc pada tahun 1690 telah membahagikan kuasa kerajaan kepada dua cabang. Iaitu *executive* dan *legislative*. Monstees Cio ahli falsafah *reinarson* Peranchis dalam karyanya *Spirit of the law* atau pun dalam bahasa Peranchis *spirit the law* telah mengembangkan idea John Loc ini dan telah menambahkan cabang kehakiman. Di bawah pembahagian kuasa kerajaan dipecahkan kepada tiga cabang iaitu *legislative*, *executive* dan kehakiman. Cabang-cabang ini mempunyai peranan yang berbeza tetapi saling bergantung antara satu sama lain. Misalnya hakim dilantik oleh Ketua Eksekutif manakala undang-undang punca cabang dari *legislative* akan digunakan oleh badan kehakiman untuk membuat keputusan. Dan pihak *executive* pula akan menguatkuasakan undang-undang tersebut. Doktrin ini diperteguhkan lagi dengan elemen semak dan seimbang iaitu setiap badan mempunyai kuasa yang terhad dan boleh memeriksa serta mengehadkan kuasa badan yang lain. Oleh itu seorang Speaker dan saya ingin tegaskan di sini seorang Speaker mempunyai autonomi yang tersendiri dan bebas daripada campur tangan eksekutif dan kehakiman dan mempunyai hak untuk membuat keputusan berkenaan dengan hal ehwal *legislative* dan pembentukan undang-undang. Saya sudah pasti kenyataan ini adalah amat penting sekali khususnya apabila kita menghadapi masalah yang berlaku di negeri Perak.

Bagi seorang Speaker kuasa beliau datang daripada Wakil Rakyat yang menang pilihan raya itu. Bagi seorang Ketua Eksekutif beliau memegang jawatan itu kerana beliau mendapat sokongan majoriti wakil rakyat yang menang dalam pilihan raya itu. Seorang Hakim walaupun dilantik atas nasihat Ketua Eksekutif masih boleh menjatuhkan hukuman undang-undang kepada Ketua Eksekutif tersebut kerana badan kehakiman mempunyai kebebasan kehakiman dan para hakim dilindungi oleh kekebalan kehakiman. Sekiranya elemen ini tiada maka pembahagian kuasa hanya sekadar nama sahaja dan Tuan Speaker ini adalah apa yang perlu kita elakkan di Dewan yang mulia ini apabila kita melihat contoh atau pun peristiwa yang berlaku di Perak maka Kampung Tunku merasa amat perlu untuk kita mengikut peredaran masa mengetatkan peruntukan-peruntukan dalam Peraturan Tetap ini bagi memastikan institusi Dewan Undangan Negeri ini dapat diperkukuhkan. Doktrin pembahagian kuasa ini adalah amat nyata di negara-negara yang maju dan di negara-negara ini setiap badan saling memeriksa penyalahgunaan kuasa antara satu sama lain. Misalnya Polis boleh disoal siasat oleh satu badan bebas yang lain. Di samping itu badan *legislative* ini adalah di kebanyakan negara moden adalah dwi dewan untuk memastikan semak dan seimbang

dilakukan, dilaksanakan dengan penggabungan undang-undang. Ini adalah sesuatu yang ingin saya tekankan di sini dan saya rasa dan saya yakin ia akan sudah pasti menjadi satu pedoman bagi tiga atau empat tahun yang akan datang bagi kita memperkukuhkan institusi ini. Oleh itu saya berpendapat ada baiknya jika pada masa yang akan datang kita dapat betul-betul mengadakan satu pentadbiran dan perjalanan urusan Dewan Undangan Negeri yang terpisah daripada eksekutif di mana Dewan yang mulia, Tuan-Tuan Speaker serta Timbalannya mempunyai kuasa autonomi dalam menguruskan hal Dewan Undangan Negeri sejajar dengan prinsip dengan pengasingan kuasa. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Klang

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya ingin menegaskan sebagai sokongan bahawa sebagai Kerajaan Pakatan Rakyat di antara agenda penting adalah untuk menyuburkan demokrasi dan saya melihat bahawa usul ini adalah satu langkah penting dalam menghidupkan demokrasi yang didokong oleh Kerajaan Pakatan Rakyat kerana sistem demokrasi yang kita dokong dalam bidang kuasa bidang perundangan, eksekutif dan kehakiman adalah sama tahap. Kekuatannya menurut bidang-bidang masing-masing. Kekuatan demokrasi adalah apabila masing-masing pihak menghormati bidang kekuatan tertinggi kuasa masing-masing. Apa yang telah berlaku kepincangan adalah pembolotan kuasa, pemusatan kuasa, *monopoly of power*, telah berlaku hingga berlaku kepincangan dan membentuk satu kefahaman bahawa Kerajaan itu hanyalah pihak eksekutif. Kerajaan dibentuk adalah apabila ada bidang-bidang kuasa tertinggi dalam perundangan di dewan, bidang pelaksanaan badan eksekutif EXCO kerajaan dan bidang untuk menyelesaikan masalah adalah kehakiman. Ini perlulah kita tanamkan dalam masyarakat rakyat Negeri Selangor dan usul ini merupakan usul yang boleh menghidupkan. Bagi saya apa yang perlu ditegaskan di sini adalah Kerajaan Pakatan Rakyat perlu kuat, kuat dari segi eksekutif, kuat dari segi perundangannya yang perlu diperkukuhkan oleh ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Sesuai dengan *stimulus package* ataupun pakej rangsangan yang membawa 5 projek penting itu memerlukan penglibatan yang cukup hebat daripada Kerajaan sama ada daripada eksekutif atau dewan undangan di kalangan adun-adun. Saya melihat bahawa dengan usul ini diberikan kepada pihak Tuan Speaker dan kemudian dimaklumkan kepada dewan akan membantu Kerajaan dalam menjayakan pengukuhan program-program pembangunan Kerajaan Negeri Selangor. Contohnya kita tidak mahu pihak dewan undangan, ahli-ahli adun ini hanya berperanan sebagai *rubber stamp*, sebaliknya kita mahu sekurang-kurangnya dalam konteks apa yang difahamkan sebagai dewan ada arena perbincangan, perbincangan keseimbangan di antara pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam mengutarakan perubahan dan mengimbangi perubahan. Dan sebaik-baiknya apa yang perlu dilakukan dalam konteks dewan undangan negeri adalah adun-adun Pakatan Rakyat memainkan peranan untuk menjadikan dewan sebagai bidang *transformative* dalam membuat perubahan. Saya ingin menegaskan bahawa jalan pendek sebagaimana yang saya bahaskan dalam usul menjunjung kasih titah tuanku bahawa jalan singkat kepada peranan adun adalah untuk membantu EXCO dan kemudian menjadi ahli-ahli lembaga pengarah dalam GLC. Saya mempunyai pandangan yang lain. Saya melihat sebagaimana saya usulkan dalam ucapan saya bahawa peranan adun hendaklah diperkasakan dalam konteks mengukuhkan proses pelaksanaan dan seboleh-bolehnya kalaulah peranan pembantu EXCO boleh tidak diadakan, kemudian ahli-ahli dewan undangan negeri terlibat dalam memperkasakan jawatankuasa-jawatankuasa, ini adalah lebih baik kerana contohnya penyelewengan-penyelewengan GLC akan diimbangi. Contohnya dalam konteks jawatankuasa, kalau

kita tubuhkan jawatankuasa pemantauan GLC. Kita boleh mengadakan pendengaran awam, kita boleh mengadakan majlis satu sidang untuk mendengar ucapan-ucapan, pengakuan-pengakuan dan apa yang nak dilaksanakan dasar-dasar apabila pemilihan kepada ahli lembaga GLC ini dilakukan. Jadi dengan cara ini, proses imbalan jawatankuasa itu dapat dilakukan dan peranan adun adalah dari segi mengukuhkan pentadbiran Kerajaan Negeri daripada dewan dan jawatankuasa-jawatankuasa dewan. Dengan ini saya amat menyokong agar usul ini diluluskan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli yang terhormat sekalian, apa pun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi :- “Bahawasanya mengikut Perenggan (5) dalam Peraturan Tetap 76 bagi dewan Undangan Negeri Selangor, Dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan supaya syor-syor yang terdapat dalam Penyata laporan Jawatankuasa Peraturan Tetap Dewan yang dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 12 Tahun 2009 diterima pakai.” Ahli-ahli yang terhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli yang terhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya usul 1 Tahun 2009 di bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh YB Seri Andalas.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker dan ahli yang terhormat sekalian, “bahawa dewan ini menetapkan untuk mengiktiraf kebebasan Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk membuat sumbangan sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial kepada mana-mana pihak yang difikirkan sesuai oleh mereka selari dengan undang-undang dan dasar-dasar mereka.” Tuan Speaker, tugas memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat Selangor adalah tanggungjawab utama Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Berhubungan dengan perkara itu, kita perlu memahami apa itu pertanggungjawaban sosial. Izin saya menguncil definisi dari (dengan izin) *world council for sustainable development* (dengan izin) *social responsibility is the continuing commitment by business and government to have attic ally and contribute to economy development while improving quality of life of the work force and their families as well as of the local community and society at large.* Dalam perkataan lain dia benarkan Kerajaan dan sektor korporat menyumbang kembali ataupun memberi sedikit daripada keuntungan kepada mereka kepada rakyat. Aspek masyarakat paling mendapat tumpuan ialah isu-isu pembasmian kemiskinan warga emas, orang kurang upaya (OKU), kesejahteraan dan kebajikan rakyat jelata. Tuan Speaker, selain daripada aktiviti menyumbang apa yang perlu kita ingat ialah bahawa pertanggungjawaban sosial merupakan sebahagian penting dalam proses penjanaaan kekayaan (dengan izin) *an integral park of the wealth creation process.* Mengapa ini boleh berlaku? CSR jika diurus dengan baik boleh meningkatkan keupayaan daya saing (dengan izin) *competitiveness* syarikat tersebut dengan sebuah syarikat melibatkan diri dalam CSR ianya dapat menarik perhatian dan memotivasikan pekerja. Ia juga boleh membina *brand image* (dengan izin) dan kesetiaan pengguna biasanya operasi syarikat yang mengambil kira kepentingan sosial, memudahkan penerimaan masyarakat terhadap perniagaan yang dijalankannya. CSR juga merupakan sebuah sumber inovasi bagi syarikat tersebut. Ahli-ahli dewan sekalian, jika perhatian yang lebih ditumpukan pada institusi-institusi sosial dan alam sekitar dan kerjasama yang lebih erat dijalin dengan syarikat-syarikat lain. Ini merupakan pemangkin *or catalyst* bagi syarikat-syarikat untuk mencipta produk baru dan juga modal perniagaan baru. Pelabur dan pengguna mempunyai alasan yang baik untuk mengarahkan CSR. Dari segi mikro pula CSR berupaya membantu (dengan izin) *address the lack of public trust in business.* Tuan



Speaker, *public trust* ataupun kepercayaan rakyat boleh memastikan bahawa syarikat tersebut berjaya dalam jangka masa panjang. Bagaimana kita mengarahkan para belia kita untuk memperkasakan sikap keusahawanan jikalau mereka dibesarkan dalam masyarakat di mana kepercayaan dalam syarikat-syarikat kita adalah rendah. Aktiviti CSR yang *credible*, telus dan etika berhemah dan yang dirancang dengan baik adalah salah satu cara untuk membaiki kepercayaan dalam masyarakat dalam syarikat. Dalam setahun kita Pakatan Rakyat memerintah Negeri Selangor kita telah melihat perubahan positif di mana anak-anak syarikat negeri telah menunjukkan inisiatif untuk melaksanakan tanggungjawab sosial mereka. Antaranya ialah pujian harus diberi kepada salah sebuah anak syarikat milik kerajaan negeri iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang mengambil langkah pertama dengan memberikan subsidi dua meter padu air percuma kepada rakyat Selangor. Kita juga mendapati beberapa syarikat korporat multi-nasional agak prihatin tentang isu-isu melibatkan kepentingan pekerja ladang contohnya Kumpulan *Sime Darby* baru-baru ini mencorek langkah menyediakan skim perumahan kepada bekas-bekas pekerja di ladang Bukit Raja dan ladang Highland di Klang. Begitu juga syarikat peladang KL-Kepong telah mengambil pendekatan baru menyediakan *town house* dan menggunakan keanggotaan kepada pekerja, bekas pekerja di ladang *Cold Field* Ijok, Kuala Selangor. Kita juga mengalu-alukan penyertaan syarikat korporat peladang multi-nasional dan syarikat-syarikat lain yang telah menyertakan komitmen mereka untuk menyumbang dalam tabung anak pekerja ladang bernilai RM10 juta untuk menyediakan asrama dan pendidikan yang sempurna bagi menetapkan anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor. Sekalung penghargaan kita ditunjukkan kepada PKNS, Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Permodalan Negeri Selangor Berhad, Kumpulan Worldwide, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang telah menyumbang dalam program pekerjaan prihatin dalam menyediakan rumah dan baik pulih rumah bagi golongan rakyat miskin. Kita merasa agak kesal apabila kita Ketua Pembangkang menwar-warkan Selangor sebagai sebuah negeri maju beberapa tahun lalu, tetapi hakikatnya selepas setahun kita memerintah, kita dapati masalah sebenarnya begitu ramai rakyat Selangor hidup dalam keadaan daif dan terpinggir tanpa tempat tinggal yang sempurna. Kita menjangka akan ada fenomena serius kemiskinan Bandar dalam tahun-tahun yang mendatang. Kita juga menghargai penglibatan anak-anak syarikat yang menyediakan dana untuk memberi RM30 setiap orang kepada 5,600 pelajar-pelajar sekolah yang miskin yang akan menduduki peperiksaan UPSR dan PMR bagi sesi 2009. Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor berharap dapat menggerakkan *synergy* berterusan dengan syarikat korporat dan anak syarikat kerajaan negeri dalam menyumbang kepada pembangunan mampan negeri serta meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri Selangor dalam masa yang sama Kerajaan Negeri sendiri turut terlibat menyumbang dalam aktiviti amal jariah dan kebajikan sama ada dalam Negara mahupun di luar Negara. Pemberian sumbangan 40 ekor lembu oleh Kerajaan Negeri sempena Aidiladha tahun lalu kepada beberapa buah masjid dan surau di Bandar Tun Razak telah digunakan oleh sebahagian sebagai senjata politik oleh UMNO Barisan Nasional untuk mengkritik Kerajaan Pakatan Rakyat. Kita juga begitu kagum dengan kecekapan sebuah lagi komponen Barisan Nasional, Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia (MACC) yang seperti kilat menjalankan sentiasa lantaran mengatakan bukti cukup ada kes, padahal satu sen pun tidak masuk ke poket YAB Menteri Besar. Perkara ini tidak berlaku apabila berpuluh laporan dibuat kepada bekas BPR terhadap bekas Menteri Besar yang lalu padahal buktinya begitu terang dan nyata. Kerajaan Negeri juga turut terlibat dalam menyalurkan sumbangan sebanyak RM1 juta terhadap mangsa gempa bumi di Wilayah Sichuan, China tidak beberapa lama dahulu. Bantuan kewangan sebanyak RM1 juta telah juga disumbangkan oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa-mangsa taufan tropika Nagis yang berlaku di Myanmar bulan

Mei tahun lalu. Dalam meringani penderitaan rakyat Palestin di Gaza ekoran kekejaman rejim Zionis Israel, Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor baru-baru ini telah menyumbang sebanyak RM1 juta melalui Yayasan Amal Selangor. YB Tuan Speaker, kerajaan negeri komited untuk menjamin kesejahteraan rakyat Selangor dan sangat menghargai penglibatan syarikat-syarikat korporat dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dalam merealisasikan agenda merakyatkan ekonomi Selangor. Oleh yang demikian, saya membawa usul bahawasanya dewan ini menetapkan untuk mengiktiraf kebebasan Kerajaan Negeri dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri untuk membuat sumbangan sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial kepada mana-mana pihak yang difikirkan sesuai oleh mereka selari dengan undang-undang dan dasar-dasar mereka sepertimana usul ini di bawah Peraturan Tetap 27(3). Terima kasih.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Tuan Speaker, Kota Damansara ingin menyokong usul ini. Ianya memang sejajar dan selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri berkaitan dengan merakyatkan ekonomi Negeri Selangor. Saya juga menerima definisi yang telah diutarakan oleh YB Seri Andalas. Di situ kita dapat lihat rumusannya adalah ada 4 perkara iaitu satu tu hubungan korporat, urusan syarikat atau Kerajaan yang beretika. Ini berkaitan dengan menjadi dasarnya. Yang kedua yang menyumbang pada pembangunan ekonomi. Yang ketiga meningkatkan nilai kehidupan golongan pekerja dan keluarga mereka. Yang keempat meningkatkan nilai kehidupan masyarakat setempat dan juga umum. Saya juga ingin menambah apa yang telah disebut dalam usul tersebut khususnya dari segi aspek positifnya. Ianya boleh digunakan CSR ini boleh digunakan sebagai ciri-ciri untuk memilih tenaga baru dan juga untuk mengekalkan tenaga yang lama kerana mereka selesai dengan program CSR ini. Ia juga boleh membentuk budaya tulen iaitu melakukan sesuatu yang sah dan benar iaitu (dengan izin) *doing the right thing* di dalam syarikat masing-masing. Ia juga berperanan yang menarik kesetiaan pelanggan berdasarkan pada amalan-amalan nilai sejati. Ia juga mampu membawa keuntungan pada syarikat tersebut dalam jangka panjang kerana ianya dapat mengurangkan risiko dan juga mengukuhkan keberkesanan. Dan diharapkan juga mendapat kerjasama dari kakitangan. Kita juga mengharapkan bahawa Kerajaan Negeri dapat memberi sokongan terhadap inisiatif dan keutamaan pada syarikat-syarikat yang menyumbangkan pada masyarakat. Sebaliknya juga kita harus mengetahui aspek negatif CSR supaya kita dapat mengatasinya dengan baik yang satu tu adalah ramai tetap dan masih curiga, waspada mengharapkan bahawa CSR ini sebagai satu sandiwara (dengan izin) *window dressing, leak service*, tidak tulus, hipokrit. Ya benar mengikut sejarah sistem kapitalisme ini mengamalkan sikap menghancurkan naluri kemanusiaan dan persekitaran. Kita juga mengharapkan bahawa kita dapat bergerak dengan lebih teliti lagi supaya masalah yang ditimbulkan nanti dapat diatasi dengan baik kerana saya merasakan bangga kerana Kerajaan Negeri sanggup mencari haluan yang baru, sanggup memikirkan bagaimana kita dapat membantu masyarakat dan bagaimana syarikat-syarikat dapat menyertai di dalam pembangunan Negara dengan berbagai-bagai cara. Kita juga tahu bahawa banyak juga syarikat lebih mementingkan keuntungan dan tidak pedulikan sangat dari segi tanggungjawab mereka pada masyarakat. Mereka anggapkan kebajikan itu diserahkan kepada Kerajaan, walhal kepincangan yang berlaku berkaitan rapat dengan tindakan syarikat menindas golongan pekerja. Maka itu juga kita dapat melihat bahawa cabaran itu memang banyak yang harus kita lalui dan dengan itu juga kita memang harap sangat bahawa Kerajaan mempunyai ketegasan politik untuk melakukan perubahan, untuk bertindak agar dapat syarikat-syarikat ini bergerak untuk membantu masyarakat umumnya. Kita juga mengharapkan Kerajaan memiliki hala tuju yang jelas dan tegas supaya tidak ada kekeliruan apabila kita melakukannya kerana cabaran telah saya

katakan memang kita hadapi kerana ini ada pertentangan antara keuntungan dan kebajikan. Juga kita mengharapkan *wind-wind situation* di mana hubungan sosial dan ekonomi, kebajikan dan keuntungan itu dapat diimbangkan dan juga kita mengharapkan bahawa apa yang dilakukan memang sejajar dengan merakyatkan ekonomi Selangor. Akibat dari syarikat-syarikat yang tidak telus dan bersikap hipokrit, maka kita harus memikirkan jalan bagaimana mereka dapat menyertai di dalam program CSR ini melalui adakah kita harus pantau kegiatan mereka supaya dapat diselaraskan dengan syarikat-syarikat bertindak dengan penuh tanggungjawab sosial? Adakah kita perlu undang-undang dan penguatkuasaan agar mereka dapat bersama menyertai dalam pembangunan? Kita juga mengharapkan bahawa oleh kerana Kerajaan juga memiliki syarikat-syarikat sendiri, kita mengharapkan Kerajaan memulakan dengan syarikat-syarikat milikannya khususnya GLC (dengan izin) *Government Link Companies*. Di sini juga EXCO Seri Andalas telah menyebutkan peranan GLC untuk membantu masyarakat. Juga kita memikirkan bahawa kalau ada badan ini biarlah ia memikirkan lebih jauh lagi bukan saja membantu tetapi mempertingkatkan kemahiran mengikut keperluan masyarakat, tidak mencemari alam sekitar, ingin penglibatan mereka ini berkekalan dan menyeluruh bukan saja tanam pokok, tanam pokok sampai pokok tu besar dan juga dari segi pendidikan terhadap kitaran semula sampah. Maka itu juga yang kita harus utamakan adalah kerana kalau kita kaji syarikat bergerak di atas keuntungan dan syarikat bergerak di atas penindasan terhadap tenaga pekerja maka itu kebajikan pekerja harus mendapat keutamaan di dalam GLC sebagai satu contoh ataupun model boleh diikuti oleh syarikat-syarikat lain. Di sini pernah kita sebutkan iaitu harus kita menguatkuasakan gaji minima termasuk bonus, menjaga keselamatan di tempat kerja, keselesaan di tempat kerja, membekalkan insurans, membantu mereka dari segi perumahan, berunding bersama dari segi kemajuan syarikat dan juga tidak menindas syarikat-syarikat yang lain. Amalan CSR ini dapat merangsangkan melibatkan pekerja-pekerja dalam dunia pekerjaan *in short* dari segi (dengan izin) *you take care of them and they take care of you* khususnya dari segi tingkatnya produktiviti, kegigihan dan komitmen mereka terhadap syarikat, disiplin dan kerjasama yang akan mereka lakukan sama, bangga dengan pencapaian syarikat, kesetiaan, harga diri dan keyakinan diri dan menjadi satu keluarga yang besar dalam syarikat dan ini saya percaya amat penting sekiranya kita mahu kerjasama dan saya yakin bahawa Kerajaan Negeri sudah pun bermula untuk menuju ke arah itu dan saya sebagai seorang *socialist* minat dalam perkara ini dan akan memberi segala sokongan agar berjaya program ini. Puan Speaker, saya menyokong usul ini. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Baik. Ahli-ahli yang berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Sila Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin menarik perhatian dewan bahawa usul ini walaupun bagus tetapi perlu kita berhati-hati kerana garis sempadan untuk kita melakukan kesilapan yang sama seperti Pentadbiran Kerajaan yang silam boleh berlaku kerana dalam konteks tanpa ada garis panduan yang jelas persoalan yang *arbitrary* (dengan izin) boleh berlaku sebagaimana contoh untuk mengambil hati pengerusi GLC, pengurus besar GLC mungkin menawarkan harga tanah lima puluh peratus sebagaimana yang telah berlaku dalam kes sebuah anak syarikat Kerajaan yang lepas. Walaupun kes itu tidak dapat diselesaikan oleh SPRM

dan BPR tapi ini menjadi iktibar kepada kita dan ada kecenderungan untuk pegawai-pegawai yang dilantik sebagai pengurus-pengurus anak syarikat mengambil hati ketua-ketua pemimpin politik mereka. Ini boleh berlaku sama ada dalam Barisan Nasional ataupun pada Pakatan Rakyat kalau tidak ada garis panduan yang jelas untuk mengambil hati pengerusi, untuk mengambil hati Adun, ahli lembaga dan sebagainya *fair work* boleh diberikan dengan kelebihan-kelebihan yang terlalu tidak dapat kita nyatakan secara jelas kerana mungkin atas dasar untuk menjaga kawasan YB, untuk memenangi. Jadi, oleh kerana itu hubungan-hubungan antara YB dan pengurus besar, pengurus-pengurus syarikat anak Kerajaan Negeri Selangor ini akan tidak jelas dan kabur. Jadi, oleh kerana itu kalau kita fokuskan garis panduan ini bahawa perlu ada pemantauan dan perlu kita kaitkan dengan penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa dewan yang akan dianggotai oleh ahli-ahli Adun yang akan memantau dari luar, yang akan mendengar, mengadakan pendengaran awam secara berterusan agar penyelewengan-penyelewengan dan kesilapan-kesilapan yang berlaku dulu tidak berulang dalam kerajaan yang baru. Oleh kerana itu, insentif-insentif yang perlu difokuskan dalam CSR kepada anak-anak syarikat ini hendaklah difokuskan terus secara langsung kepada program merakyatkan ekonomi Selangor seperti KDEB dalam konteks bekalan air 20 meter padu, TAWAS, usia emas, anak pekerja ladang difokuskan tidak lari kerana keutamaan itu terlalu banyak kalau kita bercakap tentang pembiayaan anak angkat, anak yatim, bercakap tentang ibu tunggal dana yang diperlukan untuk diagih-agihkan cara adil, saksama kepada semua DUN sama ada yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat ataupun pembangkang begitu besar. Jadi oleh kerana itu kalau tidak ada garis panduan ini selari dengan merakyatkan ekonomi Selangor, maka *priority* (dengan izin) keutamaan itu tidak akan berlaku. Jadi dengan itu, saya menegaskan bahawa keutamaan adalah, kepada di samping, keutamaan kepada merakyatkan ekonomi Negeri Selangor hendaklah difokuskan kepada keutamaan rakyat. Pertama, pembasmian dan menghapuskan kemiskinan kerana kita meletakkan garis kemiskinan yang sangat tinggi RM1,500. Jadi fokus kepada program-program CSR hendaklah ditujukan kepada menghapuskan kemiskinan. Kedua, memberi ruang dan peluang pekerjaan kepada ramai belia, beliawanis, mungkin orang yang sudah bersara sekalipun. Kemudian yang ketiganya, kediaman untuk semua. Jadi oleh kerana itu, saya menyeru agar program-program tradisi seperti memberikan lembu pada Aidiladha hendaklah di *review* (dengan izin) kerana dari segi *fiqh awlawiyat* (dengan izin) fiqh keutamaan, dalam Islam hendaklah diuruskan sumber-sumber dana Kerajaan Negeri dan anak syarikat Negeri kepada program-program yang menjadi *anchor*, menjadi tonggak asas kepada program seperti program merakyatkan ekonomi Negeri Selangor dan keutamaan membasmi kemiskinan, mendapatkan peluang pekerjaan dan mendapatkan kediaman untuk semua. Jadi dengan ini saya menyeru agar diadakan rujukan kepada Pejabat Mufti kerana berkorban ini asal-usulnya adalah inisiatif individu. Apabila tugas ini dimainkan oleh sebagai sebuah GLC, apakah *locus standi*, apakah asas sahnya sebuah syarikat, lembaga syarikat membuat keputusan untuk mengorbankan lembu dengan menggunakan dana asalnya daripada rakyat. Jadi hendaklah kita *review* agar program-program yang kontroversi dan yang boleh mengundang kontroversi dan sebenarnya yang tidak *aula'* yang tidak utama dalam program Kerajaan Negeri Selangor diteruskan. Dengan ini saya dengan langkah-langkah pencegahan daripada penyelewengan dan peringatan agar kita memberi fokus kepada program-program yang utama. Saya menyokong usul ini agar diluluskan. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER :** Baik. Ahli-ahli yang terhormat sekalian, oleh kerana urusan dewan ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung sehingga jam 6.00

petang. Bagi meneruskan urusan Dewan saya mempersilakan wakil YAB Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul ini.

**YB. PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan 20(4) Dalam Peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan pada hari ini sehingga jam 6.00 petang”.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Puan Speaker saya menyokong.

**PUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak bersetuju sila katakan TIDAK.

Dipersetujui.

**PUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan perbahasan disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi :

” Bahawa Dewan ini menetapkan untuk mengiktiraf kebebasan Kerajaan Negeri dan anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri untuk membuat sumbangan sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial kepada masa-masa pihak yang difikirkan sesuai oleh mereka selari dengan undang-undang dan dasar-dasar mereka.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan YA. Yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya Usul 2 Tahun 2009 Di Bawah Peraturan Tetap 27(3) oleh YB ADUN Meru.

**YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** *Assalamualaikum waahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Puan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan “Bahawa Dewan ini menggesa agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ataupun SPRM menyiasat semua pertuduhan-pertuduhan rasuah dan salah guna kuasa secara serius dan bebas berdasarkan merit bagi memenuhi tanggungjawab mereka tanpa memilih kes-kes tertentu semata-mata”

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa amalan rasuah adalah suatu perbuatan yang cukup jijik, keji dan dihina oleh semua masyarakat yang bermaruah dan berprinsip seluruh dunia ini. Tidak ada satu agama pun di dunia ini sama ada Agama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha yang mengizinkan perbuatan terkutuk ini dilakukan oleh penganut-penganutnya. Memetik kepada kata-kata Setiausaha Agung Komanwel Mr. *Done Mickynon*. Di Malaysia bahasa yang digunakan untuk rasuah ialah duit kopi dan di *Moryses* pula ialah duit teh. Apa yang membimbangkan ialah kedua-dua ungkapan ini seolah-olah menganggap rasuah sesuatu yang remeh. Ini adalah tanggapan yang

sangat salah kerana rasuah antara lain akan melibatkan *aportisme*, amalan perniagaan yang buruk dan pilihan raya yang tidak adil. Menurut *Done Mickynton* lagi dalam Pertubuhan Komanwel rasuah dianggap musuh masyarakat nombor satu kerana golongan yang paling teruk terjejas oleh perbuatan terkutuk itu ialah masyarakat yang miskin. Rasuah juga melemahkan sistem demokrasi serta melumpuhkan piawai moral yang menjadi rujukan kehidupan manusia. Rasuah juga seperti virus yang cukup merbahaya yang mampu merampas jati diri masyarakat itu sendiri. Sebab itulah Ahli-ahli yang Berhormat sekalian, Islam Memandang berat tentang kes rasuah ini. Rasulullah SAW pernah menyebut satu hadis yang sahih dengan izin "*arrashi warmurtashi binnar*" orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah akan dihancurkan oleh Allah dalam api neraka jahanam.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pihak BPR, Badan Pencegah Rasuah yang sebelum ini dikenali sebagai BSN, Biro Siasatan Negara dan kini dinaiktarafkan kepada SPRM. Ketika mengumumkan penubuhan SPRM Kerajaan Persekutuan menjanjikan bahawa suruhanjaya ini akan *perform* dengan izin, dengan lebih telus, lebih cekap, lebih bebas dan lebih berkuasa. Pada mulanya rakyat menyambut baik usaha penjenamaan ini ataupun "*new branding*" ini dengan izin dan rakyat penuh berharap agar SPRM ini dapat berfungsi bebas dan berkesan berlandaskan piawai antarabangsa seperti ICAC ataupun "*Independence Commision Agent Corruption*" di Hong Kong. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini sebelum penubuhan ICAC Hong Kong merupakan antara negara di Asia ini yang dikenali paling tinggi amalan rasuahnya. Sehingga menjejaskan imej kredibiliti pimpinan serta mencemar integriti Negara Hong Kong itu sendiri. Kita difahamkan sebelum ini Hong Kong pekerja-pekerja Ambulan mereka tidak mahu menangkap mayat melainkan ada rasuah. Pekerja-pekerja Bomba tidak mahu membuka pili untuk mengeluarkan air melainkan dengan rasuah. Wang atau sogokan rasuah di Hong Kong lebih dikenali dengan nama "*Tea Money*" dengan izin "*Black Money*" ataupun "*Heat Money*". Namun setelah menubuhkan ICAC pada bulan Februari 1974 yang dianggotai oleh orang beberapa orang tokoh sukarelawan tanpa gaji yang berkaliber dan "*committed*" dalam menjalankan tugas-tugas mereka, kadar rasuah di Hong Kong dapat dikurangkan ke satu tahap yang cukup membanggakan. Berlainan sekali di Malaysia sehingga ke saat ini rakyat sekali lagi merasa tertipu oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Eh eh tak ada dia orang...apabila satu demi satu kes-kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang dilaporkan kepada SPRM walaupun dengan membawa berbagai bentuk bukti mendapat reaksi yang cukup mengecewakan dari pihak SPRM. SPRM dilihat dari kaca mata rakyat sebagai lebih berkuasa mungkin tetapi tidak lebih bebas. Jauh sekali lebih cekap dan telus dalam menjalankan tugasnya. Pada hakikatnya rakyat melihat SPRM mengamalkan dakwaan terpilih atau dengan izin "*selective prosecution*". Ini jelas apabila SPRM bertindak berani pantas dan cekap apabila mendapat laporan kes-kes rasuah yang melibatkan Pimpinan Pakatan Rakyat namun tiba-tiba menikus dan seolah-olah mengheret kakinya dengan keberatan apabila kes yang sama yang melibatkan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil contoh kes 2 L. Lembu dan *Lexus*. Dalam kes pemberian 46 ekor lembu korban dan penyelenggaraan kereta *Lexus* yang membabitkan YAB Menteri Besar Selangor yang dilaporkan kepada SPRM bukan sahaja SPRM bertindak cukup pantas dan cekap dalam membuat penyiasatan malah terlampau pantas sehingga terlajak menjatuhkan hukuman mendahului Peguam Negara. Perkara ini menimbulkan pertanyaan dan keraguan pada mata rakyat. Bagaimana boleh hukuman dijatuhkan SPRM sedangkan laporan siasatan

baru hendak diserahkan kepada Peguam Negara. Kenyataan SPRM dalam kes ini adalah jelas sesuatu yang di luar peraturan biasa dan boleh di tafsirkan sebagai suatu item ataupun cubaan untuk mempengaruhi budi bicara Peguam Negara. Sedangkan dalam timbunan kes-kes yang melibatkan pimpinan UMNO dan Barisan Nasional. Ada yang tertunggak berbulan-bulan, malah bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang laporan atau mungkin tiada sebarang siasatan diadakan *wallahualam*.

Kita mengambil kes pembelian kapal selam *scorepene* dan jet pejuang *sukhoi* dalam kes yang melibatkan YAB Timbalan Perdana Menteri itu semasa beliau menjawat jawatan Menteri Pertahanan sebelum ini yang melibatkan wang rakyat lebih dari RM 400 juta walaupun berbagai laporan serta bukti-bukti yang kukuh dikemukakan kepada PBR dan Polis ketika itu namun tiada laporan atau keputusan yang dipersembahkan kepada rakyat. Adakah SPRM akan membuka semula kes ini atau mendiam seribu bahasa. Kes mantan Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Ketua Pembangkang telah membongkar kes ini dalam Dewan Rakyat yang mana kes mantan Menteri Besar Kedah yang cuba membeli seorang ADUN Pakatan Rakyat di Kulim bukan setakat bukti biasa malahan rakaman video audio rasuah tersebut diserahkan kepada SPRM namun tiada sebarang tindakan diambil. Saya ingin memetik apa yang disebut oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri buktinya jelas, gambarnya jelas tetapi tindakannya tidak jelas. SPRM juga digesa untuk meneliti semula kes-kes rasuah yang membabitkan pimpinan-pimpinan UMNO Johor yang cuba merasuah calon PAS dalam pilihan raya tahun 2004. Walaupun sudah 5 tahun kes ini berlalu, namun tiada tindakan yang diambil walhal pengadu telah menyerahkan semua bukti yang patut dikemukakan. Begitu juga tuduhan rasuah membabitkan Ketua Bahagian UMNO Kota Tinggi menerusi akuan bersumpah seorang pemimpin UMNO Cawangan sampai sekarang pun rakyat terus bertanya-tanya apa sudah terjadi kepada kes ini. Ketika menjawat jawatan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Rais Yatim pernah mengumumkan terdapat 18 kes berprofil tinggi yang disiasat oleh BPR ketika itu tetapi hingga kini kebanyakan kes-kes tersebut dipendam begitu sahaja.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kami Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pakatan Rakyat di Negeri Selangor ini yang terdiri dari PAS, PKR dan DAP menyifatkan SPRM sebagai institusi terbaru yang diperalatkan dan diperkudakan oleh UMNO dan Barisan Nasional untuk menggugat Pakatan Rakyat yang telah dipilih oleh rakyat berbilang kaum di negeri ini. Sebab itu saya tidak pernah berasa hairan kalau pimpinan UMNO dan Barisan Nasional memberitahu kita bahawa mereka ditahan dan disiasat berjam-jam oleh SPRM. Berminggu-minggu pun tak apa kerana rakyat tahu bahawa akhirnya mereka tidak akan didakwa sedikit pun dan dibebaskan semula. Yakinlah bahawa Allah itu maha melihat lagi maha mendengar, kedua-dua Malaikat Rakib dan Atip mencatat setiap tingkah laku manusia akan membongkar secara terperinci setiap perbuatan baik atau buruk yang kita lakukan di dunia ini yang bersifat sementara ini. Kita bukan nak hidup selama-lama di buka bumi ini. Apabila kita mati kita tidak akan membawa banglo-banglo besar, istana-istana, kereta-kereta mewah dan jutaan ringgit yang kita miliki. Tetapi yang kita bawa ialah amalan dan kita berhadapan dengan Allah Rabul Jalil. Allah *Subhanawataala* berfirman di dalam surah Al " Surah ke 82 ayat ke19 dengan izin " *Bismillahi rahmani rahim* .....Sesungguhnya bagi kamu malaikat-malaikat yang menguasai pekerjaan kamu yang mulia di sisi Allah dan yang mencatat segala perbuatan kamu, mereka mengetahui setiap perkara yang kamu kerjakan". Biarlah kita menjadi manusia yang beriman penuh dengan kalimah dan petunjuk Allah menjadi insan yang membuka telinga dan mendengar teguran dan menjadi insan yang berkata benar jangan sampai kita dilabelkan manusia yang punya

satu telinga dan dua lidah. Seperti yang dijadikan enologi tajam oleh Sasterawan Negara Pak Samad Said baru-baru ini.

Tuan-tuan, Ahli-ahli Berhormat yang dihormati sekalian, di dunia ini mungkin kita terlepas dari berbagai-bagai mahkamah dan sebagainya tetapi kita kena ingat, di akhirat besok Allah Subhanahuwataala menyebut di dalam Surah Al-Kahfi yang saya bacakan maknanya sahaja “ *dan diletakkanlah kitab lalu kamu akan melihat orang-orang yang bersalah ketakutan terhadap apa yang tertulis di dalamnya dan mereka berkata aduhai celakalah kami kitab apakah ini yang tidak meninggalkan yang kecil dan tidak pula yang besar melainkan dicatatkan kesemuanya dan mereka dapati apa yang telah mereka kerjakan ada tertulis di dalamnya dan Tuhan kamu tidak menganiaya seorang juga dari kamu*”. Hari ini kita dikejutkan dengan berita ada pegawai SPRM yang diberitakan di Berita Harian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada hari ini yang berjawatan Superintenden yang dipercayai menerima sogokan dan sokongan kewangan daripada seorang usahawan sebagai ganjaran untuk menggertak serta mengugut saingan-saingan ini. Inilah yang pernah disebut oleh Tan Sri Hanif mantan Ketua Polis Negara sebelum ini “*The fance that is the rice*” harapkan pagar, pagar makan padi.

Tuan Speaker, aaa Puan Speaker, minta maaf kami dalam Pakatan Rakyat amat simpati sebenarnya kepada rakyat dan juga sesetengah ahli UMNO sendiri umpamanya Ketua UMNO Bahagian Muar, Datuk Kadar Shah Tun Sulaiman Nilam Shah dan mantan Ketua Pemuda UMNO Malaysia Datuk Mazlan Harun yang telah cuba membersihkan integriti Negara dan UMNO itu sendiri yang mendapat lebih dari 1000 aduan rasuah politik wang. Namun tidak ada tindakan yang konkrit daripada SPRM atau Lembaga Disiplin UMNO itu sendiri. Akhir sekali saya ingin mengingatkan kita semua terutamanya orang Islam di kalangan Ahli PAS, PKR dan juga UMNO itu sendiri dengan suatu hadis Nabi yang Nabi sebut “telah binasa umat-umat sebelum kamu iaitu apabila rakyat biasa membuat kesalahan mereka akan dihukum dengan hukuman yang berat tetapi apabila kesalahan yang sama dilakukan oleh pembesar-pembesar mereka, pembesar-pembesar itu tidak akan dikenakan apa-apa hukuman” Dalam surah menyudahi hadis ini dengan sabdanya: *wallahilau annafatimah bt Muhammad saudakat lakathattuyadahah*, demi Allah sekiranya Fatimah binti Muhammad anak kesayangan ku itu mencuri aku sendirilah kata Rasulullah yang akan memotong tangannya. Sekian, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Siapa yang menyokong

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya yang menyokong.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya, terima kasih Tuan Speaker, tak apa...tak apa.... nanti mereka sudah hilang tak apa kita teruskan juga Puan Speaker. Terima kasih menunggu kita berdiri dan menyokong usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Meru tentang usul yang berbunyi seperti dalam kertas ini.

Puan Speaker, hakikatnya pada hari ini ialah SPRM ataupun nama penuhnya Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia perlulah menyiasat semua kes rasuah dengan adil dan saksama tanpa memihak pada mana-mana pihak. Tadi rakan saya dari Meru mengatakan bahawa SPRM ini telah menjadi, telah menjadi satu jawatankuasa ataupun suruhanjaya yang hanya berminat terhadap 2L sahaja iaitu lakses dan lumpur. Saya pula ingin berkongsi satu lagi pencetusan gurauan di dewan rakyat Ketua Parlimen DAP di dewan rakyat YB Lim Kit Siang telah menyatakan bahawa SPRM ataupun nama



singkatannya Malaysia anti *corruption commission* MACC telah bertukar menjadi Malaysia anti *corruption to were see* menjadi *cow and car* makna ada kesamaannya di situ.

Puan Speaker, kita telah difahamkan apabila SPRM itu ditubuhkan pada 2009 ini SPRM telah menunjukkan seolah-olah telah menunjukkan satu budaya ataupun satu cara penanganan masalah rasuah yang begitu berbeza seolah-olah telah menunjukkan kepada kita bahawa SPRM ditubuhkan dengan hasrat untuk membanteras kegiatan jenayah dan ini dalam sekerap mata ramai orang bahawa kali ini mungkin pernah SPRM bukan main-main tetapi prestasi SPRM ini adalah tidak dapat berkekalan tidak sampai setengah bulan daripada penubuhannya SPRM telah dilihat sebagai satu badan yang tidak dapat berfungsi dengan bebas. Biar pun kita telah mendapati daripada media SPRM telah berjaya mengheret beberapa ekor ikan bilis ke muka pengadilan tetapi sehingga sekarang, sehingga sekarang saya nak kata yang *top profail, high profail* ikan yu yang besar-besar tu yang sekarang ini sedang berenang dengan bebas di Laut Cina Selatan masih lagi berenang di Laut Cina Selatan, mereka masih belum diheret ke muka pengadilan khususnya mereka yang datang daripada kalangan UMNO sendiri. SPRM telah kelihatan bertindak berat sebelah apabila SPRM menghentikan kerja siasatan terhadap laporan rasuah buat sementara waktu semasa kempen pilihan raya kecil Kuala Terengganu, masih semua ingat ke, semasa pilihan raya kecil Kuala Terengganu SPRM menghentikan, menggantung semua tindakan siasatan terhadap semua kes rasuah kononnya, alasannya ialah supaya tidak menjejaskan keputusan pilihan raya kecil Kuala Terengganu. Kalau SPRM betul-betul bebas, betul-betul dapat bertindak tanpa berat sebelah mengapakah SPRM perlu membuat kenyataan sebegini, bukankah ini telah menunjukkan SPRM walaupun telah bertukar nama, walaupun ada akta yang baru walaupun ada telah diperkaya, diperkukuhkan dengan peruntukan-peruntukan yang lebih tegas tetapi masih orang yang sama, masih tidak akan berubah dan ini adalah satu persepsi yang telah menyebabkan rakyat Malaysia menganggap SPRM tidak dapat berfungsi dengan adil. Malahan pada 14 Januari 2009 SPRM yang sepatutnya mendakwa seorang bekas Adun Semenyih Barisan Nasional di Selangor rakan-rakan kita mungkin sudah, mungkin kenal Dato' Ahmad. Kuris Mohd. Nor yang juga merupakan Ketua Bahagian UMNO Hulu Langat pada hari itu sebenarnya SPRM perlulah mendakwa individu ini ke Mahkamah Sesyen Ampang atas empat tuduhan rasuah yang berasingan yang melibatkan wang sejumlah wang sejumlah RM400,000.00 tapi SPRM tiba-tiba menukar tarikh pendakwaan terhadap bekas Adun tersebut alasannya, sebabnya ialah supaya tidak menjejaskan keputusan pilihan raya kecil Kuala Terengganu. Jika SPRM betul-betul bebas saya ingin bertanya sekali lagi, mengapa SPRM perlu tukar tarikh pendakwaan tersebut, saya amat berharap di dewan yang mulia ini kalau ada wakil-wakil daripada SPRM kerana ucapan-ucapan saya nanti akan masuk kepada lebih banyak kes-kes korupsi yang saya minta kepada SPRM untuk mulakan fail, mulakan siasatan dan saya minta Puan Speaker kalau boleh tolong sikit nanti ucapan saya dikumpulkan sebagai bukti, sebagai laporan saya terhadap SPRM ini. Jika SPRM betul-betul bebas, SPRM tidak sepatutnya bertindak menjaga kepentingan UMNO dengan melewatkan proses pendakwaan tersebut.

Ini bukan satu contoh sahaja. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian contoh yang kedua apabila Adun Bota dari Perak, semua kenal ya.. orang ini yang bernama Dato' Nasaruddin Hashim, apabila ia keluar dari UMNO masuk Keadilan, SPRM pada masa yang sama, hari yang sama mengeluarkan kenyataan bahawa akan semak, akan siasat sama ada unsur politik wang atau tidak, begitu cepat, begitu pantas tetapi tak sampai seminggu apabila Dato' Nasaruddin Hashim, dia lompat keluar dari UMNO masuk

Keadilan, dia lompat sekali lagi dari Keadilan masuk ke UMNO, itu jam 2 kali ya, lompat dua kali SPRM senyap tiada komen langsung hilang mengapa ....

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Minta laluan....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Ya...

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Saya nak tanya Yang Berhormat sama ada dua lagi EXCO yang lompat menyertai menjadi bebas dan menyokong Barisan Nasional bersama bekas Timbalan Speaker turut disiasat oleh SPRM.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Saya tak pasti sama ada mereka disiasat atau tidak, tetapi saya tahu banyak laporan telah dibuat, saya semak semua surat khabar bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Melayu, satu perkataan pun tidak disebut oleh Ketua Pengarah tentang kes ini, apa sebab berlaku, kalau SPRM ini betul-betul *independent*, betul-betul bebas sepatutnya mereka boleh mengatakan bahawa akan siasat juga tetapi membisu dan ini adalah satu hakikat yang kita perlu hadapi. Satu lagi contoh Ketua Pesuruhjaya SPRM Dato' Seri Ahmad Said Hamdan dalam satu laporan akhbar Bernama, beliau menyatakan pada 4 Mac 2009 bahawa SPRM telah menyelesaikan siasatannya terhadap tuduhan-tuduhan politik wang di dalam UMNO dan beliau menyatakan tiada kes, ini ialah apa yang dilaporkan. *Malay Mail* Ahmad Said said that *MACC have completed its investigation on claim of money politic in UMNO and found no cases so far*, ini adalah laporan bukan laporan saya, laporan Bernama *no cases* adakah UMNO betul-betul begitu bersih ke. Rakan-rakan saya, tiba-tiba pada minggu yang lalu seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO Norza Zakaria, orang kuat kepada Yang Berhormat Khairy Kamaruddin bersaing kepada Yang Berhormat Sungai Panjang dalam perebutan jawatan Ketua Pemuda UMNO telah diheret ke Mahkamah, telah diheret ke Mahkamah di Temerloh atas tuduhan rasuah. Kalaulah UMNO itu betul-betul bersih mengapa pula Ketua Pengarah SPRM mengeluarkan kenyataan ini, tidak cukup itu bukan sahaja Norza Zakaria ada juga menteri pelancongan dan Ahli Parlimen Tanggerang Norazalina Othman turut disiasat, apa siasatan dia, setiausaha politiknya ditangkap, ditahan SPRM kerana apabila beliau ditangkap, setiausaha dia dikatakan mempunyai wang tunai RM70,000.00 bersama-sama dengannya dan dikatakan wang ini digunakan untuk menjalankan rasuah wang politik. Mengapa apa yang dikatakan oleh Ketua Pengarah amat berbeza dengan situasinya dan Puan Speaker, sekarang sudah sampai masanya untuk SPRM untuk bertindak dengan adil dan menyiasat semua pertuduhan rasuah dan salah guna kuasa dengan serius berdasarkan merit. Seruan daripada rakan saya Yang Berhormat Meru adalah tepat pada masanya dan saya ingin merujuk kepada satu petikan bahasa Inggeris ye.. dari *The Star Focus* bertarikh 8 Mac 2009 dan izinkan saya baca dalam bahasa Inggeris, *title* dia ataupun tajuknya ialah *cringe time for work buyers* ini sangat penting ditulis oleh Shahanaz Habib A Puteri UMNO candidate *who was going to Kedah to meet some deligate was confuse went she receive tag message asking sekolah kebangsaan atau sekolah Inggeris tak ada orang tau apa dia kata after asking a round she found that sekolah kebangsaan or SK for shawn mean salam kosong, which ..... translate to empty handshake meaning no money, tarak or sekolah Inggeris or SI stand for salam isi or hand a contents meaning ada isilah ada money meaning there a money, later she leant that delicate was also using other descript theme light* satu tiang berapa, boleh teka, 100 ringgit saja, dua tiang 200 ringgit, tiang seri berapa, tiang seri, boleh teka, *one thousand* Yang Berhormat Pandamaran kena, satu ribu *to demand for case in exchange for ....., I also spoke to M.B. and he was discussed that delicate asked him*

*go to for drink and when he did they asked for cashed if he wanted their ..... she said.....*

**PUAN SPEAKER:** Yang Berhormat nak baca sampai seluruh artikel itu ke.....

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Tak, tak...tak . sudah siap dan ini adalah menunjukkan betapa seriusnya politik wang di dalam UMNO sendiri. Mungkin rakan-rakan kita sebelah kanan tu, sekarang ni sudahlah bertabur wang hantar SMS ataupun menerima SMS sekolah kebangsaan atau sekolah Inggeris, satu tiang atau dua tiang seri, itulah mengapa mereka tidak ada sekarang di sini, sebab mereka boleh dapat lebih banyak wang di luar bukan di sini. Kita ada soalan di sini nak tanya mereka, mereka lari tak jawab tetapi mereka berani jawab di hadapan wartawan. Ini apa sikap, apa *attitude* sebagai seorang Adun, lebih baik mereka letak jawatan sahaja bertanding jawatan dalam UMNO jangan membuang masa kita di sini, bagi tempat kepada orang lain. Jadi ini saya rasa *message* ini kena sampai kepada mereka, ini adalah apa yang saya ingin berkongsi dengan semua, jadi SPRM ini saya rasa sudah sampailah masa untuk kita betul-betul melihat kepada kes-kes rasuah ini. Selain itu Puan Speaker, saya juga ingin tegur sekarang dalam struktur SPRM ini ada sekurang-kurangnya dua kelemahan.

Yang pertama, akta yang baru sekarang ini tidak memperuntukkan kepada hak kepada pegawai SPRM untuk memanggil sesiapa pun untuk menjelaskan kekayaan atau cara hidup seseorang yang tidak setimpal dengan pendapatannya. Ini bermakna sekiranya pegawai SPRM mendapat tahu bahawa kehidupan seseorang itu telah bertukar dan ini tidak setimpal dengan pendapatannya. SPRM walaupun tidak ada hak untuk mendakwa di Mahkamah, mempunyai hak untuk mengheret orang itu datang ke pejabat SPRM buat penjelasan tetapi hak ini memang kehilangan, memang tidak ada dalam peruntukan akta yang baru ini. Saya ingin berkata memang bukan satu kesalahan untuk penjawat awam menjadi kaya tetapi jika mereka tidak diwajibkan untuk menjelaskan perubahan cara hidup kepada SPRM, SPRM tidak ada kuasa untuk memanggil penjawat-penjawat awam ini untuk membuat penjelasan maka struktur SPRM masih lagi dianggap sebagai tidak lengkap.

Yang kedua SPRM masih kekurangan penyiasat-penyiasat yang berkemampuan dan berkaliber untuk menjalankan siasatan khususnya penyiasat-penyiasat yang mempunyai latar belakang profesional dan pernah menerima latihan profesional. Rakan saya dari Meru telah menyebut tentang ICAC Hong Kong. Saya ingin memaklumkan kepada dewan yang mulia ini, kesemua penyiasat ICAC di Hong Kong adalah mereka yang diambil daripada golongan profesional, ada yang jadi jurutera, ada yang jadi akauntan, ada yang menjadi peguam dan sebagainya dan ini telah menjadikan ICAC ini sebuah badan pencegah rasuah yang betul-betul bukan sahaja bebas tetapi kompeten dalam menjalankan tugas mereka dan saya rasa rakan kita dari Sungai Panjang tak perlu gembira sangat melihat Norza Zakaria ini diheret ke Mahkamah, walau pun Norza Zakaria ini adalah rakan baik kepada pesaingnya. Dalam dewan yang mulia ini sudah pasti ada banyak kes yang telah dilemparkan terhadap Mantan Menteri Besar ini yang sekarang ini merupakan Ketua Pembangkang. Saya rasa adalah baik untuk beliau datang sendiri kalau bukan kali ini maka dalam persidangan Dewan yang akan datang, segala tuduhan yang dilemparkan kepadanya menyorok kelemahan diri dengan menggunakan alasan kononnya BPR telah menjalankan siasatan sepenuhnya dan pernah mengambil fail daripada pejabatnya dan berjalan soal siasat yang begitu teliti sampai sepuluh (10) jam, itu tidak akan menutup kesalahan yang dilakukan beliau itu. Kalau lah beliau berani untuk mempertahankan dirinya sendiri datanglah ke dewan

ini, perjelaskanlah kepada kita. Saya tidak mengulangi Puan Speaker semua tuduhan yang dilemparkannya tetapi saya rasa sekurang-kurangnya beliau harus mempunyai keberanian untuk memperjelaskan semua tuduhan ini satu persatu tuduhan di bawah ada tiga (3) dan ini pernah dibangkitkan oleh YB Tuan Speaker semasa beliau menjadi Ketua Pembangkang di DUN Selangor. Saya ingin baca tiga tuduhan besar;

Yang Pertama:

YB Sungai Panjang telah melalui Jabatan Kerja Raya Selangor menganugerahkan pembinaan Jalan '*Cross Band Four*' dari Taliair Empat Sekinchan hingga Parit Empat Sungai Haji Dorani di Sungai Panjang. Di mana panjang jalan adalah 20.5 km dan menelan kos 92.5 juta diberi kepada Meram Holding Sdn Bhd sebuah kontraktor bermasalah yang mana tiga (3) projek hanya tidak dapat disiapkan seperti yang dijadualkan dan akhirnya terpaksa projek-projek itu diletakkan di bawah kontraktor penyelamat dalam projek Sungai Panjang ini setuju terima tender di tandatangan oleh Menteri Besar sendiri.

Yang Kedua:

Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Selangor pada 20hb Disember Tahun 2000 yang di Pengerusikan oleh YB Sungai Panjang meluluskan permohonan tanah 400 ekar Bukit Cerakah Shah Alam kepada empat (4) syarikat iaitu Kaya Kekal Sdn Bhd, Tirai Gemiliang Sdn Bhd., Usaha Sewa Sdn Bhd, dan Samasis Sdn Bhd dengan setiap syarikat mendapat 100 ekar, yang aneh sekali dalam tuduhan ini ialah seorang yang bernama Samsuri Rahman adalah Pengarah kepada keempat-empat Syarikat tersebut sementara tiga (3) orang lagi yang bernama Bahari Mohd Atan, Rahman Jamhari dan Amran Abu Bakar masing-masing adalah Pengarah kepada dua daripada empat (4) syarikat tersebut dan kesemua empat (4) syarikat tersebut aneh ya, mempunyai alamat daftar dan perniagaan yang sama iaitu di No. 8, Tingkat 1, Jln PS 1/2, Bandar Pinggiran Subang, Seksyen 1, Shah Alam. Semua perkara ini sudah tentu lebih daripada kebetulan semata-mata.

Yang Ketiga:

Mesyuarat EXCO pada 4hb Julai 2001, meluluskan permohonan tanah sejumlah 200 ekar di Mukim Dua belas Daerah Kuala Langat kepada empat syarikat yang mendapat 50 ekar masing-masing. Syarikat tersebut ialah Kualiti Anggun, Pengarahnya Sauhimah bt Khusaini, Ahmad Azmir Yusuf boleh teka berapa tahun, berapa umur mereka, 20 tahun, 20 tahun sudah boleh jadi Pengarah Syarikat. 20 tahun saya masih lagi menuntut di Universiti. Awal Sentosa Sdn Bhd, Pengarah Saharudin Sulaiman, Norasikin bt Mohamed umur 22 tahun, Semaian Bintang Sdn Bhd Pengarah Rafie Kamal, Madiah bt Mohamed umur 20 tahun dan Nadi Jitu Sdn Bhd, Pengarah Rohayati Kasim, Asri Yusri Mohamed Yusuf juga 20 tahun. Daripada lapan (8) orang Pengarah ini empat (4) di antara mereka berumur 20 hingga 22 tahun, ha... Yang Berhormat boleh jelaskan ini. Ha.. nanti, ha.. nanti jelaskan ha.. Yang lebih aneh dalam perkara ini ialah Ahmad Azmir Yusuf, Norasikin Mohamed dan Madiah Mohamed di lantik sebagai Pengarah pada hari yang sama iaitu 28 Mei 2001 tak sampai 50 hari selepas itu iaitu 4 Julai 2001 mereka bertiga mendapat tanah seluas 50 ekar di Kuala Langat, manakala Asri Yusri Yusuf dilantik Pengarah pada 15 Februari 2001 dan keempat-empat syarikat mereka iaitu Nadi Jitu, Kualiti Anggun, Semaian Bintang dan Awal Sentosa mempunyai alamat daftar yang sama iaitu di No. 20M Lorong Gopeng, Klang, Selangor. Adakah

Yang Berhormat Sungai Panjang boleh jelaskan perkara ini di dewan yang mulia ini. Di mana beliau sekarang kaget, sudah kempen satu tiang dua tiang, Sekolah Inggeris atau Sekolah Kebangsaan, tiang seri atau tiang dua seri dua ribu. Inilah dia persoalannya di mana SPRM, wakil ada di belakang di mana SPRM tak ada, jadi saya harap lain kali SPRM datang ke dewan yang mulia ini, dengar betul-betul soalan kita, dengar betul-betul jawapan daripada Sungai Panjang dan buat siasatan. Jangan tutup fail sahaja. Ini ialah apa yang saya ingin mohon cadangkan kepada Puan Speaker supaya kita tulis kepada mereka dan saya ingin cadangkan juga supaya kalau boleh Jawatankuasa Pilihan Khas SELCAT ini diperbesarkan kita siasat segala kes rasuah. Kalau SPRM tak siasat kita siasat, kalau SPRM tidak mahu bekerjasama kita siasat SPRM, heret dia ke Jawatankuasa Pilihan Khas panggil dia mari ke sini kalau dia tak datang kita heret Ketua Pengarah dia ke Mahkamah kerana '*Contempt of Court*' '*Contempt of the Sitting*'. Sekian, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya buka usul ini untuk dibahaskan. Ya. Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Sabar, sabar, sabar, masa ada. Terima kasih, Puan Speaker, Sekinchan bangun untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Meru tadi. Kita sedia maklum SPRM ini dia ditubuhkan untuk membendung rasuah ya, membanteras rasuah, tetapi sejak kebelakangan ini kita nampak SPRM ramai daripada mereka mungkin tak sampai SPM pun sebab dia SPRM kalau orang tersilap tak sampai SPM, SPRM. SPRM ini kalau singkatan ini dulu BPR Badan Pencegah Rasuah sekarang jadi SPRM, dia tidak dapat menjalankan tugas dan amanah dengan profesional dia sepatutnya bebas, sepatutnya dia bebas. Apa yang kena nampak selalunya SPRM dia menyiasat kes-kes yang remeh temeh, cilik-cilik keser, dengan izin kecik-kecik kes, ewa cilik, macam, macam ikan kecil lah ikan bilis, macam ikan bilis ya. Dan kes-kes yang berprofil tinggi yang khususnya yang dilakukan oleh Barisan Nasional jarang disentuh, tidak disentuh tak berani nak sentuh, takut, *vatic*, sebagai contoh saya nak beritahu contoh sebagai contoh kes yang melibatkan erk... Klip Video, klip video, *correct, correct*, masih ingat ha.. Ahli-Ahli Yang Berhormat Vikalingam Peguam sensasi yang menggunakan kuasa berpakat dengan Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir ya... mengatur pelantikan Hakim, Hakim boleh diatur, boleh diatur, ha.. bayangkan, kita bayangkan tapi lepas siasatan walaupun satu Suruhanjaya Diraja sudah ditubuhkan sudah disiasat sudah mendapati ada kes ada bukti ada kesalahan dilakukan termasuk Vincent Tan, Tengku Adnan Mansur Ahli Parlimen Putrajaya, ha.. dulu bekas erk.. Bendahari UMNO tetapi sehingga sekarang kita diberitahu oleh SPRM, apa yang diberitahu alasan kes Vikalingam ini tidak dapat di siasat dengan terperinci kerana apa kerana terdapat satu saksi, satu saksi tidak mahu memberi kerjasama. Akhirnya kes tersebut '*elek puchik*' dengan izin, tak boleh nak siasat, ente.. tutup, sebab apa terdapat satu individu yang kebal yang punyai imuniti kononnyalah tidak boleh disentuh, tidak boleh di soal siasat dan dia tidak mahu beri kerjasama tak boleh buat. Saya nak tanya kalau kes ini berlaku kepada pada pihak pembangkang daripada Pakatan Rakyat boleh ke kita tidak mahu beri kerjasama boleh ke.. Tak boleh, sudah tentunya diheret masuk ke mahkamah tetapi kenapa dalam kes ini mereka tak berani sentuh Mantan Perdana Menteri. Saya nak tanya SPRM tolong jawab, Barisan Nasional tolong jawab, Sungai Pelek, perkara ini, adakah perkara ini adil, adakah ini betul. Kalau betul tolong angguk, kalau tak angguk maknanya memang sah, ya... memang kes ini pilih kasih, tidak dapat disiasat kerana tidak mahu beri kerjasama, saya tak boleh terima, tak boleh masuk akal langsung alasan yang berikan oleh SPRM. Jadi saya nak label kan SPRM ini sebagai Suruhanjaya Pelindung Rasuah

Malaysia, pelindung tu masalah dia, ha.. ini kes. Kita tidak boleh marah kepada rakyat jelata termasuk rakyat negeri Selangor, kita tidak boleh marah mereka persepsi rakyat mereka memandang serung memandang serung terhadap SPRM, yang mereka minat SPRM lembu, kereta, padahal lembu tersebut diagihkan semasa raya korban dan kepada masjid-masjid tempat orang beribadah ini kerja-kerja amal patut kita galakkan, kalau kita ada kita sumbang lagi ini patut kita buat tetapi SPRM mungkin tidak dapat makan 1 kilo lembu jadi dia marah dan dia seruan itu disahut oleh seruan Sungai Panjang disahut terus disambut terus oleh SPRM, saya kena siasat, kita kena tubuh satu Suruhanjaya untuk siasat apa kaitan Sungai Panjang dengan SPRM ini. Kenapa gerak geri apa yang disentuh oleh Sungai Panjang terus, terus disambut oleh SPRM, bagaikan kita membuang mata kail yang umpannya terus disambut dengan ikan haruannya. Ha.. itulah Sungai Panjang dengan SPRM. Saya kot-kot mengesyaki orang dua-dua ini ada '*connection*', ha.. saya dah teruk suruh cabar ini kenapa kalau saya cakap SPRM, SPRM tak bergerak pun, tak bergerak, ha... ini SPRM.

Puan Speaker, satu lagi ingin saya sentuh, tidak guna kalau SPRM dulu BPR di naik taraf hanya dengan tukar 'uniform' dan logo dia kat 'uniform' kononnya kita sudah baru, sudah naik taraf, sudah gagah perkasa tetapi akhirnya tetap serupa. Saya nak tanya dalam dewan yang mulia ini, satu kes yang melibatkan Ketua Bahagian Parti Keadilan Rakyat, Ipoh Timur, Bahagian, Ketua Bahagian Ipoh Timur saudara Fauzi Muda yang membuat pengakuan bersumpah mengatakan "Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, terlibat dengan sogokan wang tawaran wang sekitar 20 juta hingga 50 juta untuk memberi ADUN-ADUN daripada Pakatan Rakyat Perak dengan kenyataan bersumpah", sampai sekarang tak siasat pun, tak siasat. Ha.. ini, jadi saya mengesyorkan dalam dewan yang mulia ini SPRM ini harus diletak di bawah Parlimen jangan diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri kalau diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri saya nak tanya siapakah bos mereka, bos mereka sudah tentu Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri tauke mereka, betul atau tidak. Jadi sekiranya, andainya tauke mereka terlibat dalam rasuah Perdana Menteri terlibat dalam rasuah Timbalan Perdana Menteri terlibat dalam rasuah berani ke Pengarah SPRM siasat dua-dua tauke ini? Berani ke tak Berani? Sudah tentu tak berani, Angka orak nanti kena pindah, kena berhenti kan macam mana? Hah! ini dia prosedur yang tak betul. Mana ada satu manusia yang *perfect*. Tak de. Sudah tentu manusia tak *perfect*. Jadi Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri pun belum tentu *perfect*. Lebih-lebih lagi yang Timbalan ini, konon nak jadi Perdana Menteri, ini lagi banyak skandal. Kenapa SPRM tak siasat sebab bos mereka, tak boleh siasat. Jadi saya mengesyorkan kepada Dewan yang mulia ini, kita usulkan bahawa SPRM ini mesti diletak di bawah Parlimen sekiranya tidak sampai kapan-kapan lah, sampai bila-bila SPRM ini tetap akan menjadi kuda tunggangan Barisan Nasional. Dia tidak mampu, tidak mampu, tidak upaya sama sekali menjadi profesional, menjadi bebas. Kita sebagai rakyat Malaysia, saya sebagai rakyat Malaysia ADUN Sekinchan seorang yang bayar cukai, kita mahu SPRM ini betul-betul bebas dan bukan sahaja cakap. Kita mahu nampak bebas dan tindakannya bebas. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Puan Speaker,

**PUAN SPEAKER:** Ok, Seri Setia.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang Berhormat Puan Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian, Seri Setia ingin turut serta dalam perbahasan

tentang menuntut agar Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia menjalani siasatan tanpa pilih kasih.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian, terutama sekali saya meminta agar SPRM membuat satu pendirian yang jelas tentang pertubuhan-pertubuhan khususnya parti-parti politik yang tidak mahu menyerahkan kes-kes apa yang di panggil politik wang atau sebenarnya dalam bahasa umumnya rasuah kepada bidang kuasa SPRM untuk disiasat dan diambil tindakan lanjut. Kita merasakan bahawa SPRM sebagai badan pencegah rasuah yang kita hendak jadikan sebagai sebuah agensi yang berwibawa semestinya diberi ruang sepenuhnya untuk menyiasat sebarang insiden rasuah termasuk yang melibatkan pertubuhan-pertubuhan politik di negara kita.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian, saya tertarik dengan dua insiden yang melibatkan dua wakil rakyat. Seorang di Selangor dan seorang di Johor. Kedua-dua mereka ini di dalam Pilihan raya umum 2004 dan 2008 menang tanpa bertanding dengan lawan mereka menarik diri pada saat-saat akhir. Jadi saya nak minta, ini satu kes yang jelas untuk SPRM siasat dan bawa mereka untuk melihat bagaimana boleh ada satu kesinambungan dalam dua Pilihan raya lawan mereka kedua-dua menarik diri pada saat yang akhir. Kalau kita lihat, Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Meru sebentar tadi, isu rasuah ini bukan isu main-main. Bukan isu kecil yang harus kita pandang rendah dan pandang enteng. Kalau kita lihat khalifah-khalifah pada zaman Islam dahulu cukup menitikberatkan amanah mereka, harta rakyat dan sebagainya agar tidak salah digunakan. Kalaulah kita lihat juga di awal penubuhan UMNO, waktu itu orang-orang masuk UMNO orang yang kaya raya masuk UMNO jadi miskin sebab mereka berkorban untuk UMNO tetapi hari ini orang yang miskin masuk UMNO boleh jadi kaya raya apabila mereka menjadi wakil rakyat. Ini merupakan satu perkara yang cukup menyedihkan dalam negara kita, berusaha untuk menjadi sebuah negara yang maju.

Tuan Puan yang saya hormati sekalian, kita juga harus melihat bagaimana ada satu dakwaan yang cukup serius yang dibuat oleh seorang ahli UMNO tetapi saya percaya Pakatan Rakyat dengan semangat politik baru yang kita bawa kita cukup prihatin di mana saudara Halimi Kamaruzzaman, seorang ahli jawatankuasa UMNO Bahagian Maran mendakwa beliau telah diseksa oleh pegawai-pegawai SPRM dalam usaha untuk melibatkan Dato' Norza Zakaria dalam kes rasuah atau politik wang. Kalau betul, ada bukti kita siasat dan dakwa Dato' Norza Zakaria tetapi kita harus pastikan bahawa dalam usaha untuk mendapatkan bukti tersebut SPRM mestilah mengikut kedaulatan Undang-Undang dan tidak melakukan apa-apa perkara yang bersifat, yang tidak mengikut Undang-undang dalam usaha mereka mendapatkan bukti tersebut. Walau pun ini melibatkan pimpinan UMNO tetapi saya merasakan prinsip ini, prinsip yang adil dan telus ini harus di pakai, diguna pakai untuk semua pimpinan masyarakat.

Kita juga tidak mahu dalam kes yang melibatkan YAB. Dato' Menteri Besar daripada Ijok, di mana SPRM telah berjaya mengeluarkan kenyataan yang cukup *prejudicial* dengan izin. Sebelum perkara ini diserahkan, sebelum pihak Mahkamah membuat apa-apa keputusan tetapi SPRM terlebih dahulu menghukum Menteri Besar dengan menyatakan sudah ada bukti yang jelas. Ini cukup luar biasa dalam prosedur biasa tindakan SPRM mereka cuma kata mereka sudah kumpul bukti dan serahkan kepada pihak selanjutnya untuk tindakan lanjut. Itu sahaja yang patut mereka katakan tetapi dalam insiden ini, kita tengok bagaimana Pesuruhjaya SPRM ini berperanan lebih

seperti Ketua Cawangan UMNO daripada seorang penjawat awam yang bertindak untuk menjaga integriti negara kita.

Kita tidak mahu, Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian, kita tidak mahu kita lihat banyak kes-kes sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku, kes-kes ikan bilis, kes-kes orang bawahan yang terlibat di dalam rasuah RM50.00, rasuah RM100.00 yang dipenjarakan, ditangkap dan sebagainya sedangkan banyak lagi kes yang melibatkan berbilion-bilion ringgit yang melibatkan pimpinan besar negara tetapi tidak disiasat. Inilah apa yang dikatakan, dengan izin apabila untuk orang bawahan dipanggil *corruption* tetapi untuk orang atasan dipanggil komisen. Sedangkan kedua-duanya merupakan rasuah dan harus diadili dengan adil oleh SPRM.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian, beberapa minggu yang lalu sebagai tanda protes kita terhadap tindakan SPRM yang kita lihat sebagai berat sebelah ini, Angkatan Muda Keadilan telah mengambil tindakan untuk menghantar seekor lembu ke Pejabat SPRM Selangor sebagai tanda protes kita bagaimana mereka boleh membuat kenyataan yang begitu tidak bertanggungjawab dan di lembu tersebut kita gantung dengan kes-kes rasuah yang melibatkan Yang Berhormat Sg. Panjang ketika beliau memimpin kerajaan negeri Selangor dahulu.

Kita nyaris-nyaris pada mulanya, polis mengancam untuk menangkap lembu tersebut tetapi rupanya kita sudah ada permit veterinar jadi tidak ada alasan untuk menangkap lembu tersebut. Tapi yang lebih pelik lagi Yang Berhormat Sekalian, apabila kita membawa memorandum dan kes-kes rasuah kepada SPRM di pejabat mereka, kemudian saudara Samsul Iskandar, Ketua Angkatan Muda Keadilan disiasat selama hampir dua jam di atas bidang kuasa apa kita tidak tahu tapi seolah-olah mereka mahu mendakwa kita menghina SPRM. Tapi kita mahu tanya SPRM atas bidang kuasa apa mereka soal siasat kita? Adakah mereka punya waran? Adakah mereka punya hak untuk bertindak sedemikian. Dan inilah yang kita tidak mahu sedangkan pada waktu SPRM dahulu, kita merasakan, kita meletakkan harapan yang amat besar untuk SPRM ini menjadi sebuah Badan Pencegahan Rasuah yang benar-benar berwibawa. Kita tidak mahu membawa krisis kredibiliti yang ada pada BPR dahulu di dalam SPRM. Malangnya dengan kes seksaan terhadap anggota UMNO Maran dengan kes kenyataan terhadap YAB. Ijok sekarang SPRM bermula dengan langkah yang salah dan sekali lagi kewibawaan mereka tidak dipulihkan di mata rakyat. Akhir sekali, Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, saya merasakan perkara yang paling penting untuk kita membendung rasuah ialah dengan wujudnya sifat akauntabiliti di kalangan pemimpin-pemimpin kita. Oleh itu, saya mengalu-alukan saranan DYMM Sultan agar EXCO-EXCO kerajaan negeri mengisytiharkan aset mereka kepada rakyat dan perkara ini telah pun dilakukan dan saya ucapkan tahniah kepada Barisan Kepimpinan Kerajaan Negeri. Jadi hari ini saya ingin mencabar, walau pun dia tidak ada, saya berharap wakil yang ada di sini pada hari ini, sampaikan kepada Sg. Panjang agar semua kepimpinan negeri yang lalu antara tahun 2000 sehingga 2007 termasuk Sg. Panjang dan EXCO-EXCO nya membuat pengisytiharan harta yang mereka peroleh semasa mereka memegang jawatan dalam Kerajaan Negeri kerana ini saya rasakan teramat penting kita lihat berapa banyak berkurangan atau bertambah harta mereka antara tahun 2000 sampai 2007. Apa yang mereka lakukan selepas 2007 tak apalah kita bagi can dengan izin kita tidak mahu ganggu gugat tiang seri ke, berapa seri ke, kita tidak berapa minat tetapi yang paling penting kita nak tahu semasa mereka memegang amanah di tampuk Kerajaan Negeri bagaimanakah status kekayaan dan harta benda



mereka. Jadi dengan itu, Seri Setia ingin mengulangi sokongan terhadap usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat daripada Meru. Sekian, terima kasih.

**YB. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, boleh bagi peluang kepada Permatang ke, tadi Permatang mengganggu kata nak menjawabkan. Boleh, Permatang.

**TUAN SPEAKER:** Tidak. Batu Caves.

**YB TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI:** *Bismillahi rahmani rahim.* Terima kasih, Speaker, Sidang Dewan yang setia dan pemerhati Dewan. Hari ini kita membahaskan satu lagi Usul yang sangat khusus untuk memastikan perjalanan dan keadaan negeri dan juga negara kita berlangsung dalam keadaan yang lebih baik. Di awal ini, saya suka ingin mengutip kata-kata *Lock Ectein* yang merupakan satu surat kepada *Letter Bishopmendal Crection* pada 1887 yang telah menyebutkan *Power Tents* dengan izin *Power Tents To Corrupt and Absolute Power Corrupt Absolutely* dengan izin.

Tuan Speaker, *Power* kekuasaan cenderung kepada *corrupt* dan kekuasaan yang sepenuhnya adalah satu korupsi yang atau pun satu penyelewengan yang sepenuhnya. Kalau lebih kurang begitu makna telah disebutkan oleh *Lock Ectein* pada tahun 1887 yang merupakan satu surat kepada *Letter Bishopmendal Crection*.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan yang setia, hal ini sangat penting untuk kita bahas dan untuk kita teliti dalam sidang dewan dan dewan yang merupakan satu tapak penting untuk kita melihat kepada pengagihan dan pengasingan kuasa dalam negara kita dalam lebih-lebih lagi terhadap kuasa yang ada pada SPRM. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dalam membanteras rasuah kalau diambil semangatnya sebagaimana yang disebut oleh Meru dalam ucapan membawakan Usul ini tadi bahawa kita mengikut sedikit sebanyak daripada semangat yang lahir di Hong Kong pada tahun 70an.

Tuan Speaker, kosmetik, *superficial* dengan izin atau pun luaran tidak boleh menunjukkan atau pun menjadikan sesuatu hasrat itu tercapai tanpa ada niat kejujuran yang sebenar bagaimana dan suatu *target* dan capaian itu di capai. Begitu juga dalam kes SPRM yang bertukar sebelumnya daripada BPR. Kalau ada hasrat yang penting atau pun hasrat itu betul-betul ada kesungguhan dan keinginan yang ditunjukkan dalam kes-kes yang disebut sudah pasti ada banyak kes-kes disebut oleh Meru yang disebut oleh Kampung Tunku juga disebut oleh sahabat saya Sekinchan. Pasti sudah ada, kes-kes ini akan dicatat dan dibawakan ke Mahkamah untuk diadili atau pun paling tidak dibuktikan kesalahan dan juga kemurnian atau pun kebersihan seseorang yang di dakwa atau disebutkan kerana ia melibatkan wang yang cukup banyak.

Saya nak bawa tadi, Meru menyebut RM500 juta, bukan RM500 juta dalam kes submarine dan *sukhoi*. Hampir 1 bilion tax *pay money* dengan izin atau pun wang pembayar cukai yang ingin saya ulang sekali lagi 30% hampir datangnya daripada rakyat negeri Selangor ini terpulas habis hilang daripada dana negara atas nama komisen yang melibatkan orang yang berangan-angan ingin menjadi Perdana Menteri dalam tempoh yang terdekat daripada tempoh sekarang. Hampir 1 bilion. 1 bilion ini kalau kita ukur dengan perbelanjaan negeri Selangor Darul Ehsan sudah hampir boleh kita mentadbir Kerajaan Negeri wang tersebut.

Perbelanjaan atau belanjawan negeri yang baru diumumkan oleh Dato' Menteri Besar, saya ingat semua masih ingat, 1.4 bilion bayangkan 950 juta tersebut hilang dan tak

tahu entah ke mana, siapa yang dapat dan digunakan alasan bahawa ini adalah komisen untuk upah membeli kapal terbang dan juga untuk membeli submarine yang bagaimana yang kita semua tahu.

Tuan Speaker, saya ingin sebutkan secara jelas, apa yang disebut dalam akuan bersumpah, Mohd. Fauzi Muda sebagaimana yang disebut oleh Sekinchan, bahawa beliau di minta untuk memujuk sekurang-kurangnya 2 orang ADUN negeri Perak terutama daripada Parti Keadilan Rakyat agar lompat parti masuk ke dalam UMNO atau menjadi wakil Bebas. Hal ini menjadi kenyataan. Beliau sanggup ia ini Najib Tun Razak sanggup menawarkan kepada saya sebanyak RM50 juta bukan RM20 juta, RM50 juta bagi tujuan tersebut dan terpulang kepada saya untuk membayar kepada kedua-dua ADUN itu berapa banyak yang boleh. Tuan Speaker, malahan dalam kenyataan itu disebutkan bahawa dalam tempoh-tempoh tertentu terutamanya selepas Tahun Baru Cina, Dato' Seri Najib Tun Razak semakin banyak mendesak kepada Mohd. Fauzi Muda sebagaimana yang disebut dalam akuan bersumpah yang dibuat di Mahkamah Tinggi Ipoh. Satu kenyataan yang cukup ada *credible* kalau tak ada *credible* dia tidak berani dan pasti berdepan dengan risiko untuk didakwa ataupun untuk dikenakan tindakan kerana membuat satu kenyataan palsu yang memburukkan dan paling tidak dia boleh dihukum ataupun di saman oleh orang-orang yang tertentu.

Tuan Speaker, Ahli Dewan yang budiman,

Sebab itu apabila kita mengusulkan dan kita luluskan satu dasar yang cukup penting sebentar tadi sebelum ini yang membawa kepada satu konsep pengasingan kuasa dengan ada hasrat dan tujuan untuk melihat adanya proses *check and balance*, periksa dan semak di antara ahli-ahli pentadbir kerajaan ataupun agen-agen penting kerajaan. Namun hasrat ini tidak akan tercapai jika sesuatu badan yang sememangnya khusus untuk meneliti persoalan ini seperti SPRM ataupun apa-apa badan nak sebut cecak-cekak ke apa tak kisah tapi hasrat dan bentuknya itu harus ada *political wheel* dengan izin, harus ada kecenderungan dan sokongan politik yang utuh daripada pemimpin-pemimpin di peringkat atasan yang khususnya kepada pemimpin-pemimpin di pihak persekutuan. Saya ingin sebutkan bila kes yang melibatkan lembu dan *Lexus* yang melibatkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya ingin bawakan satu lagi hal yang begitu penting. Kita mesti ingat tahun 99 bagaimana adanya seseorang yang didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi kerana mendedahkan satu kertas pendakwaan yang melibatkan seorang sekarang ini Ahli Parlimen, Rafidah Aziz, Ahli Parlimen Kuala Kangsar yang juga sekarang ini Ketua Wanita UMNO. Kertas pendakwaan, maknanya siasatan sudah selesai, buktinya sudah cukup dan Pejabat Peguam Negara pada ketika itu telah mengeluarkan kertas pendakwaan. Kalau betul SPRM ingin ada kredibiliti dan ada kekuatan dan imejnya kembali dipulihkan tidak lagi dicucuk hidung bagai lembu yang boleh di ayak ke sana ke mari mengapa kes-kes yang sebesar ini yang melibatkan satu kes yang kononnya sudah siap kertas pendakwaan tidak *dipush*, ditolak, ditekan oleh badan-badan ini SPRM khususnya untuk membawakan, untuk mendakwa, mencari bukti dengan lebih kukuh, menyiasat, menyoal siasat di mahkamah dan sebagainya. Beberapa tokoh, dua tokoh penting, Rahim Tamby Chik sekarang masih lagi ahli majlis pimpinan tertinggi, MT UMNO. Rafidah Aziz masih Ketua Wanita UMNO, masih lagi tidak dibawakan dan masih lagi hilang begitu sahaja. Malahan sekarang semakin banyak, saya ingat apabila sejarah UMNO telah jadi sejarah nanti kita boleh buat satu muzium. Muzium khas kertas-kertas pendakwaan dan kes-kes rasuah yang melibatkan pimpinan UMNO yang tak pernah diambil tindakan. Boleh jadi muzium. Saya ingat lagi di zaman pemuda. Sebelum Dato' Dr. Mahathir, ataupun Dato' Dr. Mahathir meletak

jawatan, kita buat satu laporan polis yang berjumlah 70 kes yang melibatkan mantan Perdana Menteri tersebut. Ni sampai nak jadi Perdana Menteri yang baru lagi dah selepas habis zaman Abdullah Ahmad Badawi. Nak lantik Perdana Menteri baru. Kes-kes tersebut hilang dan masih lagi tidak ada siasatan dan tak tahu apa yang terjadi.

Tuan Speaker, saya ingin ulang dan tekankan balik bahawa perubahan *reform* yang disebutkan oleh Kerajaan Persekutuan ataupun reformasi UMNO dan BN tidak akan menjadi kenyataan kerana ia hanyalah bersifat solekan semata, *superficial* dan tidak jelas, tidak ada hasrat nurani dan tidak disusuli dengan tindakan-tindakan yang seterusnya untuk memulihkan keadaan SPRM. Saya mohon untuk menyokong usul yang telah dibentangkan. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Tuan Speaker, terima kasih Tuan Speaker memberi peluang kepada Kajang untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Meru. Kajang merasa agak keliru sebenarnya kerana saya nampak niat baik daripada Meru di mana diusulkan dengan penuh harapan dan teguran, harap SPRM ni dapat berubah. Dan kita nampak juga daripada pembahas-pembahas yang terlibat membawa kes-kes di mana cukup nyata buktinya untuk didakwakan mereka yang terlibat dalam penyelewengan kuasa dan juga rasuah yang dinyatakan. Di dalam keadaan ini, sama ada kita bawa usul ini, ia membawa makna atau tidak. Jadi kita pun agak keliru sebenarnya kerana kita memang menaruh harapan yang memang tinggi apabila BPR ditukar menjadi SPRM dengan harapan bawah pimpinan Perdana Menteri, dia dapat pada saat-saat akhirnya dapat menukarkan, menjelmakan BPR menjadi SPRM yang berkecuali. Tetapi kita nampak contoh di mana kes-kes yang dinyatakan seperti yang terlibat dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor kita, di mana kenyataan dibuat memang menunjukkan yang SPRM ini tidak berkecuali dan membawa agenda-agenda yang suruhan orang politiknya. Jadi kita nampak kita usulkan tapi pihak yang berkaitan macam terpegun sahaja tak berkaitan. Kau bising, kau sorak, kau menyalak dia anggapkan kita menyalaklah ya, dia tak kisah. Maka kita nampak, kita nampak banyak penyelewengan-penyelewengan yang berlaku di Negeri Selangor. Projek penswastan, usaha sama *joint venture*, rundingan terus walaupun ditentukan, ia sudah ditetapkan tak boleh ada rundingan terus tapi ada juga rundingan terus, dikenakan EIA *Environment Impact Assessment* dengan izin tetapi tak dilakukan. Dan juga penyelewengan disebut tadi oleh Yang Berhormat Kampung Tunku Meru, Sekinchan dan juga yang lain, tidak nampak. Terlalu cukup, sudah cukup sangat, sudah cukup sangat dan seperti dinyatakan ia boleh jadi satu muzium pameran untuk sejarah-sejarah rekod-rekod sebegini. Ia amat memalukan. Rasuah memang akan menjadikan masyarakat kita tenang dan rakyat kadang-kadang tidak dapat merasai apakah kesan rasuah terhadap kita orang biasa. Sebenarnya rasuah ini bermaksud kita kena bayar lebih. Satu contoh di mana kita tengok walaupun tak ada dakwaan dibuat tapi kita nampak memang jelas setiap orang di tepi jalan akan percayai. Pembinaan lebuh raya dengan janji yang dibuat *aggrement* yang dibuat antara pihak pengusaha *convensional* dengan Kerajaan. Memang setiap orang di tepi jalan mengatakan dia ada penyelewengan kuasa dan memang mereka kata terlibat rasuah. Dan dengan keadaan oleh kerana tandatangan sudah dibuat, janji sudah dibuat, kenaikan harga untuk tol sudah dibuat maka rakyat akan kena tanggung apa yang diselewengkan oleh mereka dalam politik dan juga dalam syarikat-syarikat korporat. Jadi ini dengan jelas kita lihat kesan. Kita tak mahu satu hari nanti kita macam Zimbabwe. Di mana duit ringgit kita tak berguna lagi, tidak bernilai lagi. Jadi keadaan rasuah ini saya nampak kita seperti

yang dinyatakan oleh Sekinchan tadi hanya, kita hanya boleh mengubah sistemnya. Sistemnya dengan meletakkan pihak Pencegah Rasuah di bawah Parlimen yang berkecuali. Bertanggungjawab pada Parlimen bukannya Jabatan Perdana Menteri di mana Perdana Menteri merupakan orang politik. Dengan ini saya boleh simpulkan seperti orang Cina kata, kalau lembu tu tak mahu minum air kita paksa dia minum air, tak jadi juga. Dia tak akan minum. Dia diheret ke sana, dia tak minum juga. Jadi samalah dengan SPRM yang dalam bahasa Inggerisnya MACC yang sekarang sudah banyak diketawakan. Saya amat, berasa amat kecewa dan malu kerana Negara kita mempunyai satu perbadanan sebegini yang tidak berfungsi secara profesional. MACC digelar bukan sahaja *Malaysian Association* untuk *car dan cow* tetapi *Malaysian Antosiast for car and cow*, berminat dengan izin. Jadi dengan ini pada usul ini Kajang walaupun keliru tapi dengan semangat yang sama seperti kawan-kawan, rakan-rakan sekalian menyokong penuh usul ini dengan niat yang baik, harapan yang baik. Harap kita dapat membuat perubahan. Sekian, terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa usul ini bukan usul politik tetapi adalah usul yang bertujuan untuk meningkatkan pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Oleh kerana itu saya ingin mengemukakan enam perkara untuk diambil tindakan sebagai menyokong usul ini.

Pertama, tentang apa yang saya telah dedahkan pada hari Rabu tentang apa yang berlaku dalam permohonan menyambung pajakan tanah penduduk Kuala Ampang di Pejabat Daerah Gombak di mana seorang yang bernama Tan Siew Wah telah turun naik, turun naik sejak tahun 2006 bulan 10 hingga tahun lalu sebanyak 22 kali dan setiap kali terpaksa memberi sogokan. Pada hari ini saya ingin mengumumkan nama pegawai yang didakwa, nama kakitangan yang didakwa menuntut sogokan. Nama beliau adalah Roha binti Khalid. Jadi saya menyeru agar tindakan ini dilakukan demi meningkatkan pentadbiran Pejabat Tanah dan Daerah Gombak sebagai satu *instrument* di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Dan saya juga ingin menarik perhatian pada lapan hari bulan Mac ketika mana Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang dan Batu Caves menunggu keputusan pilihan raya, kami dijanjikan keputusan diumumkan pada pukul 8.00 hingga 9.00 atau 10.00 hingga lewat tetapi kami terpaksa menunggu hingga pukul 4.45 pagi dan di manakah kredibiliti pegawai-pegawai yang menanti arahan dan dari mana arahan itu datang kita tidak jelas. Dan ini perlu disiasat untuk memastikan bahawa arahan-arahan yang diterima oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri. Dalam konteks ini, dalam proses pilihan raya dilakukan cara telus dan cara adil.

Saya juga ingin menarik keduanya tentang pentadbiran MPAJ. Saya menarik perhatian Dewan tentang penyata rasmi bertarikh 19 November 2003, 19 November 2003 pada masa itu yang menjadi ADUN Hulu Kelang adalah Bukit Antarabangsa yang ada pada hari ini. Saya bacakan, "Ahli Majlis MPAJ, Encik Liew Mun Onn telah menggunakan kedudukan dan pengaruhnya dalam MPAJ dan JKK Kuala Ampang untuk bersekongkol dengan Syarikat Rampaian Perkasa milik Tan Sri Zain Ibrahim bagi tujuan membangunkan padang berkenaan untuk tujuan komersil dengan mengetepikan semua pandangan dan keputusan rakyat tempatan. Ini berkaitan dengan padang UKRC yang telah ditukar gazet oleh Kerajaan sebelum ini pada tahun 2004. Pengaruh Liew Mun Onn begitu kuat sehingga belum ada Yang Dipertua MPAJ yang mampu menyentuh beliau. Beliau dibenarkan meneruskan perniagaan perabot rotan Man On di Jalan

Lingkar Tengah Dua sedangkan kedai-kedai, pokok tanaman dan kedai-kedai perabot lain dimusnahkan untuk pembesaran jalan. Ramai peniaga-peniaga lain yang kehilangan mata pencarian akibat pemusnahan tapak perniagaan mereka tetapi Liew Mun Onn tetap mendapat perlindungan dan Liew Mun Onn ini seolah-olah masih diraikan, masih diberikan oleh pentadbiran MPAJ yang ada sekarang. Dan itulah tujuan saya menimbulkan isu ini agar kita sebagai kerajaan baru memastikan bahawa kita terbuka untuk disiasat oleh mana-mana, mana-mana pegawai kita disiasat oleh SPRM.

Ketiganya Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian yang telah saya timbulkan tentang pentadbiran MPAJ dalam perjanjian antara Tan & Tan dan MPAJ tentang pembinaan rumah pangsa Bukit Baru. Telah terdapat jawapan-jawapan dan soalan-soalan saya dan penyata rasmi Dewan yang meragukan, yang membuktikan di sana perlu siasatan SPRM tentang ketelusan tentang kontrak perjanjian tersebut.

Keempat Tuan Speaker, saya meminta agar SPRM membuat siasatan tentang dakwaan berlakunya pemindahan berjuta-juta ringgit duit zakat dari *fix deposit account* dengan izin kepada Takaful *Link Structured Invest* milik MAA Takaful. Saya ulang, berjuta-juta ringgit duit zakat dari *fix deposit account* kepada Takaful *Link Structured Invest* milik MAA Takaful. Dan pelaburan 5 tahun ini dalam *Capital Guarantee Investment* menjanjikan pelabur mendapat perlindungan takaful. Ini berlaku pada 11hb. Duabelas 2008 semasa di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat dan saya telah maklumkan perkara ini kepada EXCO Kerajaan Negeri yang berkenaan secara peribadi semalam.

Dan kelimanya Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian kepada laporan Majlis Daerah Kuala Selangor tentang Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2007. Muka surat 10, di bawah tajuk 8, pelbagai pemiutang di mana ada kenyataan di situ menyatakan pilihan raya Ijok 149,160. ini di dalam satu penyata yang telah diaudit di bawah salah satu PBT bawah pentadbiran kita yang sepatutnya perlu disiasat demi untuk memastikan kredibiliti kerajaan Pakatan Rakyat terus terjamin dan kewibawaan kakitangan-kakitangan yang tidak terlibat dilindungi.

Keenamnya Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian juga tentang institusi kerajaan Dewan yang mulia ini terdiri daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri daripada Pakatan Rakyat dan pembangkang. Kedua-duanya ada peranan. Kedua-duanya memainkan peranan semak dan imbang, *check and balance* dengan izin. Oleh kerana itu setiap peribadi individu Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini baik pembangkang ataupun Kerajaan hendaklah dibersihkan namanya. Dan ini menyentuh tentang apa, 5 saya ingin menyentuh 5 perkara yang telah dikemukakan oleh saudara Ahmad Lotfi dalam dakwaannya kepada Menteri Besar yang lalu. Tetapi saya ingin melihat dalam perspektif pengawalan dan perlindungan terhadap institusi kerajaan dan anak-anak syarikat kerajaan.

Pertamanya, dakwaan bahawa bekas Pengerusi PKNS telah menggunakan kuasa dan pengaruhnya untuk mendapat sebidang tanah banglo Lot 14, Jalan 2/1G, Seksyen 2 Tambahan, Bandar Baru Bangi dengan diskaun hebat 50%.

Kedua, sebagai bekas Menteri Besar telah meluluskan konsesi membekalkan peralatan paip untuk Jabatan Bekalan Air Selangor sebelum menjadi PUAS dan kemudian diswastakan kepada syarikat milik Naib Ketua UMNO Tanjung Karang JAKS Sdn. Bhd.

Dan ini bererti bahawa kacau ganggu, tekanan politik di dalam satu instrumen dan agensi jentera pentadbiran kerajaan negeri.

Ketiga, bekas Menteri Besar juga telah mengarahkan Pengarah JKR Selangor melalui nota pensel agar dapat di padam jika timbul kontroversi kelak agar menyerahkan projek yang membawa keuntungan lumayan kepada kontrak kroni. Antara projek terbabit ialah pembinaan jalan di Sabak Bernam, Masjid di Puchong Perdana, Kem Wataniah dan Kuarters kakitangan SUK di Shah Alam. Isu yang saya timbulkan adalah agar institusi kerajaan seperti JKR Selangor tidak dikenakan tekanan politik hingga melakukan rasuah.

Keempat Tuan Speaker, bekas Menteri Besar juga telah mengarahkan agar semua minit dan kertas mesyuarat EXCO dikutip semula selepas mesyuarat tamat manakala segala bahan-bahan penting mesyuarat EXCO yang dipengeruskannya sejak Ogos 2000 tidak dibenarkan disimpan oleh EXCO lain. Selalunya kertas kerja, kertas-kertas penting ini diedarkan kepada anggota EXCO sehari sebelum mesyuarat iaitu pada hari Selasa. Tetapi selepas isu, tuduhan-tuduhan dan dakwaan-dakwaan, salah laku dan rasuah terbongkar beliau hanya, bahan-bahan ini, minit-minut ini dan catatan-catatan ini hanya diserahkan selepas setiap EXCO duduk di kerusi masing-masing. Ini bermakna EXCO Selangor pada masa itu masuk mesyuarat berlenggang, keluar pun berlenggang.

Akhir sekali, Tuan Speaker, yang kelima mantan Menteri Besar juga telah mengeksploit sepenuhnya mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor, MTES untuk meluluskan segala projek dan tanah kepada sesiapa sahaja yang disukainya tanpa kehadiran EXCO lain. Mesyuarat EXCO esoknya pada hari Rabu hanya mengesahkan sahaja. MTES, menurut bekas Penasihat Undang-undang Negeri sebagaimana yang didakwa oleh saudara Ahmad Lutfi adalah tidak sah dari segi *legal* kerana ia merampas kuasa mesyuarat sekiranya ia merupakan perkara-perkara besar yang diputuskan.

Jadi tujuan saya Tuan Speaker menimbulkan perkara ini adalah agar usul ini dalam sekali gus melambangkan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat serius dalam membanteras rasuah. Kita bukan hanya mengutarakan usul yang bersifat politik tetapi kita mahu SPRM berlaku adil menyiasat semua perkara termasuk yang menyentuh pentadbiran kerajaan sama ada yang hari ini ataupun yang lepas-lepas demi membersihkan nama baik kakitangan, pegawai-pegawai kerajaan di bawah pentadbiran kerajaan kita. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Ada penjelasan daripada Kerajaan? Ia persilakan, Pandamaran.

**YB TUAN LIU TIAN KHIEW:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin turut serta dalam menyokong usul ini kerana saya amat bersetuju dengan Sekinchan bahawa SPRM selalu memfokuskan kerjanya atas kes-kes yang remeh temeh. Dalam tugas saya sebagai seorang politik pada masa yang lampau, saya sendiri telah membuat banyak kes rasuah, laporan kes rasuah termasuk skandal, skandal tanah pencurian tanah di Hulu Selangor, skandal *low cost unit* di MBPJ, skandal Chan Mi Tiang Fun, skandal di Pahang, *loging* skandal di Pahang yang melibatkan Gabenor yang sekarang ada dan juga dengan Menteri Besar yang sekarang ada di Pahang dan kes Chan Mi Tiang yang melibatkan tokoh-tokoh MCA seperti Tun Ling Liong Sik. Dan juga saya pernah membuat laporan ACA terhadap Port Klang *Free Zone* yang melibatkan kos sebanyak RM4.6 bilion dan sebagainya. Tapi nampaknya selalunya kes-kes yang saya laporkan itu tidak ada siasatan, walaupun melibatkan kos berjuta-juta ataupun berbilion-

bilion. Jadi ini amatlah sedihlah dan juga saya ingin menyentuh ada satu kes. Saya sekarang ini jarang pergi buat laporan ACA kerana saya memang tidak yakin lagi dengan ACA. Tetapi walau bagaimanapun saya baru-baru ini mendapat banyak aduan terhadap mantan Menteri Besar Selangor hari ini khasnya ada satu kes melibatkan perpindahan Pejabat Tanah Daerah Petaling daripada, *sorry* dari Subang Jaya ke Paya Jaras di mana saya difahamkan bahawa mantan Menteri Besar Selangor memberi arahan kepada UPEN pada masa itu dalam tahun 2006 supaya menandatangani satu perjanjian dengan sebuah syarikat di mana syarikat itu diberi tanggungjawab membenakan sebuah bangunan yang baru untuk Pejabat Tanah Daerah Petaling di Paya Jaras dan dengan gantinya syarikat ini akan diberikan tanah di mana Pejabat Tanah Petaling yang sedia ada di Subang Jaya. Yang dikatakan bernilai tidak kurang daripada RM300 juta. Tetapi saya difahamkan baru-baru ini bahawa kos pembinaan untuk bangunan baru, untuk Pejabat Tanah Daerah Petaling di Paya Jaras itu tidak sampai RM30 juta. Jadi hanya mengeluarkan RM30 juta dapat satu bangunan dan tanah yang bernilai lebih kurang, tidak kurang daripada RM300 juta. Amatlah rugi kepada kerajaan Negeri Selangor dan juga rakyat, amatlah untung untuk syarikat yang dapat membuat *business* dengan mantan Menteri Besar Selangor ini. Saya tidak bercadang untuk membuat laporan dengan MACC kerana saya memang hilanglah keyakinan saya tetapi saya haraplah mantan Menteri Besar Selangor iaitu ADUN Sungai Panjang itu memberi satu penjelasan yang baik kepada kita. Sekian dan dengan ini saya sekali lagi menyokong usul untuk menyeru MACC sebagai sebuah agensi yang berkecuali. Terima kasih.

**YB TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan ini menggesa agar Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) menyasiat semua pertuduhan-pertuduhan rasuah dan salah guna kuasa secara serius dan bebas berdasarkan merit bagi memenuhi tanggungjawab mereka tanpa memilih kes-kes tertentu semata-mata”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. USUL DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya Usul 3 Tahun 2009. Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Sekinchan.

**YB TUAN SPEAKER:** Dipersilakan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Sekinchan berdiri di dalam Dewan yang mulia ini memohon membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini mengambil satu ketetapan mendesak Kerajaan Pusat supaya akur dan utamakan hak serta kepentingan rakyat Negeri Selangor dan Kuala Lumpur dalam rundingan pemberian balik pengurusan air daripada syarikat konsesi iaitu Puncak Niaga Sdn. Bhd., SPLASH dan Konsortium ABAS Sdn. Bhd. Serta SYABAS Sdn. Bhd.”

Tuan Speaker, kita sedia maklum air merupakan sumber alam anugerah Tuhan kepada seluruh umat manusia. Khazanah ini tidak boleh dimonopoli ataupun dibolot oleh

segelintir individu tertentu sahaja yang mempunyai hubungan yang rapat dengan penguasa untuk menjadi kaya-raya dan seterusnya menyebabkan kesusahan, menyebabkan kesengsaraan dan bebanan besar kepada rakyat jelata. Marilah kita imbas kembali sikit tentang latar belakang sejarah penswastan air di Negeri Selangor yang bermula pada 1996, semasa zaman pemerintahan Tan Sri Muhammad Taib sebagai Menteri Besar ketika itu. Dasar tersebut disambung, disambung oleh Yang Berhormat Sungai Panjang semasa menjadi Menteri Besar selama 8 tahun. Rakyat Negeri Selangor ketika itu sering diwar-warkan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang kononnya melalui dasar penswastan air, rakyat Selangor akan menikmati berbagai-bagai faedah termasuk mendapat air yang bersih dan sebagainya. Namun begitu hakikatnya umpama indah khabar dari bayangan. Sebenarnya apa yang rakyat dapat bukan sahaja dari kualiti air yang masih tak berapa nak bersih, masih kotor malahan mutu perkhidmatan syarikat konsesi SYABAS Sdn. Bhd. masih tidak memuaskan dan lambat bertindak apabila menerima aduan dan respons daripada pengguna. Di samping *charge* denda penyambungan semula saluran air sebanyak RM50.00 jauh lebih mahal daripada sebelum penswastan yang hanya mengenakan *charge* sebanyak RM10.00 sahaja.

Tuan Speaker,

Projek penswastan air di Negeri Selangor melalui syarikat konsesi ternyata tidak memberi kebaikan dan manfaat kepada rakyat Negeri Selangor manakala pihak syarikat konsesi air sehingga setakat tahun 2008 masih menanggung hutang sebanyak RM6.4 bilion. Berikut saya senaraikan dengan *detail* kedudukan kewangan syarikat konsesi

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, tolong senaraikan pada hari esok, jam sudah pukul 6.00.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Oh, jadi kena senarai esoklah ya?

**TUAN SPEAKER:** Ha, *extend*

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Jadi kena senarai esoklah ya? Jadi ini tak sempat senarailah ya? Oleh kerana masa mencemburui saya akur, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah pukul 6.00 petang. Maka Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, Selasa 17hb. Mac, 2009 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang**